



PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEDUA BELAS**

Pada

PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

bersamaan

22 DAN 23 RAMADAN 1432

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS

PADA 22 DAN 23 Ogos 2011

bersamaan

22 DAN 23 Ramadan 1432

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
-------------	----------------	-------------------

ISNIN, 22 OGOS 2011

1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	7
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	8
	(ii) Soalan-soalan Lisan	9

SELASA, 23 OGOS 2011

1.	Nama Ahli-ahli.	63
2.	Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan.	67
4.	RANG UNDANG-UNDANG:	
	i) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 1) 2011.	102
5.	TANGGUHAN	115
6.	LAMPIRAN [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	116

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 22 AGOS 2011

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.

WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.

WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.

WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.PJK.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawī bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.
WAKIL SURA

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan Pemerhati sidang, saudara-saudara yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan serta limpah kurniaNya dapatlah sekali lagi pada hari ini dan insyaAllah sampai ke hari besok kita bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Kedua Penggal Persidangan Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kedua Belas pada kali ini.

Saya mengambil kesempatan bagi pihak Urus Setia Dewan, mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan kebetulan Persidangan kita pada dua hari kali ini berada dalam bulan Ramadhan Al-Mubarak bulan yang penuh kemuliaan. InsyaAllah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di sepanjang dua hari Persidangan ini kita mempunyai kertas-kertas Persidangan, kemudian kita ada Soalan Lisan kemudian kita ada satu usul dan satu enakmen. Ahli-ahli Berhormat sekalian diberi kesempatan untuk berucap terutama sekali mengenai usul dan juga enakmen dan saya berharap seperti biasalah pesanan Yang Dipertua Dewan mudah-mudahan apa lagi seperti Persidangan kita ini di bulan Ramadhan yang berkat yang penuh keberkatan mudah-mudahan insyaAllah segala apa yang kita lafazkan, kita ucapkan di dalam Persidangan ini akan dicatat oleh Allah S.W.T. sebagai pahala kebajikan yang besar dan sumbangan kita untuk agama, bangsa dan negara. InsyaAllah.

Jadi nasihat ikhlas saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pastikanlah segala tertib peraturan Dewan Undangan Negeri akan kita patuhi dan semasa perbahasan diucapkan jagalah tatasusila kita terutamanya tutur kata kita, elakkan segala yang boleh menyakitkan hati rakan-rakan kita dan pastikan sumbangan kita adalah yang terbaik dan tidak sebaliknya. InsyaAllah, saya percaya dengan kebijaksanaan dan kematangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, insyaAllah kita dikurniakan oleh Allah S.W.T keselamatan dan kejayaan. Seperti biasa juga

Persidangan kita ini diperhatikan oleh anak-anak terutamanya generasi akan datang dan kita mengalu-alukan kehadiran mereka, sebagaimana yang saya katakan tadi segala yang kita lakukan akan menjadi perhatian serta ingatan kepada mereka semua, sekaligus dengan itu saya doakan mudah-mudahan insyaAllah peranan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan berjaya dan akan meninggalkan seribu kejayaan.

Akhir kata saya mengucapkan sekali lagi selamat menyambut dan meneruskan puasa di bulan Ramadhan yang mulia ini dan insyaAllah saya ingin mengambil kesempatan jugak untuk kita semua menyambut Syawal yang akan tiba dengan mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua muslimin, semua yang hadir dalam dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian demikianlah mudah-mudahan kita diberi keberkatan.

Sekian wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan sebagaimana yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2011.

(D.U.N. Bil. 1/2011)

2. Penyata Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu Tahun 2010

(D.U.N. Bil. 2/2011)

3. Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Tahun 2010.

(D.U.N. Bil. 3/2011)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS [LAMPIRAN]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan cukup notisnya telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
(Wakil Jabi)
2. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
3. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)
4. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
6. Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
(Wakil Kota Putera)
7. Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli
(Wakil Sura)
8. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggai)
9. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payong)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Sebanyak untuk hari ini untuk pagi ini sebelas wakil mengemukakan Soalan-soalan Lisan. Jadi memulakan Soalan Lisan kita saya jemput Wakil Jabi. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang kedua –

Sejauh manakah perkembangan bidang pelancongan Negeri Terengganu sepanjang Januari sehingga Julai 2011?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh, Dato' Yang Dipertua Dewan, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Jabi.

Kerajaan Negeri sememangnya mengalu-alukan kedatangan pelancong bagi menggalakkan bidang pelancongan walaupun pada tahun ini pembukaan penginapan hotel ataupun resort di pulau-pulau agak lewat dibuka iaitu pada April 2011 kerana keadaan cuaca. Sepanjang Januari hingga Julai 2011, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa aktiviti untuk menarik pelancong-pelancong. Di antaranya ialah Terengganu World Invitational Jetrace Challenge 2011, Kenyir Lake International Triathlon 2011, Kapas-Marang International Swimathon 2011, Tenggol Underwater Challenge 2011 dan Mount Berembun Green Challenge 2011, Pesta Candat Sotong, Terengganu Golf International dan Boat On The Road.

Di samping itu, bagi mempromosikan Negeri Terengganu di peta dunia, Kerajaan Negeri juga mengadakan aktiviti-aktiviti di peringkat daerah-daerah. Hasil daripada usaha-usaha galakan dan promosi tersebut, jumlah pelancong yang direkodkan adalah seramai 1,492,539 orang iaitu menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2010 pada tempoh yang sama seramai 1,489,596 orang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan ...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat. Ya, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tahniah kepada pihak Kerajaan di atas usaha-usaha yang telah dijalankan. Saya ingin dapat penjelasan mengenai Program Inap Desa, yang telah dilaksanakan di beberapa kawasan seluruh Negeri Terengganu. Apakah pertolongan dan juga pembiayaan yang pihak Kerajaan telah membantu pengusaha-pengusaha Inap Desa ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Wakil Jabi. Memang Inap Desa tumbuh begitu cepat di Malaysia umumnya dan di Terengganu khususnya. Kerajaan melalui Jabatan Pelancongan Malaysia memberikan insentif-insentif untuk membantu Inap Desa ini dan di antara yang telah diberi adalah untuk mengemaskinikan kemudahan-kemudahan *toilet* ataupun tandas dan juga memperbaiki ruang-ruang bilik Inap Desa dan juga yang terakhir adalah untuk memberikan peruntukan memperelokkan taman-taman di kawasan Inap Desa.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua ... YB Wakaf Mempelam tunggu sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya juga tertariklah dengan penambahan pelancong luar dan dalam negara yang datang ke Terengganu. Walaubagaimanapun ada sungutan daripada pelancong dari dalam negara yang mengatakan kita di Terengganu dari segi barang makanan dan barang-barang lain mahal. Pohon penjelasan daripada pihak Kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Memang kenaikan harga barang makanan memang menjadi satu perkara utama bagi pelancong. Walaupun demikian kita sedang menyediakan lebih banyak pilihan ataupun *varieties* untuk pilihan pelancong dan pertumbuhan industri pemakanan, restoran dan sebagainya ini adalah pertumbuhan yang *dynamic* sifatnya dan bukanlah suatu perkara yang statik dan kita mengharapkan bahawa pengusaha-pengusaha restoran dan hotel tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya kerana ia akan memberikan satu imej bahawa Negeri Terengganu dalam waktu yang sama kita mempromosikan makanan tempatan tetapi harga makanan tempatan tidaklah kompetitif. Walaubagaimanapun harga-harga makanan seperti yang termasyhur seperti keropok, nasi dagang sejak kebelakangan ini kita tidak menerima banyak aduan yang mengatakan nasi dagang, keropok dan sebagainya ini melambung naik (harga) secara mendadak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya bagi laluan kepada Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan terima kasih kepada sahabat saya daripada Jabi yang bermurah hati pada pagi ini sempena bulan puasa. Saya ... yang pertama Dato' Yang Berhormat Dipertua, berhubung dengan kes perkembangan bidang pelancongan di negeri kita ini, jawapan Exco tadi tidak begitu meyakinkan khususnya soalan berhubung kes barang naik tu memanglah cukup berat sekarang ini. Bukan sahaja pelancong, rakyat tempatan pun sekarang ni mengadu teruk, tambah-tambah musim perayaan. Cuma soalan sayanya Yang Berhormat Dipertua, kita nak kena tengok jugak komen-komen, *feedback* daripada orang yang dah pernah datang. Kita *promote* sebagai contoh *promote* Kenyir, tapi saya pernah sebut jalan, infra naik dari KL nak sampai ke Kenyir tu nak masuk Terengganu cukup teruk, cukup teruk, satu.

Yang kedua, Program Candat Sotong yang disebutkan oleh Exco tadi, sekarang ni doksoh kata orang luar *complain*, hak mari sekali-sekali, kita hak selalu pergi candat sotong ni duk *complain* sotong takdok dah lening. Gangguan daripada nelayan asing ke, ape benda duk berlaku sekarang ni, kekurangan yang ketara, kadang-kadang tak balik modal pergi nak candat sotong ni, takdok benda. Jadi apa tindakan Kerajaan terhadap untuk kita nak supaya mengatasi perkara-perkara macam ni. Terima kasih Yang Berhormat Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Wakaf Mempelam...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya Yang Berhormat sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Pertama tentang infrastruktur ke Kenyir, kita Kerajaan Negeri telahpun memperbaiki walaupun sebelum ini kita akui bahawa selepas musim tengkujuh memang jalan rosak pada tiap-tiap tahunlah. Walaubagaimanapun, kalau kita melalui jalan Kenyir ke Kuala Terengganu melalui ke Kuala Lumpur seterusnya, dari masa ke semasa jalan tersebut telahpun diselenggarakan.

Tentang jumlah penangkapan sotong yang sedikit, memang Pesta Candat Sotong yang kita yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agak awal sedikit dan musim candat sotong memang kita jangkakan tahun ini sotong datang awal...

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Dipertua Dewan mintak laluan sikit ja. Jadi boleh tak Kerajaan menyediakan ibu ataupun bapak sotong di Marang. Buat turun bapak sotong dengan ibu sotong di Marang ...(Dewan Gelak)...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Dan walaubagaimanapun, oleh kerana keadaan cuaca, masalah *global warming*, masalah kenaikan suhu air laut dan sebagainya bukan sahaja sotong yang kurang di perairan kita, masalah *corals* jugak menjadi satu masalah kepada kita. Walaubagaimanapun, kita boleh berusaha sebagaimana yang kita katakan di mana ada faktor-faktor yang boleh kita kawal. Kita harapkan bahawa sebagaimana saya katakan bahawa masalah harga barang naik ini walaupun ini adalah topik yang disukai oleh Pembangkang namun demikian untuk kepentingan pelancong kita harapkanlah pengusaha-pengusaha tidak menaikkan (harga) barangan dengan sesuka hati. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kita ingat tadi Wakil Teluk Pasu nak serah kepada Wakil Langkap suruh bela sotong, bela dalam sangkar. Yang Berhormat Jabi sebenarnya soalan pertama tidak ditolak ya, Yang Berhormat tadi terus kepada soalan kedua. Betul ya?

Jadi Ahli Yang Berhormat sekalian saya juga menerima dan bersetuju dengan notis permohonan yang diberikan oleh ADUN Manir untuk menyerahkan kepada Wakaf Mempelam bagi soalan-soalan beliau pada hari ini. Jadi saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya bagi pihak ADUN Manir, soalan nombor satu –

Adakah Kerajaan Negeri Terengganu dapat mengesan rakyat negeri ini yang mengikut serta di dalam perhimpunan yang dinamakan BERSIH pada 9 Julai yang lalu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Ramadhan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, dan Pemerhati sekalian.

Kerajaan Negeri tidak dapat mengesan berapa ramai rakyat Negeri Terengganu yang mengikuti perhimpunan yang dinamakan BERSIH pada 9 Julai. Tetapi berasaskan kepada kenyataan yang dibuat oleh Wakil Wakaf Mempelam selepas itu katanya ada 200 orang anggota PAS Terengganu yang pernah ditahan yang akan turut sama mengadakan perhimpunan secara besar-besaran di Dewan Besar Rusila selepas kepulangan Wakil dari Rhu Rendang selepas ditahan polis semasa perhimpunan di *airport* Kuala Terengganu. Dan sebab itu saya tidak dapat mengesahkan berapa ramai yang hadir kerana saya tidak ada sama di situ. Tetapi berdasarkan *footage* yang dikeluarkan oleh surat khabar dan tv, yang turut ditahan termasuklah Wakil Rhu Rendang sendiri. Tapi sama ada, saya minta maaf Yang Dipertua, kita boleh mengesahkan tidak kerana gambar-gambar video ini tidak mempunyai mata, telinga dan mulut untuk bercakap untuk mengesahkan sama ada benar yang ditunjukkan di tv itu Wakil Wakaf Mempelam. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nak perbetulkan fakta, yang kena tahan tu bukan 200. Dari Terengganu ahli-ahli kita yang kena tahan 313 orang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, soalan tambahankah itu Yang Berhormat. Saya benarkan soalan tambahan bukan jawapan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak perbetulkan fakta, sekadar nak perbetulkan fakta. Bukan 200 angka yang disebut tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ramai lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): 313, sama dengan tentera Badar waktu perang apa nama ni tentera Islam waktu Perang Badar ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, 300 ni pengikut Ambiga ni ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok bukan pengikut Ambiga, yang kena tahan. Saya tak kata pengikut Ambiga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, soalan tambahan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan, oleh kerana Yang Amat Berhormat kata tak dapat kesan tetapi oleh kerana BERSIH ini bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur. Di Mesir, di Australia, di UK, London dan sebagainya berlaku. Cuma saya nak kaitkan dengan katanya ada beberapa orang pelajar Terengganu yang ikuti BERSIH

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat ... Yang Berhormat, duduk kejap Yang Berhormat. Pertamanya, saya mintak soalan tambahan. Yang kedua, fakta Yang Berhormat tu tadi betul? BERSIH di negara lain ade jugak. Fakta itu betul?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Betul, betul, betul. Makna Yang Amat Berhormat tak ikut perkembangan BERSIH. Dia berlaku seluruh ibu-ibu negara tempat-tempat lain, dan yang berlaku di Mesir, di Kaherah ade beberapa orang pelajar dikatakan pelajar Terengganu yang diambil tindakan ekoran menyertai BERSIH. Jadi saya nak tanyalah pihak Kerajaan nak mengesahkan sama ada betul ataupun tidak dan kalau ada berapa orang dan apa tindakan yang dikatakan nak diambil kepada pelajar-pelajar Terengganu yang ditahan di Mesir itu. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya kata saya tidak dapat sahkan dari segi angka, ini kenyataan yang dibuat oleh Wakil Mempelam sendiri semasa perhimpunan di *airport* Kuala Terengganu yang keluar dalam surat khabar katanya 200 orang. Itu kalau 313 tak apalah baguslah semakin ramai hak kena tahan. Dan begitu juga disebutkan tadi bahawa pelajar-pelajar kita di Mesir juga terlibat dengan BERSIH dan saya menerima juga gambar-gambarnya termasuk menaikkan bendera Terengganu, memakai baju BERSIH dan sebagainya. Bagi saya bersih tak bersih manalah, suci dalam debu, Dato' Yang Dipertua. Tapi sebagaimana kita katakan tadi bahawa kita tidak mahu pelajar-pelajar kita ke luar negara yang kita taja untuk belajar tapi terlibat dengan perkara-perkara yang tidak seharusnya berlaku melanggar syarat tajaan dan sebagainya. Sebab itu kita telah meminta supaya pihak Yayasan Terengganu menulis surat tunjuk sebab kepada pelajar berkenaan. Sekiranya jawapan tidak memuaskan kita tidak menolak kemungkinan pinjaman mereka akan ditarik balik. Ini jelas Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat? Soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Batu Burok. Soalan pertama Manir Yang Berhormat ni sebab Yang Berhormat baru sampai tadi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin membuat soalan tambahan mengenai pelajar-pelajar kita yang dikatakan terlibat dengan BERSIH di Mesir itu. Persoalan yang timbul ialah dari segi penglibatan pelajar yang dikatakan terlibat dalam politik, kalau di Mesir kita boleh menyenaraikan pelajar-pelajar Terengganu yang terlibat dalam Kelab UMNO dan tidak menjadi masalah kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat kerana apa yang berlaku kepada pelajar kalau sekiranya mereka dinafikan hak mereka apatah lagi ditarik bantuan ataupun biasiswa. Ini merupakan suatu tindakan yang bertentangan dengan norma-norma hak asasi dan kebebasan bersuara. Kalau Kelab UMNO boleh pelajar-pelajar terlibat, boleh berpolitik boleh hadir dalam program-program yang dianjurkan oleh UMNO Mesir, bagaimana kita nak menafikan hak pelajar-pelajar untuk berpolitik secara bebas. Kita bukan berada tahun '60 Yang Amat Berhormat, kita tahun 2011

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, itu sahaja soalnya?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya itu aje soalnya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita tak menghalang mereka terlibat dalam politik sama UMNO atau PAS kita tahu ramai anak-anak Terengganu pelajar-pelajar kita di Mesir yang terlibat dengan politik PAS. Tetapi soalnya sekarang mereka demonstrasi naikkan bendera negeri pakai baju BERSIH satu pertubuhan haram. Dan jelas semasa kita menaja mereka bahawa dia ada perjanjian syarat-syaratnya melibatkan imej kita dan sebagainya. Kalau inilah nak disebutkan sebab tu saya kata inilah tindakan yang tidak bertanggungjawab, kita hantar mereka untuk belajar timba ilmu dan sebagainya kalau tidak akan menjejaskan, termasuk dua orang doktor. Kalau mereka terlibat dalam soal-soal politik akhirnya mereka gagal siapa yang rugi. Saya pernah temui seorang pelajar anak Terengganu dari Rusila yang buat *medic* di RCSI tahun 3, oleh kerana terlibat dengan program-program politik akhirnya gagal sekarang ni menjadi *babysitter* di Ireland dan saya mendapat maklumat terakhir telah diarahkan pulang ke Malaysia. Siapa rugi? Dan saya rasa kecewa pada satu ketika saya bertemu dengan Wakil Rhu Rendang di *airport* dan saya tanya beliau nak pergi ke mana? Nak pegi Moscow. Tujuan apa? Nak jumpe *student* untuk menarik mereka menyokong PAS dan sebagainya, menentang Kerajaan.

Sedangkan kita belanja ratusan ribu untuk menghantar anak kita belajar perubatan. Kalau mereka gagal siapa yang rugi. Tak apalah kalau dia balik nak jadi calon PAS tak ada masalah saya kata, kalau dapat Ijazah Kepujian Pertama, ok, saya *respect*. Kita beri hadiah dapat Ijazah Kepujian Kelas Pertama, kita sanjung. Tapi masalahnya ada 12 belas tahun tak pulang, 22 tahun tak pulang berada di Mesir, periksa tak lulus. Ini masalah Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan lagi Yang Berhormat? Satu lagi. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya ingin ...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ni soalan mengenai BERSIH, 9 Julai?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya BERSIH, 9 Julai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan bawak ke Mesir lagilah. Ya, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada Yang Amat Berhormat, kalau Yang Amat Berhormat berkata di Dewan ini BERSIH sebagai pertubuhan haram bermakna Yang Amat Berhormat menghina Tuanku Al-Sultan kita Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kita yang menerima rombongan BERSIH mengadap di istana dan mengiktiraf rombongan BERSIH dalam Tuanku menerima rombongan ini untuk mengadap. Jadi tidak timbul persoalan pertubuhan haram ataupun pertubuhan halal, yang penting adalah hak dan kebebasan diberikan dalam era yang ada sekarang kita tidak boleh lagi orang kata nak *susut* maklumat-maklumat terutamanya di kalangan generasi muda. Minta penjelasan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, nak *susut* maklumat tak timbul. Cuma Wakil Batu Buruk memainkan kata-kata. Kita malu dengan Ijazah PhD yang kita pegang orang dengar cara kita bercakap cara kita berhujah memanipulasikan keadaan dengan kenyataan tentang begitu rupa bermain kata-kata tak betul. BERSIH dari segi pendaftarannya adalah pertubuhan haram. Tidak pernah didaftarkan maknanya haram. Soal diterima mengadap oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu soal lain. Orang mintak mengadap Tuanku berkenan itu soal lain. Tak ada kena mengena. Dua isu yang berbeza cuba

kita faham. Kita faham tapi kita cuba menegakkan benang yang basah. Suatu perkara yang memalukan Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat. Terima kasih, saya jemput Rhu Rendang untuk soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullah. Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Sila nyatakan jumlah Wang Dana Khas dari Royalti Petroleum Terengganu yang digunakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) hingga kini dan bilakah ianya akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wang Dana Khas dari royalti petroleum Terengganu yang digunakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) ialah sebanyak RM771,344,000.00. Dan Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk membayar balik keseluruhan jumlah yang digunakan oleh SPNB di negeri lain ini, tetapi bayarannya masih lagi tergantung kerana ada satu isu yang belum diselesaikan kerana kita menuntut RM2.1 bilion, sehingga kini Kerajaan Pusat bersetuju RM1.7 bilion kerana RM400 juta masih lagi di peringkat pertimbangan iaitu kos yang terlibat dari segi pembinaan *airport* Kuala Terengganu yang belum dimuktamadkan keputusannya. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, angka yang diberikan itu RM770,344,000.00, saya rasa berkurangan kerana angka sebenar SPNB guna duit Dana Khas Royalti Terengganu ini sejak tahun 2000 hingga 2009, angkanya ialah sebanyak RM873.4 juta dan mungkin barangkali RM770 juta itu angka yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu kerana nak candat, nak potong RM102.1 juta bagi rumah yang dibuat oleh SPNB di Terengganu. Saya kata tak kena Yang Berhormat Dipertua, jadi saya mintak supaya apa nama ni ekoran daripada ini SPNB ni syarikat yang diperbadankan milik penuh Kerajaan Kementerian Kewangan. Dia buat rumah dia jual dia dapat duit. Takkan buat rumah di Terengganupun bukan boleh dapat duit *free* aje, dahlah pakai duit Terengganu. Jadi itu sebabnya saya mintak supaya ... dan agak-agaknya bila nak selesai ni lama sangat dah ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung kes royalti, berhubung kes SPNB duit-duit yang digunakan Pusat menggunakan duit

Negeri. Tetapi angka tu saya mintak penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebutkan tadi bahawa RM771 juta itu telah disahkan oleh Kerajaan Pusat, tapi masih lagi yang belum selesai RM102 juta di Terengganu di peringkat rundingan. Kita juga bersama mintak supaya kita mempunyai alasan yang sama bahawa mereka pungut balik duit ni. Tapi ini yang belum dimuktamadkan lagi antaranya. RM771 juta tu tak ada masalah dah, yang RM102 juta di Terengganu tu yang kita masih juga berbincang. Bukan kita tidak setuju dengan apa yang diperoleh Kementerian Kewangan kerana SPNB boleh ambil balik duit, dia buat *collection*, itulah antara perkara yang masih belum diselesaikan. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ada tambahan sikit je...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak penjelasan kerana benda ni dah berlarutan panjang. Sambil-sambil berunding kata tak muktamad sikit, tak tahu nak putus, dah RM800 juta ataupun RM771 juta tadi takkan dia tak bayar sikit-sikit. Hari ni ada pulak kita nak bincang soal

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: RM771 itu dah dapat. Yang Berhormat jangan keliru tu. RM1.7 lagi daripada RM873 tu. RM771 dah dapat dah ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya dengar tadi tak dapat lagi tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat jawab tadi dah dapat dah. RM1.7 lagi yang belum dapat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok, dok, dok. Tak lagi dia jawab tadi tu, sedang berunding lagi tu ...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Pusat telah bersetuju membayar setakat ini RM1.7 bilion daripada RM2.1 bilion yang kita mintak. Dan daripada itu kita masih belum menerima lagi. Tunggu masanya akan ditentukan ada satu dua lagi perkara masih belum selesai kata RM400 juta lagi yang belum dimuktamadkan. Bila ini baru akan diberi. Itu kedudukan sebenar, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi ekoran daripada jawapan itu saya kata tadi, hari ni kita ada permohonan untuk pertambahan perbelanjaan, antara yang saya tengoknya nak buat rumah, Rumah Mampu Milik, Rumah Kos Rendah, tapi duit kita ni RM700, RM800 juta dengan orang ni takkanlah makna dah setuju nak bayar tak ada kemungkinan ke pihak Kerajaan supaya dia bayar *staged* ke dengan izin, bayar sikit-sikit RM100 juta ke RM200 juta ke dulu, kalau tak nak bayar *debokpun*, pasal benda ni sejak tahun 2000 lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, kita pun dah buat rundingan dan Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk bayar. Cuma saya kata tadilah RM400 juta yang belum dimuktamadkan dan yang RM1.7 bilion *confirm* dia akan bayar secara *staged* RM200 juta setahun dan baru sekejap tadi saya dapat berita daripada Dato' Kewangan, bayaran pertama RM200 juta telahpun kita terima. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik Yang Berhormat, saya jemput Tepoh, soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Apakah bentuk insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Jurulatih Tunas Sekolah Sukan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama, setakat hari ini tiada jurulatih daripada Sekolah Sukan Bukit Nanas yang terlibat dengan program Tunas Harapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan kalangan jurulatih-jurulatih yang berada di Sekolah Sukan Bukit Nanas, Sekolah Sukan Terengganu Bukit Nanas sebelum ini pernah diberikan elaun jurulatih sebanyak RM250 pada tahun 2008 tetapi dihentikan pada tahun 2009, mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat ADUN Tepoh. Sebenarnya Program Tunas Harapan ini telah dilaksanakan di Negeri Terengganu bermula daripada tahun 1991 lagi. Semasa program ini dilaksanakan bukan sahaja kepada jurulatih Sekolah Bukit Nanas malah kepada semua jurulatih yang terlibat dengan program pembangunan sukan Tunas Harapan dibayar elaun sebanyak RM250 setiap seorang. Walaubagaimanapun, program ini ditamatkan pada tahun 2008 kerana memberi tumpuan yang khusus kepada persiapan SUKMA di mana Terengganu menjadi tuan rumah pada masa tersebut. Semua jurulatih dan juga semua penggiat sukan dan pengurusan-pengurusan sukan dikerah untuk bersatu tenaga untuk memberi tumpuan kepada sukan SUKMA pada tahun 2008. Dan sehingga kini menyedari hakikat bahawa Program Tunas Harapan ini sangat penting kepada pembangunan sukan di negeri kita maka Kerajaan membuat keputusan bahawa Program Tunas Harapan ini dimulakan semula. Walaubagaimanapun, setakat hari ini kita baru bermula pada awal tahun ini dan kita memulakan dengan lima jenis sukan peringkat pemulaan ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas penjelasan oleh Wakil Kerajaan. Berkaitan dengan soal Sekolah Tunas Harapan Bukit Nanas, saya difahamkan sekolah ini mampu mengeluarkan kalangan tenaga-tenaga sukan baru di kalangan generasi muda dan saya difahamkan pada tahun ini sendiri, pasukan bola sepak bawah 14 tahun Sekolah Bukit Nanas telah menjuarai Piala Sumbangsih Kementerian Pelajaran dan johan keseluruhan dan begitu jugak terdapat lapan acara sukan di sekolah yang dilatih. Kalau begitu saya mencadangkan boleh atau tidak Kerajaan meneruskan balik elaun kepada jurulatih-jurulatih tersebut bagi maksud untuk memberikan kemudahan serta semangat kepada mereka untuk melaksanakan kerja bagi melatih pelajar-pelajar yang berada di sekolah sukan tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih, Yang Berhormat. Memang Kerajaan amat menyedari bahawa dan memang berketepatan sekali kita mewujudkan Sekolah Menengah Bukit Nanas ini sebagai sebuah sekolah sukan bagi Negeri Terengganu, dan memang tidak dinafikan sebahagian besar daripada kejayaan sukan kita pada hari ini adalah lahir daripada bakat-bakat

daripada Sekolah Menengah Bukit Nanas. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan yang agak besar untuk memajukan sukan di sekolah tersebut termasuklah pada tahun ini juga Kerajaan Negeri telah meluluskan hampir RM700,000 untuk memberi biasiswa kepada semua pelajar-pelajar Sekolah Bukit Nanas dan juga memberi bantuan insentif kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam sukan yang berprestasi tinggi. Di samping itu juga, Kerajaan juga bercadang untuk memberi elaun makan dan juga minum kepada pelajar yang terlibat berkenaan. Dan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat ADUN Tepoh, untuk memperkembangkan lagi Program Tunas Harapan ini, insyaAllah kita akan melihat pada tahun yang akan datang, dan setakat ini kerana Sekolah Bukit Nanas telah ada program-program yang telah khusus dan Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri telah menghantar jurulatih-jurulatih sama ada dalam negeri dan juga luar negeri ke sekolah yang berkenaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor dua, nombor satu kena tolak –

Sila nyatakan terma-terma yang dipersetujui dalam penyerahan Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) kepada Kementerian Pelajaran di bawah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melibatkan guru-guru dan anggota kakitangan sokongan, sumbangan modal, kurikulum dan kokurikulum serta tapak dan bangunan dan lain-lain terma?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua, Yang Berhormat. Baik, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Media, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakaf Mempelam ini jawapannya memang panjanglah sebab melibatkan yang pertama sekali berkait dengan terma guru, terma anggota kakitangan sokongan, terma sumbangan modal, terma kurikulum dan kokurikulum serta terma tapak bangunan dan lain-lain terma. Jadi saya mintak izinlah untuk panjang jawapan yang akan diberi ini.

Pertama, berkait dengan terma guru-guru. Guru-guru di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri di bawah perkhidmatan negeri dan yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan Yayasan Terengganu yang bertaraf tetap di dalam jawatan pada tarikh Memorandum Persefahaman ini dikuatkuasakan hendaklah diberi pilihan sama ada untuk kekal di bawah Perkhidmatan Negeri atau dimasukkan ke Perkhidmatan Pelajaran. Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menerima guru-guru yang memilih untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran di bawah perkara 6.1 tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatannya sebagaimana yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa menjejaskan kekananan guru-guru tersebut sepertimana sekiranya guru-guru tersebut masih berkhidmat dalam Perkhidmatan Negeri. Guru-guru yang memilih untuk kekal di bawah Perkhidmatan Negeri akan terus dibenarkan mengajar di mana-mana Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dengan syarat gaji dan elaun-elaun guru tersebut dibayar oleh Kerajaan Negeri sehingga guru-guru tersebut bersara atau berhenti dari Perkhidmatan Negeri atas apa-apa jua sebab. Walau apa pun, peruntukan perkara 6.2, Kerajaan Persekutuan bersetuju bahawa guru-guru yang memilih untuk memasuki Perkhidmatan Pelajaran tidaklah boleh diarahkan untuk bertukar ke luar dari Negeri Terengganu tanpa persetujuan daripada guru-guru tersebut. Walau apa pun, peruntukan perkara 6.3, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa ke atas guru-guru yang memilih untuk kekal di bawah Perkhidmatan Negeri dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh guru-guru berkenaan berkhidmat di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri. Sekiranya Kerajaan Persekutuan setelah mengambil kira semua faktor yang *relevant* berpuas hati bahawa seseorang guru itu tidak memberikan perkhidmatan yang sempurna atau tidak wajar untuk terus berkhidmat atas apa-apa sebab yang munasabah, pihak-pihak hendaklah berbincang bagi menentukan tindakan yang perlu diambil dan pihak-pihak bersetuju bahawa semua guru yang berkhidmat di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan di bawah Perkhidmatan Negeri selain yang bertaraf tetap pada tarikh Memorandum Persefahaman ini dikuatkuasa hendaklah diterima masuk dalam Perkhidmatan Pelajaran tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Itu baru terma guru.

Yang kedua, terma Kakitangan Sokongan. Semua Kakitangan Sokongan di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri di bawah Perkhidmatan Negeri yang bertaraf

tetap dalam jawatan pada tarikh Memorandum Persefahaman ini dikuatkuasa, hendaklah diberi pilihan sama ada untuk kekal dibawah Perkhidmatan Negeri atau dimasukkan ke Perkhidmatan Persekutuan. Semua Kakitangan Sokongan yang berkhidmat di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan selain yang bertaraf tetap pada tarikh Memorandum Persefahaman ini dikuatkuasa hendaklah diberi masuk dalam Perkhidmatan Persekutuan tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Semua Kakitangan Sokongan yang memilih untuk kekal di bawah Perkhidmatan Negeri akan terus dibenarkan berkhidmat di mana-mana Sekolah Agama Kerajaan Negeri seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menerima kakitangan sokongan yang memilih untuk memasuki Perkhidmatan Persekutuan di bawah 2.1 tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa menjejaskan kekananan Kakitangan Sokongan tersebut sepertimana sekiranya sokongan tersebut masih berkhidmat dalam Perkhidmatan Negeri.

Yang ketiga, terma berkait dengan sumbangan modal dan sumbangan bantuan. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri sebagai Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan akan menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan selepas ini akan dirujuk sebagai sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Pendidikan 1996. Dan bentuk-bentuk sumbangan yang boleh diterima adalah seperti yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan peruntukan undang-undang.

Terma yang keempat kurikulum dan kokurikulum. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan kurikulum kebangsaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Pendidikan 1996 yang diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah pendedahan Sukatan Kurikulum Kebangsaan kepada tenaga pengajar di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan Kurikulum Pelajaran Menengah Al-Azhar Sanawi dan Kurikulum Adadi dan penentuan kurikulum pelajaran agama hendaklah ditentukan oleh Kerajaan Negeri dan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri bolehlah melaksanakan kokurikulum sebagaimana yang diamalkan di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan yang lain.

Terma yang kelima, tapak dan bangunan. Semua tapak dan bangunan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri hendaklah kekal di bawah hak milik Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dan tidak dengan apa-apa cara jua boleh terletak hak kepada Kerajaan Persekutuan.

Yang keenam, lain-lain terma. Pelajar-pelajar pengambilan masuk pelajar-pelajar lepasan Sekolah Kebangsaan dan rakyat Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu

ke Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri diuruskan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Sekiranya ada kekosongan, kemasukan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah selain sekolah rendah di Negeri Terengganu boleh dipertimbangkan. Jadi itu sahaja Yang Berhormat Mulia Dato' Dipertua. Sekian terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada tambahan lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Terima kasih kepada EXCO yang memberikan penjelasan yang agak panjang. Cuma dalam banyak-banyak terma tu, saya tertarik yang akhir tadi tu, lain-lain terma tu, hal kemasukan pelajar. Semacam tidak ada *term* yang jelas kerana ada semacam pertindihan arahan, ada ibu bapa keluarga pelajar mengadu menyatakan dia menerima tawaran daripada bahagian pengurusan sekolah harian Kementerian Pelajaran ditawarkan kemasukan ke Tingkatan 6 Bawah tahun ini, 2011 dan diminta lapor diri pada 9 Mei baru-baru ini. Tapi dah siap pakaian, dah siap peralatan semua sekali, bila pergi ke sekolah tidak diterima kerana dikatakan kemasukan pelajar ini di bawah Pejabat Agama. Jadi ini timbul benda-benda saya kalau boleh benda-benda pertindihan ini masih wujud ke, macam mana penyelesaian ke, terma-terma tu yang jelas itu jelaslah, tapi ada benda-benda itu dan sebagainya, mintak penjelasan, yang pertama.

YANG BERTHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Wakaf Mempelam. Sayapun agak terkejut ni kerana saya tidak pernah dengar lagi sebelum ini. Saya tak tahulah mungkin silap jugalah kepada ibu bapa pelajar tersebut kerana dia *channel* yang lain ni. Sepatutnya dia kena mari kat sayalah untuk berjumpa dengan saya untuk meminta saya yang menyelesaikan. Jadi kalau dia pergi jumpa dengan Wakil Wakaf Mempelam dah tentu tak boleh nak selesai dan kalau boleh selesaipun sepatutnya Wakil Wakaf Mempelam hubungilah saya untuk saya maklumkan perkara ini untuk saya ambil perjalanan. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sekarang cukup Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, dia ada surat

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat cukuplah. Yang Berhormat boleh hantar kes khusus itu kepada Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Benda tu selesai dah...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk dulu. Saya jemput Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada soalan tambahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Ladanglah, panjang sangat soalan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada satu sahaja yang musykil tadi, penjelasan dah panjang lebar. Saya jemput Ladang. Yang Berhormat Wakaf Mempelam, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak satu aje lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah cukup, sebab dah hujung Yang Berhormat tanya tadi dan dah jelas. Saya ingat dah cukup, saya jemput Ladang. Ladang tak nak jugak. Wakil Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan nombor dua –

Apakah benar bahawa 2 buah syarikat melombong bijih besi iaitu Anshan Iron and Steel Sdn. Bhd. dan China Anshan Corporation Sdn. Bhd. telah menyaman Kerajaan Negeri Terengganu dan apakah perkembangannya setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang benar terdapat dua syarikat melombong bijih besi iaitu Anshan Iron & Steel Sdn. Bhd. dan China Anshan Corporation Sdn. Bhd. telah memulakan notis saman kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan MB Incs. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Apakah asas saman itu? Kalau boleh diketahui.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana kes ini telah didaftarkan di mahkamah adalah menjadi subjudis bagi saya untuk menyatakan apa-apa fakta dan sebagainya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya bukan memohon fakta, tapi kes saman dia tu atas asas apa?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak bolehlah asas nak sebut apa, sebab ini akan dibawa ke mahkamah, asas dia apapun

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dia saman Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tentu tahu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, kita tahulah. Dalam mahkamahlah kita akan jawab.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kes mahkamah, Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Subjudis bagi kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itukan tuduhan saman dia kepada kita. Kita nak tahu aje bukan apa.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dan kita khabor dah, saman betul ada tapi nak jawab benda-benda tu tak bolehlah. Akan menyebabkan subjudis di mahkamah, ketika di mahkamahlah kita jawab lain kali sebab asas dia, buka bantahannya, kita buka alasan kita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cukup Yang Berhormat, saman tu boleh disemak, mahkamah dia ada saman dia punya tu Asas Saman, Afidivit Saman. Soalan tambahan lagi Yang Berhormat, ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Dah nak tanya apa lagi...dok tahu..(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya jemput Wakil Sura

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, baru satu soalan tambahan, dia takdok soalan tambahan, jadi boleh beri saya hak tadi?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Wakaf Mempelam. Yang kes soalan Ladang tu?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok, dok, dok. Kes sekolah tadi, saya tak puas hati...(Dewan Gelak) ... Pasal kes saya ada peruntukan tiga, tiga soalan tambahan bagi setiap soalan yang saya kemukakan, jadi saya tanya *se aje* tak benar dah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, duduk jap Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat sila duduk kejap...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya sambung lagilah Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat. Saya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya di atas ni saya tidak tidur, saya memerhati dan menyemak setiap fakta dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan. Soalan yang dikemukakan Wakaf Mempelam tadi dijawab panjang lebar, jelas oleh Wakil Seberang Takir, satu persatu. Dan soalan tambahan dikemukakan balik Wakaf Mempelam yang hujung sekali sahaja dan kes itu kes khusus. Kes khusus ini boleh diserahkan terus saya kata kepada Seberang Takir untuk diselesaikan manakala tak perlu lagi soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ikut peraturan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, sebagai Pesuruhjaya saya mintak faham Peraturan Dewan saya ingat yalah saya dah benar panjang lebar tadi saya dah benar satu soalan tambahan

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak kata suruh dia jawab panjang lebar tapi saya nak saya untuk kemukakan dua lagi soalan. Saya nak tanya *se*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup, Yang Berhormat duduk. Saya hanya benarkan satu dan saya mintak

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak tanya soalanpun tak boleh Dato' Yang Dipertua, saya tak reti peraturan mana sekarang ni saya nak ikut

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat...

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Setiap Soalan Lisan saya diberikan hak untuk tiga soalan tambahan tadi Jabi tadi diberi tanya dua dia beri saya satu dia *passing* saya, ni saya baru ada satu lagi, saya ada tiga soalan tapi saya nak tanya satu je lagi daripada tiga, tapi tidak dibenarkan. Dato' Ku dia tanya satu soalan, tak apalah dia nak tanya *se ke*, dua ke, tiga tapi sekurangnya tiga soalan tu perlu diberi ruang takkan pulak dalam Dewan yang mulia nak tanya soalanpun tak boleh, soal tak mahu jawab tak apa, nak jawab tak mahu jawab, soalan nak tolakpun tak apa, memang soalan saya banyak kena tolak, tapi nak tanya tambahan, peruntukan itupun tak boleh saya kata peraturan mana, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tanya buat macam ni, *ruling* pagi ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat, buku peraturan ada dengan Yang Berhormat. Ya, buku peraturan ada dengan Yang Berhormat? Yang Berhormat tak baca, tak boleh baca

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ini dah lima penggal jadi ADUN Yang Berhormat, saya bukan nak megah lima penggal tapi Buku Peraturanpun sayapun ada, Yang Berhormat Dato'pun ada tapi peraturan mana yang tidak membenarkan saya tanya soalan tambahan nombor dua dengan nombor tiga, peraturan mana?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 33. Duduk Yang Berhormat. Saya beri peluang jelas, nak jaga kawan-kawan kita yang lain supaya kita dapat bersidang dengan ... itulah. Lima penggal ke, sepuluh penggal, kalau Yang Berhormat tak baca tak ambil pertimbangan macam saya kata mula-mula mukadimah tadilah. Ya, saya jemput Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak sebut sikit hak Wakaf Mempelam tadi, kan peraturan dibuat

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang nak soalan tambahan ke tidak? Kalau tidak ada soalan tambahan saya jemput Wakil yang lain.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI .TENGGU HASSAN BIN .TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada, ada, ada....(Dewan Gelak)...*Bakpe marah sangat* bulan-bulan puasa ni

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok, saya nak tanya Yang Berhormat nak soalan tambahan, saya jemput Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada, ada, ada. Saya teringat tadi kata ada dua soalan tambahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila. Yang kedua, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya, pada persidangan lepas ada bertanya tentang soal kecurian di Bukit Besi, kecurian bijih besi. Kemudian Yang Amat Berhormat menjawab masih dalam siasatan jadi saya tidak mahu mengganggu tugas siasatan dibuat terutamanya oleh SPRM, apa perkembangan setakat ini? Itu jawapan Yang Amat Berhormat dululah, sekarang ni bagaimana perkembangan tentang kes kecurian yang dikatakan berlaku tadi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita serahkan pihak yang terlibatlah untuk meneruskan siasatan dan mendapatkan hasilnya, itu bukan kerja kita dah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah setakat ni belum ada laporan apa-apa kepada Kerajaan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak dapat laporan apa-apa itu kerja dialah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat. Ya, saya jemput untuk seterusnya Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama –

Adakah benar peruntukan TADC (Terengganu Agrotech Development Corporation) digunakan untuk membiayai Pasukan Bola Sepak T-Team?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama, tidak benar sama sekali.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua, jika tidak benar, bagaimanakah cara pembiayaan kepada Pasukan Bola Sepak T-Team ini kerana jawapan EXCO yang lepas mengatakan bahawa Kerajaan Negeri adalah majikan kepada Pasukan Bola Sepak T-Team ini?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Semua peruntukan adalah melalui Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan tahun-tahun yang lalu sebanyak RM3 juta disalurkan melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu dan juga akan diagihkan melalui Majlis Sukan bagi pihak pengurusan pasukan berkenaan. Dan juga Pasukan Negeri Terengganu juga sama tapi terus disalurkan kepada Persatuan Bola Sepak Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Difahamkan ada Jurulatih atau Penolong Jurulatih yang didakwa berkaitan dengan rasuah Pasukan T-Team dan juga ada yang didedahkan pemain-pemain yang terlibat dalam mengatur perlawanan pasukan T-Team ini, adakah ianya benar seperti yang dilaporkan?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat ADUN Sura, sebenarnya tiada pemain dan juga Jurulatih dalam Pasukan T-Team itu sendiri yang terlibat dengan aduan berkaitan dengan rasuah. Ada yang berlaku cuma adalah daripada pemain-pemain Piala Presiden dalam Pasukan Presiden T-Teamlah. Walau bagaimanapun, ini kita serah kepada pihak yang berwajiblah terutama SPRM, aduan ini memang ada, sekiranya benar kita mintak mereka mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukup Yang Berhormat, ada lagi? Yang Berhormat dibenarkan tiga, ada lagi?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya pohon jaminan dari Kerajaan supaya memastikan semua pengurusan Pasukan Bola Sepak di Terengganu ini bersih dan bebas daripada laporan-laporan rasuah walaupun tidak secara rasmi, sebab ini akan mengganggu sokongan kepada pasukan daripada penyokong-penyokong seluruh Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat atas peringatan tersebut. Memangnya kita bukan sahaja dalam bola sepak malah dalam semua jenis sukan dan sebagainya, kita sentiasa memberi peringatan dan ketegasan kepada mereka-mereka yang terlibat agar menjauhi perkara-perkara yang berkenaan dan sekiranya kita mendapat laporan-laporan yang tepat walaupun kita belum mendapat keputusan kita akan mengambil

tindakan yang tegas. Sama ada kita akan keluarkan mereka daripada pasukan dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya jemput

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh tanya soalan, tak boleh dah, tiga dah cukup tiga, pasal Yang Berhormat khabor kawan saya daripada Sura itu dibenarkan tiga, saya tak boleh tiga, *guana gitu* Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, soalan tadi pendek-pendek, jawapannya pendek-pendek, kita timbang empat ke, dua, satu, kita timbang ikut keadaan. Saya jemput Bukit Tunggal untuk soalan seterusnya. Saya tengok kepanasan Wakaf Mempelam ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu –

Adakah pihak Kerajaan menyedari bahaya yang boleh mengancam nyawa penduduk sekitar Lapang Sasar Kuala Terengganu, Kg. Gong Kuin 2 (sebelah Lapangan Terbang Sultan Mahmud) akibat dari latihan menembak di situ?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan memang mengkaji dan juga menyedari bahawa pelaksanaan aktiviti latihan menembak Lapang Sasar di Kampung Gong Kuin 2, Kuala Terengganu bagi atlet-atlet menembak tidak akan mendatangkan sebarang bahaya kepada penduduk dan juga yang mendiami sekitar lapangan sasaran tersebut sebelum pembinaannya lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, soalan tambahan Yang Berhormat, ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Memanglah hasrat Kerajaan begitu belakalah, tapi baru ni dah ada berlaku 3 *report* Polis berkaitan dengan latihan menembak di lapang sasaran tersebut yang telah terkena

rumah penduduk, rumah dia jauh seberang *airport* landasan kapal terbang. Jadi peluru sudah ada, tiga *report* polis dibuat, yang pertama 2008 dan yang akhirnya bulan 6 baru-baru ni. Itu yang saya tanya adakah Kerajaan menyedari perkara ini sangat merbahaya, dah kena rumah orang maknanya kalau kebetulan ada orang, orang boleh matilah. Jadi apakah tindakan Kerajaan untuk siasatan yang dibuat setakat inilah?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Rumah orang ni kena peluru orang menembak tu ke peluru orang berburu? Hak tu yang menjadi persoalan kepada kita pada hari ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masalah kita begini, berkaitan lapang sasaran kita di Gong Kuin ni adalah untuk acara *skip* dan *track* sahaja iaitu sasaran 50 meter 25 meter dan 10 meter, dan ianya dilaksana dan dijalankan hanya di dalam bangunan sahaja bukan di luar bangunan. Ini yang menyebabkan ketiga-tiga acara ini ianya telah ada tiga lapisan halangan di hadapan. Maknanya satu lapis besi keluli, satu lapis konkrit simen, satu lapis tanah. Jadi tidak mungkin peluru yang malah peluru yang kita guna di lapang sasaran kita adalah peluru caliber yang paling rendah sekali iaitu 0.32 meter sahaja....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Milimeter...

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): milimeter sahaja, yang paling jauhlah. Berkaitan dengan laporan di Pejabat Polis, kita menyedari dan apabila siasatan dibuat, Polis melaporkan bahawa peluru kena pada rumah berkenaan adalah peluru yang 9 mm, bukan peluru yang kita tidak pernah guna pun di lapang sasaran kita, sebab itu saya tanya peluru ni peluru orang berburu ke peluru apa? Jadi ini sebenarnya, sebab saya kata peluru kita guna adalah di dalam bangunan sahaja, kalau tidak mungkinlah pada andaian kita tidak mungkin peluru ini boleh keluar daripada bangunan tersebut kerana telah banyak lapis yang telah kita laksanakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Memang kawasan tu tak menasabah nak berburu, takdok benda nak berburunya. Nak kata merompak takdok orang nak merompakpun di situ. Saya ingat Yang Berhormat EXCO mungkin tak perhati, dia berlaku tak silap sayalah dia maklum pada saya semasa satu Latihan Polis dia buat di luar bukan dalam bangunan, yang dalam bangunan takdok masalah, yang di luar dia hanya ada tembok yang sangat

rendahlah, daripada tanah, memang kalau salah terangkat muncung senapang tu maknanya boleh terlepas ke sebelah sana. Sebab tu saya tanya daripada *report* Polis ini sejak setakat ni apakah laporan yang Kerajaan terima, sebab kita bukan penyiasat, pihak Polis yang menyiasat, peluru siapa, daripada mana keluar kalau berburu siapa pemburunya, siapa pemilik senapang itu. Ini memang merisaukan penduduk itu, dia memang terdedah hingga hari ni pun masih lagi dalam keadaan yang traumalah, ini yang sebab dah kena tingkap beberapa kali, saya pun pergi tengok sendiri, terkena orang panggil belebah tingkap kayu tu berlubang, ni memang dasyatlah. Jadi itu yang kita nak penjelasan, daripada mana peluru itu? Pihak Kerajaanlah.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kitapun susah juga nak cari peluru orang ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya peluru sekiranya digunakan peluru adalah jenis 12 bore sahaja, peluru yang ada dalam stor kita adalah peluru yang berkenaan sahaja, peluru yang berkenaan adalah peluru penabur. Peluru ni kalau boleh pergipun setinggi-tinggi dia boleh pergipun hanya jauh 300 meter sahaja. Rumah yang paling hampir dengan kawasan berkenaan 1 kilometer. Jadi sebab tu saya kata jadi kita tidak boleh nak jangka lagi setakat ni mungkin setelah siasatan yang rapi, Yang Berhormat, daripada pihak PDRM, kita dapat mengetahui peluru daripada mana.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kerana saya dimaklum kawasan itupun banyak belibis burung orang buru, hak itu yang saya susah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, *last* Yang Berhormat, ya.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ada satu lagikan. Kalau kata nak buru belibis takdok. Ini

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan pendek Yang Berhormat. Sebab saya nak bagi peluang satu lagi ni.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak apalah pendekpun tak apa. Cuma saya mintaklah sebab *report* yang pertama 2008, jadi kalau siasatan 2008, sembilan sampai lima tahun ni tak siap lagi tak dapat keputusan, ini akan *nyatnyelah* pada penduduk-penduduk sekitar. Diharap diselesaikan segera perkara ni, kalau boleh benteng dinaikkan, pernaikkanlah.

Bukan kita nak suruh lari daripada situ tidak, yang dibuat aduan ini kerana Polis sebenarnya membuat latihan di luar daripada dalam dewan bukan dewan yang di luar lapang sasaran yang hanya dihadang oleh tembok tanah sahaja. Jadi harap Kerajaan ambil perhatian perkara ni. Wallahua'lam.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Kerajaan akan ambil perhatianlah tu, dia tak ada jawapan dah. Saya jemput Kemasik.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang BERTHORMAT Yang Dipertua Dewan, soalan saya yang kedua –

Apakah status perkembangan Projek Kambing Pedaging (KAPRIMA) di Kampung Chabang, Kerteh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang kedua, ya. Sila Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang BERTHORMAT Mulia Dato' Dipertua Dewan, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, Tuan-tuan Puan-puan yang hadir sekalian. Terima kasih kepada Wakil

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemasik.

YANG BERTHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Kemasik, atas pertanyaan berhubung dengan Lembah Kaprima Kampung Chabang, Kerteh. Sebagai jawapan, Projek Kambing Pedaging Lembah Kaprima Kampung Chabang yang telah 8 bulan beroperasi dan diuruskan oleh Syarikat NFA Farm Sendirian Berhad. Stok ternakan semasa sekarang ini berjumlah 300 ekor, induk dan anak di mana 10 ekor ialah jantan. Memandangkan projek ternakan memerlukan tempoh lama untuk menjana keuntungan, pihak syarikat diberi kebenaran untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sampingan selain dari pemprosesan baja organik dan tinja kambing-kambing yang terlibat. Tiganya, antara aktiviti sampingan yang sedang dijalankan termasuklah tanaman jagung, herba, penternakan ikan keli dalam kanvas dan lain-lain. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemasik, satu soalan tambahan, ya Kemasik, ada? Sila.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan. Sejak projek ini dijalankan dah 8 bulan, jadi dari segi matlamat, tujuan yang kita nak capai contohnya dari segi bilangan ekor kambing tadi 300 itu memang seperti

yang kita jangkakan ataupun telah melebihi sasaran dia. Dan di samping itu jugak saya ingin bertanya berkenaan aktiviti-aktiviti sampingan yang sedang dijalankan seperti tanam jagung, proses baja dan sebagainya, adakah benda tu mengganggu dari segi kesuburan kambing itu sebabnya apa yang saya dapat maklum bahawa berlaku kematian terhadap baka-baka kambing yang ditenak di Lembah Kaprima ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bilangan kambing yang ada sekarang ialah 300 ekor belum mencapai sasaran kita iaitu setiap Lembah Kaprima kita sasarkan untuk memelihara seramai 500 ekor dan sekarang ini sebenarnya kita menghadapi masalah bekalan baka yang sepatutnya kita sudah terima tapi belum sampai lagi. Yang keduanya, kerana masalah stok makanan iaitu rumput yang kita tanam terlibat dengan banjir suatu masa dahulu menyebabkan sebahagian daripada bekalan makanan iaitu rumput ada masalah di kawasan itu. Dan soalan yang kedua berkenaan aktiviti sampingan yang dijalankan dalam projek itu setakat ni tidak menunjukkan kesan negatif kepada penternakan kambing yang ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya mintak laluan sekejap, satu sahaja penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dok, saya bagi satu aje Yang Berhormat. Saya nak bagi peluang kepada Bukit Payong. Terima kasih Yang Berhormat ya, saya bagi peluang kepada Bukit Payong dengan satu soalan tambahan, sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum warahmatullah. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang kedua –

Berapakah jumlah kedai T'Shoppe yang telah dibuka di seluruh Negeri Terengganu dan berapakah jumlah kedai tersebut yang telah ditutup?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan. Soalan adalah berkait dengan kedai T'Shoppe ini dan berapa yang telah dibuka dan berapa yang telah ditutup. Jumlah kedai T'Shoppe yang telah dibuka di seluruh Negeri Terengganu adalah sebanyak 13 buah dan jumlah yang telah ditutup adalah 2 buah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Soalan tambahan saya apakah ataupun kedai T'Shoppe yang ditutup 2 buah itu bolehkah dinyatakan di mana dan sebab apa ia ditutup dan kos kerugian yang ditanggung?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, 2 buah T'Shoppe yang telah ditutup adalah yang pertamanya di T'Shoppe Gong Kapas, Kuala Terengganu dan yang kedua adalah T'Shoppe Bandar Marang. Sebab-sebab ditutup adalah yang pertamanya dia ada berbeza dari sebab dia ditutup ini, dia agak berbeza, penutupan biasalah penutupan ni kita berdasarkan sebab T'Shoppe ini adalah satu entiti perniagaan, jadi kalau rugi kita tutup dan biasalah ada buka ada tutup, ada hidup ada mati, dia berlawanan, jadi untuk T'Shoppe ini kalau kita lihat selepas kita beri 6 bulan *try period* tu, kalau dia tidak memberi pulangan yang baik kita akan tutup dari segi operasi dia walaupun T'Shoppe itu tidak akan ditutup. Jadi sebab ditutup yang T'Shoppe di Gong Kapas, ada dua tiga sebablah yang pertamanya dari segi apa ni *turnover* bulanan tidak mencapai apa nama ni *turnover* yang telah kita berikan dia mesti capai sekurang-kurangnya dalam tempoh 6 bulan pertama RM1,500 lepas pada 6 bulan kedua dia mesti capai RM2,000 jadi dia tidak capai tahap itu yang dari segi kiraan kita kalau tidak capai tahap *turnover* ini dia tidak akan mampu membuat pulangan yang baik kepada *investor* tersebut, jadi itu yang pertama.

Yang kedua, di Marang pulak, di Marang ini kita tutup kerana dia juga tidak mencapai matlamat itu disebabkan lokasinya tidak beberapa sesuai, Bandar Marang yang dipilih ini adalah tempat yang lokasi dia jalan mati kata orang dan dia bergantung pelanggan-pelanggan dia hanyalah bergantung kepada pelancong-pelancong yang datang yang nak pergi ke Pulau Kapas, jadi ia tidak dapat dibuka selama 24 jam, kita boleh buka dia 12 jam sahaja, juga tidak memberi pulangan yang baik di atas asas tersebut. Jadi kita pastikan supaya *investor* kita ataupun usahawan yang kita beri peluang ini tidak akan menanggung kerugian yang berpanjangan, memang rugilah kita tahu sebab itu kita dengan izin Yang Berhormat Yang Dipertua, *cut loss*lah, kita *cut loss* di situ dan kita pindah operasi yang rugi ini ke kawasan baru, ada kawasan-kawasan yang telah kita pilih untuk

kita pindah operasi yang telah ditutup ini di dua tempat iaitu yang di Gong Kapas ini kita telah pindah ke T'Shoppe Pengadang Baru yang akan dibuka pada 1hb. September ini dan yang ditutup T'Shoppe Marang ini kita akan pindah ke Pusat Niaga Paka. Semua barangan, semua apa nama ni gondola dia, semua peralatan yang ada yang boleh dipindah kita akan tempatkan di tempat yang baru ini. Jadi memang ada kerugian, saya tidak dapat nilai kerugian tersebut tapi orang meniaga kata kita kena buat *cut loss*lah supaya kerugian itu tidak lebih besar, dan ini biasalah bagi orang meniaga ada untung ada rugi, rugi kita lari *selalu*, kita tak boleh *lok* sampai *bleeding* orang putih kata. Sekian, Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah kita dapat selesaikan 10 soalan Wakil yang hadir dan satu soalan yang Wakil yang tidak hadir dan mewakilkan kepada Yang Berhormat yang hadir. Kita teruskan Sila Setiausaha.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin membawa di bawah Peraturan Fasal 30.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan berapa Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Peraturan 30 dan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila baca.

Usul Dia Bawah Perkara 30
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap
Dewan Undangan Negeri Terengganu
Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Burok mohon mencadangkan bahawa Persidangan ini hendaklah ditangguhkan mengikut Fasal 30 Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu kenaikan mendadak harga barangan keperluan seperti ikan, ayam, beras, minyak masak, gas, gula, tepung serta pelbagai keperluan harian yang amat-amat membebankan terutamanya golongan termiskin. Malahan ramai kalangan rakyat Terengganu sendiri yang mengeluh bahawa kos barangan keperluan harian

di Negeri Terengganu Darul Iman ini adalah lebih jauh lebih mahal daripada kota-kota besar seperti di Kuala Lumpur sendiri, Ipoh ataupun di Pulau Pinang.

Dato' Yang Dipertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana kesan kenaikan harga barangan keperluan dan kos hidup ini amat-amat membebankan golongan miskin yang begitu ramai di negeri ini seperti buruh kasar, petani dan nelayan yang hidup kais pagi makan pagi kais petang makan petang dengan hanya mengharapkan upah yang tidak seberapa. Hari bekerja mereka, mereka mendapat gaji dan hari mereka tidak bekerja bermakna tiada sebarang pendapatan yang mereka mampu bawa pulang. Golongan miskin inilah yang merupakan golongan pertama yang menjadi mangsa kesan kenaikan harga barangan serta kos kehidupan harian yang sedang berlaku di negeri kita sekarang. Perkara ini melibatkan kepentingan orang ramai kerana Kerajaan Terengganu di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Seri Ahmad Said telah mencatatkan Bajet tertinggi di seluruh semenanjung dengan Belanjawan termasuk kepada Belanjawan Tambahan pada hari ini yang dipohon lebih daripada RM2 bilion setiap tahun sepanjang 3 tahun terakhir ini. Siapa boleh menjangkakan bahawa negeri kaya yang berbelanja besar ini kebanyakan rakyat termiskin kini hidup terhimpit dengan keperluan kos keperluan hidup. Malahan dengan Bajet yang besar ini sepatutnya Kerajaan Negeri sudah dapat memastikan kemakmuran dan kekayaan terhasil dikecapi oleh setiap lapisan rakyat. Negeri ini sepatutnya sudah lama dapat merapatkan jurang antara yang kaya dan yang miskin dan mereka tidak lagi terus mengharapkan ehsan dan wang subsidi. Namun apa relevannya perbelanjaan tahunan yang begitu besar setiap tahun kepada rakyat Terengganu sedangkan rakyat bawahan yang miskin sedang menanggung bebanan yang amat berat. Perkara ini perlu disegerakan kerana tanpa sebarang kawalan dan langkah-langkah positif bagi mengatasi kenaikan kos barangan, bebanan kenaikan harga barangan dan keperluan harian ini akan terus menjadi suatu bebanan besar khususnya kepada golongan termiskin seluruh Negeri Terengganu, yang miskin terus akan menjadi pengemis subsidi dan wang ehsan sedangkan masa depan mereka terus gelap dan tidak dapat keluar daripada cengkaman kemiskinan ini. Sepatutnya menjelang hari raya ini kita dapat menyelesaikan permasalahan kos yang begitu membebankan golongan yang termiskin ini.

Maka saya berpandangan bahawa Usul ini melibatkan perkara tertentu kepentingan orang ramai serta perlu disegerakan. Sekian terima kasih. Wallahua'lam.

[Bentara Dewan mengambil dan menyerahkan
Usul tersebut kepada Yang Dipertua Dewan]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima secara rasmi Usul yang dibaca sebentar

tadi, kita dengar daripada Wakil Batu Burok yang memohon Usul ini dibincang di bawah Peraturan Mesyuarat Fasal 30 Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Kita sama-sama telah mendengar dan meneliti sebagaimana yang diserahkan kepada saya ini sebentar tadi. Memang perkara ini bila dilihat tertentu dan mengenai kepentingan orang ramai dan juga dibawah Peraturan 30. Tapi saya juga dalam proses mendengar tadi jelas perkara yang berbangkit ini adalah perkara-perkara yang khusus terhadap penguatkuasaan kawalan dan sebagainya di mana tugas rasmi ataupun perkara-perkara ini memang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kita juga dalam sepanjang masa dan juga apa lagi dalam proses sekarang dalam suasana ingin menyambut lebaran di media-media kita dapat tahu penguatkuasaan yang kuat semakin dan sebagainya dibuat pihak Kerajaan untuk memastikan kenaikan harga barang-barang ini tidak berleluasa dan tidak membebankan rakyat. Jadi Ahli Yang Berhormat sekalian dengan tidak payah menangguhkan Dewan ini, saya ingin menjelaskan perkara ini memang tertentu, perkara ini memang kepentingan orang ramai tetapi dalam pertimbangan saya tidaklah perlu disegerakan, maka kita tidak perlu menangguhkan Dewan untuk membincangkan khusus kepada Usul ini. Terima kasih. Sila, Setiausaha.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Mulia Dato’ Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pihak-pihak Media, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Seksyen Kecil 3 kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat ketetapan bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 2011 sebagaimana yang ditentukan dalam jadual di bawah.

JADUAL		
MAKSUD	TAJUK	TAMBAHAN (RM)
<i>P. 02</i>	<i>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri</i>	<i>105,543,600.00</i>
<i>P. 19</i>	<i>Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri</i>	<i>50,000,000.00</i>
JUMLAH		155,543,600.00”

Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO’ YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, ada sokongan?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya menyokong Usul tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Kota Putera. Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul yang dibawa oleh Seberang Takir sebentar tadi telah mendapat sokongan dan saya dengan sukacitanya membuka untuk Ahli Yang Berhormat sekalian membuat perbahasan. Siapa yang ingin mulakan untuk berucap, dipersilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya ingin ambil masa yang ringkas untuk membahaskan tentang Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama yang kalau ikut daripada jumlah yang dikemukakan ini agak besar iaitu RM155 juta lebih dan dia melibatkan SUK dan juga PTG. Cuma satu perkara yang saya nak sebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah berhubung dengan kes isu Projek Pembinaan Istana Baru di Bukit Chendering, saya tidak mahu sentuh isu soal pembinaan istana itu kerana tambahan itu diperlukan bagi menyambut kepulungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada 13hb. Disember ini pada tahun ini. Tetapi saya nak tanya berhubung dengan kes perkara yang saya telah sebut pada Persidangan sebelum pada ini iaitu tanah berhampiran projek istana itu sejauh mana penyelesaian yang telah dibuat kerana melibatkan tanah rakyat dan tanah itu berpindah milik tanpa pengetahuan rakyat tanpa dipanggil untuk berbicara dalam tujuan untuk pengambilan balik tanah dan sehingga kes itu dijadikan dibawa ke kes mahkamah. Cuma saya timbulkan perkara ini kerana saya nak tahu adakah berapa jumlah penyelesaian yang dibuat dan adakah peruntukan yang diminta ini terlibat dengan jumlah yang saya sebutkan tadi untuk selesai di luar mahkamah dan sebagainya. Saya timbulkan perkara ini Yang Berhormat Dato' Dipertua kerana akhir-akhir ini isu tanah ini dia jadi semakin menjadi-jadi, saya pernah sebut dalam ucapan saya sebelum pada ini isu masa kita dulu pembinaan sekolah, isu pembinaan loji air di Kampung Baung, isu Banggul Donas, isu tanah *adjacent* dengan izin sebelah istana tetapi yang terakhir ini pulak ada satu kes tanah yang melibatkan jugak dibuat laporan Polis, pindah milik kepada tanah NEP saya difahamkan oleh PTG yang tanah ini yang pertama sekali ada kaveat dan yang keduanya dalam proses pengambilan balik oleh Kerajaan melalui Warta Kerajaan No.635 bertarikh 27 Mei 2010 tetapi sedar-sedaranya pada 9 Jun 2011 berlaku pindah milik. Jadi adakah boleh buat pindah milik dalam keadaan proses pengambilan balik telahpun diwartakan dan adakah boleh buat pindah milik dalam

keadaan tanah itu masih belum selesai kaveatnya. Jadi ini benda-bendanya kadang-kadang kita tertanya-tanyalah.

Yang keduanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berhubung dengan kes peruntukan tambahan ini jugak oleh PTG berhubung dengan pengambilan perbelanjaan untuk pengambilan balik tanah yang diperuntukan tak cukup, pada 2011 hanya RM20 juta lebih baki peruntukan masih tinggal RM9,313,923 dan untuk akhir tahun ini memerlukan tambahan dan dimohon tambahan sebanyak RM50 juta. Jadi isu pengambilan balik tanah ini saya nak mintak pandangan dan nak nasihatkan Kerajaan, akhir-akhir ini banyak rakyat kita soal nak lawan bila Kerajaan nak ambil balik atas nama pembangunan tak boleh lawan, habis-habis lawan bawa ke mahkamah kerana tak puas hati dari segi bayaran, itu semua kita tahu. Tetapi masalah sekarang ni bila sesuatu projek itu melibatkan penempatan dan rumah kediaman orang kampung di mana bila nak ambil mereka-mereka yang terlibat ini memang kena keluar daripada tempat itu rumah mereka kerana terjejas dengan projek yang hendak nak dibangunkan, tetapi pengaduan yang dibuat ialah masalah mereka nak pergi ke mana. Walaupun dibayar pampasan tetapi pampasan itu tak mampu dengan duit yang ada itu untuk nak cari ganti tapak dengan kawasan sekitar. Tanah memang makin berkurangan. Harganya pulak sekarang ini makin tinggi, sebagai contoh di Gelugor Raja, seorang ibu tunggal anak 4 orang, 4 ke 5 begitulah, dia mengadu kepada saya, suami dah tak ada jadi bila dia kena halau walaupun dijangka akan dapat tapi tak tahu nak pergi ke mana. Jadi kalau sekiranya dari segi pengambilan balik tanah ini kalau Kerajaan boleh memikirkan kalau perlu diambil balik dan memang tidak boleh nak elak daripada penempatan rumah kediaman, ambil lebih sikit tak apa. Di Gelugor Raja tu dia nak buat sistem pembetulan awam, dijangka nak ambil dalam 30 ekar ke begitu. Dan kalau 30 ekar tu kalau tanah baruh yang tak dibuat padi tu tak ada masalah tetapi kalau nak ambil 30 ekar apa salahnya ambil 35 ekar ataupun 40 ekar, 10 ekar tu untuk *relocate* mereka yang terlibat, dan nilailah. Bayar tanah dia kita ambilpun kita nilai, tanah yang nak bahagipun kita nilai. Tapi sekurang-kurangnya dia ada, lega sikit walaupun dia buat rumah dalam keadaan tidaklah besar macam mana tetapi sekurang-kurangnya dia tak *mikir* tak tahu nak pergi ke mana dan dia seboleh-boleh tak mahu lari dari kampung dia. Tetapi masalah dalam bandar sebagai contoh, mungkin nak ganti dengan tanah mungkin payah, saya sebut tadi Gelugor Raja masih ada tanah yang boleh kita fikirkan ke arah itu. Tapi di Ladang sebagai contoh sekurang-kurangnya Kerajaan memikirkan sebelum diambil balik tanah itu dinaikkan Ladang Gemilang ke apa? Jadi sekurang-sekurgannya ada tanah gantian ataupun rumah penempatan gantian walaupun dalam kaedah sewa beli ke, dalam kaedah jual ke, itu kaedah boleh difikirkan, tetapi ini soal rakyat yang memang sekarang ini saya sendiripun, itu rakyat kalau Wakil Rakyat tandas saya, kawasan rumah saya nak diambil Kerajaan sayapun tak tahu nak duduk mana, kitapun bukan banyak tanah macam orang lain tapak itu aje kita ada. Melainkan Jabi tawar

tanah pergi Jabi, saya tak mahu duduk di Jabi *nung*, tapi sekurang-kurangnya difikirkan kawasan yang agak munasabah supaya ada pilihan kepada mereka yang terlibat dari segi peruntukan tambahan...

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mintak laluan, pasal dia tunjuk ke Jabi tadi...(dewan gelak)... Dah Jabi tu nak beri tanah ke nak beri ibu tunggal? Pasal sebelah Jabi nipun perlu jugak ibu tunggal.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jabi perlu dua-dua. Okey, okey. Jadi itu beberapa perkara yang saya nak sebutkan secara ringkas-ringkas Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Ada lagi Yang Berhormat ingin membuat ucapan? Ya, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. (membaca Surah Al-Baqarah ayat 185). Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, seterusnya seluruh warga Dewan yang saya hormati sekalian.

Pertama sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan untuk saya juga untuk terlibat dalam sedikit sebanyak berucap bagi maksud membahaskan terhadap apa yang telahpun dibentangkan oleh pihak Kerajaan dalam konteks sebagai Tambahan Peruntukan khususnya untuk P.02 sebanyak RM105.5 juta dan juga P.19 bagi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian sebanyak RM50 juta. Dengan tambahan ini peruntukan asal RM1.184 bilion andainya diluluskan ia akan menjadi sebagai RM1.34 bilion.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mudah-mudahan dengan semangat Ramadhan yang ada bersama dengan kita lebih-lebih lagi di hari-hari yang terakhir dalam bulan Ramadhan ini kita sering memikirkan tentang soal untuk kita mencari keredhaan Allah S.W.T dan di antara keredhaan Allah S.W.T itu ialah kita berusaha sebagai Kerajaan untuk membantu, menolong untuk meringankan ataupun memberikan kemudahan kepada rakyat dan saya cukup yakin maksud peruntukan tambahan yang dibawa oleh pihak Kerajaan pada hari ini sebenarnya merupakan sesuatu usaha ke arah untuk mengurangkan bebanan rakyat di samping juga pada masa yang sama sebenarnya untuk memberikan kemudahan-kemudahan kepada rakyat dalam Negeri Terengganu kerana apa yang

saya lihat selain daripada dua perkara yang penting selain daripada tambahan peruntukan untuk penyiapan Istana Negeri yang lebihnya adalah merupakan tambahan-tambahan peruntukan kepada maksud untuk meneruskan pembinaan rumah-rumah yang disebutkan sebagai RKR dan juga RMM, Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik, yang sedang dibina oleh pihak Kerajaan Negeri pada hari ini. Dan ini merupakan sesuatu perkara yang amat dituntut dalam konteks kita sebagai Pentadbir dan Kerajaan maksudnya kita perlu dalam tugas kita adalah untuk memberikan keselesaan kepada rakyat.

Saya bersetuju sedikit dengan apa yang dikatakan oleh Wakil Wakaf Mempelas sebentar tadi dalam membahaskan perkara yang sama di mana bila disebutkan bahawa bila berlakunya pengambilan balik tanah maka rakyat yang terlibat dengan rumah yang ada akan berhadapan dengan masalah di mana tempat mahu duduk dan sebagainya. Itu adalah merupakan lumrah biasa apabila Kerajaan mengambil balik tanah dan tanah yang ada itu tanah milik yang ada rumah dan kalau kita kaitkan dengan peruntukan tambahan yang dibawa ini sebenarnya Kerajaan juga berhasrat untuk memberi dan menyediakan lebih banyak lagi rumah kepada rakyat dengan mengambil kira antara sebabnya juga ialah melalui pengambilan balik tanah yang melibatkan tempat kediaman mereka, andai kata rumah-rumah ini disediakan RKR sebagai contohnya Rumah Mampu Milik dan yang lain ia sebenarnya sebagai satu kaedah untuk mengurangkan bebanan rakyat pada masa yang sama memberikan satu laluan atau satu alternatif kepada rakyat yang mana rumah mereka terlibat dan pengambilan balik untuk mereka duduk dengan selesa. Dan sebenarnya saya mengatakan bahawa di dalam kawasan saya sendiri khususnya melibatkan soal pengambilan balik yang melibatkan projek untuk membina jambatan daripada Jeram Tok Kong ke Jeram Manir yang ada juga peruntukan tambahan yang dipohon, saya mengatakan bahawa memang di kawasan sayapun khususnya di sebelah Jeram Hulu dan juga Banggol Binjai, terdapat juga rumah-rumah kediaman sekitar dalam 59 buah rumah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah untuk tujuan pembinaan jambatan tersebut, jalan dan jambatan. Jalan dan jambatan ini adalah merupakan sesuatu perkara yang cukup penting bagi maksud untuk mengurangkan sedikit sebanyak kesesakan lalu lintas menghubungkan sebelah utara sana ke Pusat Pentadbiran Negeri di Bandar Kuala Terengganu di mana apabila siapnya jalan tersebut yang terus dihubungkan dengan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 bermula dari Kampung Petaling melalui Kampung Banggol Binjai, Jeram Hulu melintasi Sungai Nerus dan seterusnya melalui kawasan Banggol Donas seterusnya yang dicadangkan sampai kepada Losong dekat dengan Muzium melalui Pulau Sekati. Ini merupakan suatu dasar dan suatu kaedah yang sepatutnya Kerajaan lakukan bagi maksud untuk memberikan keselesaan dan memudahkan sistem aliran perjalanan ke Bandar Kuala Terengganu. Dan memang ada rumah-rumah yang terlibat dan memang sebenarnya dalam pengetahuan kita semua setakat ini saya kira sebenarnya

Kerajaan Negeri mengambil balik tanah dan memang terpaksa diambil balik untuk tujuan pembangunan. Dari segi hukum agamapun tidak salah bila tindakan Kerajaan mengambil tanah tersebut kerana tindakan Kerajaan itu berdasarkan kepada satu kaedah dalam Usul Fiqh "*tashorruful imam a'la ra'yatihi manuthum bil mashlahah*", tindakan Kerajaan, Pemerintah, ketua ataupun Imam dalam sesebuah negara itu yang mengambil tindakan terhadap sesuatu perkara urusan yang ditadbir oleh Kerajaan itu sebenarnya mengambil kira tentang usaha untuk nak menjaga dan memberi masalah kebajikan kepada rakyat ertinya Kerajaan tidak mengambil secara rakus dan secara zalim bahkan saya difahamkan Kerajaan mengambil balik dengan bayaran pampasan yang lebih tinggi, kalau tanah itu dijual kepada orang lain kemungkinan tidaklah setinggi mana bayaran yang diterima melalui bayaran pampasan oleh Kerajaan. Alhamdulillah saya kira dalam bab kawasan saya Kerajaan cukup prihatin dan kita mengambil peranan supaya mereka yang terlibat dengan pengambilan balik tanah melibatkan rumah mereka, kita sediakan tapak-tapak baru untuk mereka ini merupakan satu langkah Kerajaan yang cukup prihatin bagi menjaga rakyat. Ini saya katakan di kawasan saya dan saya berhak untuk berbahas dalam persoalan ini kerana saya katakan bahawa sebenarnya sedaya mampu yang Kerajaan boleh lakukan, Kerajaan akan lakukan untuk memastikan rakyat sebenarnya tidaklah dizalimi, tidaklah dianianya.

Justeru itu Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya merasakan bahawa amat wajar kepada kita untuk meneruskan supaya peruntukan permohonan Peruntukan Tambahan ini diluluskan lebih-lebih lagi kepada maksud untuk membina dan menyiapkan senarai rumah-rumah RKR dan Rumah Mampu Milik yang sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri. Cuma yang akhirnya Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya ingin juga menyebut sedikit kepada pihak Kerajaan kerana dalam senarai-senarai yang asal sebenarnya cadangan pembinaan Rumah Mampu Milik ini ada di pelbagai tempat di pelbagai DUN termasuk juga sebenarnya dalam DUN saya, DUN Tepoh tetapi dalam senarai yang ada ini tidak ada dan memang katanya telahpun ditawakuf dan sebagainya. Saya mohonlah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar supaya yang kawasan saya itu dapat diteruskan dengan peruntukan nanti diberikan kerana kawasan saya dalam DUN Tepoh adalah merupakan satu kawasan yang cukup cepat dari segi pembangunan dan keperluan kepada rumah-rumah kerana di kawasan Bandar Kuala Terengganu sebenarnya sudah tidak ada lagi tapak-tapak ataupun kawasan-kawasan yang lebih sesuai untuk dibina rumah, yang adanya adalah di sebelah utara dan antara yang terbaiknya ialah di kawasan saya, di DUN Tepoh. Saya mohon kepada Yang Amat Berhormat supaya cadangan sebelum ini yang ditawakufkan dapat diluluskan semula.

Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, saya mohon juga menyokong usul yang telah diberikan ini. Terima kasih, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Saya buka lagi kepada ahli-ahli Yang Berhormat. Jika ada. Ya, Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat Pegawai Kerajaan, Pemerhati, seluruh hadirin yang dikasihi sekalian.

Pada pagi ini, suka saya mengambil masa sedikit untuk perbincangan, khusus saya nak tujukan tentang di bawah peruntukan Maksud P.19, peruntukan pengambilan balik tanah oleh Pejabat Pengarah Tanah Galian Negeri Terengganu. Di dalam Bajet yang diluluskan baru-baru ini dalam perbentangan Bajet 2011 adalah RM1.881 bilion dikatakan Bajet Berimbang maka tambahan seperti biasa bulan 8 membuat tambahan sebanyak RM155 juta lebih maka dia sudah menjadi defisit lebih kurang 8% dengan Bajet Negeri Terengganu sudah tak berimbang lagilah dah jadi defisit. Persoalan saya ialah kebanyakan pengambilan balik tanah yang dinyatakan dalam kertas ini adalah projek-projek yang lama yang dirancang sudah begitu lama bukan satu projek *ad-hoc*, kenapa boleh jadi tiba-tiba nak mintak tambahan, antara projek yang dinyatakan di sini ialah ada dua projek besar, Pembinaan Jalan Dan Terminal Bas Bagi Pembangunan Bukit Besar dan juga Pembinaan Jalan Dan Jambatan Jeram Manir Ke Kampung Tok Kong Ke Bukit Guntong. Ini projek yang sudah lama dalam perancangan Kerajaan yang peliknya anggaran asal projek yang RM30 juta, tambahan besar pada hak asal. Tambah RM50 juta hampir dua kali ganda. Ini boleh memberi implikasi atau impresi atau penafsiran kepada sayalah, orang lain saya tidak tahu, sama ada memang Kerajaan tidak tahu nak buat anggaran pada peringkat awal, tidak boleh menilai dengan sebenar berapa kos sebenarnya, sepatutnya pengambilan tanah yang hendak dibuat di sekitar itu ataupun banyak tanah yang hendak diambil tidak dikira dengan betul termasuk harga pasaran, tiba-tiba kalau dah tambah lebih daripada makan ni memang pelik sikitlah, kalau pergi kedaipun kalau dah sepinggan nasi tambah dua pinggan jadi pelik kita tengok, ataupun kerana tidak ada perancangan ini menyebabkan harga tanah menjadi meningkat terpaksa buat bayaran yang begitu tinggi. Saya tidak nafikan memang rakyat berhak diberi pampasan yang tinggi tetapi ini melibatkan duit orang ramai, duit rakyat seluruhnya bukan dia sahaja nak senang orang lainpun nak senang jugak. Kalau kita hanya satu pihak sahaja yang mendapat manfaat sedangkan duit rakyat seluruhnya dibelanjakan dan Kerajaan juga telah berhutang RM1 bilion lebih hingga kini. Ditambah lagi

defisit 8% dan tidak tahu berapa banyak Pusat/Ehsan nak bagi ke kita mungkin duitpun tak cukup maka hutang Kerajaan Negeri akan bertambah lagi yang akan ditanggung seluruh rakyat Terengganu.

Oleh itu, saya mintak perkara-perkara ini harus diberi perhatian dalam perancangan Bajet dalam masa-masa akan datang. Inipun masih timbul, saya rasa antara perkara yang timbul hari ini mungkinlah kerana Bajet ini tidak cukup ada beberapa tanah khususnya di Banggol Donas tu masih lagi duduk situ terpinga-pinga belum ada perundinganpun hingga hari ini sebab itu saya tanya tentang memorandum, soalan saya ditolak. Tidak ada Pejabat Tanah turun ataupun PTG turun ataupun Pejabat Daerah yang turun nak berunding dengan penduduk tempatan, apa nasib tanah mereka, pembangunan telah dibuat belakang depan mereka terkepung tapi tidak ada lagi perundingan sama ada nak ambil balik dengan harga berapa ke mana mereka hendak pindah. Jadi rakyat hidup dalam keadaan trauma. *Bulldozer* kiri kanan, lori lalu-lalang sebelah rumah dia tak tahu nak mana pergi sebab tidak ada hitam putih nak bayar ke tidak dan sebagainya. Dan kalau tengok pada sini hanya pengambilan ini untuk jalan dan Jambatan Jeram Manir ke Kampung Tok Kong ke Bukit Guntong sahaja tidak dimasukkan di situ hingga kepada Banggol Donas, Kubang Jela dan jugak Pulau Sekati dan jambatan ini adalah jambatan yang menghubungkan Kubang Jela ini daripada Jeram ini terus ke Losong sebagaimana kata Wakil Tepoh tadi dan melibatkan pengambilan balik tanah di Pulau Sekati. Nasib penduduk Pulau Sekatipun masih tak tahu ke mana mereka ini akan dipindahkan, ke mana tempat akan mereka ditempatkan dan berapa banyak harga atau pampasan yang akan mereka perolehi. Ini juga melibatkan satu perasaan yang tidak tenteram dalam hidup mereka, bagaimana hendak membesarkan anak-anak mereka, di mana mereka akan ditempatkan di masa yang akan datang sebab Pulau Sekati ini kecil, saya rasa kalau nak buat jambatan kalau buat kaki jambatan atas Pulau Sekati mungkin seluruh Pulau Sekati kena ambil balik mungkin tidak ada penduduk lagi di situ.

Ini beberapa perkara yang saya kira Kerajaan harus buat satu perancangan yang teliti untuk tahun-tahun yang akan datang kalau Kerajaan ini kekal lagi, mungkin Kerajaan lain pulak, insyaAllah. Jadi begitu jugak dengan kalau kita tengok sedikit sebanyak lagi tentang pembangunan-pembangunan ini, mungkin pembayaran ini kerana dikatakan beberapa projek ini disiap cepat tetapi kenapa seperti Tepoh kata projek-projek yang dalam perancangan yang tidak disiapkan dengan segera, disiapkan yang lain dulu yang dalam perancangan tidak disiapkan. Jadi ini yang menyebabkan mintak peruntukan tambahan, jadi perkara-perkara seperti ini bagi sayalah oleh kerana ini melibatkan defisit dia meninggalkan beban hutang, Kerajaan harus berhati-hati dalam pembedaan Bajet Tambah-tambahan seperti ini. Cuma kosmetik semasa bentang awal comel, berimbang tidak ada defisit tapi akhirnya setelah 3 tahun berturut-turut saya ingat dalam Dewan dibentangkan

mesti berlaku defisit bila dibentangkan Bajet Tambahan. Ini zaman yang serba canggih sepatutnya perkara-perkara ini boleh kita elakkan semestinya dalam pengambilan balik tanah dan benda-benda yang *simple* macam ini bukannya satu-satu perkara yang *disaster* ke, bencana yang perlu kepada tambahan yang serta merta. Jadi sekadar itulah apa yang saya nak penjelasan beberapa perkara yang tentang pengambilan balik tanah dengan tambahan yang begitu besar. Sekian wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Waalaikumussalam warahmatullah. Ada Yang Berhormat yang ingin berucap lagi? Ya, Wakil Ladang, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Yang Dipertua, sahabat sekalian. Saya nak sentuh sikit sahaja tentang pengambilan balik tanah. Memang menjadi *trend* Kerajaan sekarang ini mengambil balik tanah mungkin kerana terpaksa mengambil balik cuma ketika mengambil balik itu mintak diperhatikan juga tentang rumah-rumah yang tidak duduk atas tanah sendiri tapi ada dibina di atas tanah-tanah dan *reserve* Kerajaan, *reserve* jalan dan sebagainya yang sudah lama bertahun kadang berpuluh tahun seperti di Ladang baru-baru ini. Mengikut Akta rumah-rumah ini tidak dibayar pampasan tetapi peraturan juga tidak menghalang untuk Kerajaan membayar ganti rugi ataupun apa-apa sahaja namanya kepada rumah-rumah sebegini dan kadang-kadang memang berlaku misalnya di Ladang, rumah bersebelahan, satu duduk di atas tanah Kerajaan, satu atas tanah wakaf, yang wakaf ini dapat berpuluh ribu, hampir RM100,000. Rumah yang sama dekat di situ tapi kebetulan duduk atas *reserve* Kerajaan dapat RM6,000. Ini menjadikan mereka merasakan terlalu rasa tak senang kerana rumah-rumah jugak, cuma atas tanah Kerajaan dan saya minta supaya perkara ini diberi sedikit perhatian kerana mereka sudah wujud di situ lama. Kerajaan pulak kata mujur tak hambat awal-awal atas tanah Kerajaan...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Yang Berhormat, dia senang awal sebab tak bayar cukai apa, tanah Kerajaan. Yang tadi bayar cukai kot.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua jawab ke macam mana ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Taklah, saya nak celah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak celah. Tak apalah bolehlah mencelah. Tapi saya minta supaya

perkara ini diberi perhatian serius sebab ini merupakan masalah kepada orang-orang kampung. Mereka duduk lama sangat dah di situ tak sedarpun kadang-kadang tanah itu tanah Kerajaan dan kalau di Ladang dulu tanah tu sebenarnya dia duduk atas tanah Wakaf asalnya, kemudian itu Kerajaan ambil balik, ambil balik tanah untuk pembangunan pembinaan Masjid Al-Muktafi Billah Shah kemudian *reservanya* besar dan rumah tu ada di situ dah. Asalnya duduk tanah Wakaf kemudiannya jadi atas tanah *reserve* Kerajaan. Kemudian bila ambil balik berlaku rumah mereka diroboh yang asalnya dibina atas tanah Wakaf tidak dibayar setimpalnya dengan alasan bahawa Kerajaan tidak berhak untuk bayar. Saya fikir Kerajaan perlu mengambil kira tentang soal sejarah pembinaan rumah di kawasan-kawasan begini. Dan saya juga turut menyokong apa yang disebut oleh dua orang Wakil Rakyat daripada Wakaf Mempelam dan juga daripada Tepoh tadi yang meminta Kerajaan mengambil kira soal perpindahan orang-orang yang terlibat dengan pengambilan balik ini supaya Kerajaan apabila mengambil balik tanah diambil balik lebih sedikit untuk penempatan semula mereka di kawasan berkenaan supaya mereka tidak berpindah jauh daripada kawasan asal mereka. Saya fikir itu sahaja yang nak disebut, minta perhatian supaya dikurangkan rasa tidak senang hati di kalangan rakyat kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Batu Burok, sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO serta Ahli-ahli Dewan yang dihormati dan dikasihi sekalian. Saya jugak ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Bajet Peruntukan Tambahan di bawah Maksud P.02 dan P.19 yang berjumlah lebih daripada RM150 juta yang akan diluluskan oleh Dewan pada hari ini. Hujah yang diutarakan kepada kita untuk mengabsahkan perbelanjaan tambahan yang amat besar ini adalah kerana keperluan pengurusan dan pembangunan. Tetapi persoalan yang telahpun disebut oleh beberapa orang rakan Ahli Dewan Undangan Negeri tadi, persoalan yang perlu kita jawab ialah apakah ianya menjadi suatu keperluan apabila berlakunya pengurusan dan pembangunan yang tidak mampan serta tidak cukup untuk melayakkan kita bergelar sebagai Pengurus Kewangan yang baik. Dalam pembentangan Bajet 2011 yang lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah meluluskan perbelanjaan hampir RM2 bilion. Saya juga bertanya apakah ini suatu Bajet yang bijak, satu Bajet yang bertanggungjawab dan saya telahpun menyebut dan menjangkakan akan ada lagi perbelanjaan tambahan yang akan dibawa ke Dewan ini untuk mendapatkan perbelanjaan ataupun Bajet Tambahan ini.

Dato' Yang Dipertua, persoalan yang besar yang perlu kita berikan perhatian ialah dari segi pengurusan ekonomi dan kewangan di Negeri Terengganu ini yang membenarkan perbelanjaan tambahan yang saya lihat unjuran yang dibuat tidak menepati keperluan ekonomi semasa yang mungkin mendesak ataupun kita sebut sebagai Perbelanjaan Am ataupun diluar jangkaan. Dewan telahpun mengambil kira perbelanjaan luar jangkaan jugak lebih daripada RM150 juta dalam Bajet 2010 yang lepas. Maka saya jugak ingin tahu bahawa keperluan yang kita bawa kepada penambahan-penambahan untuk kita luluskan di Dewan ini, apakah ianya telahpun dikaji dan diteliti secara mendalam kerana kebimbangan saya mengenai *trend reserve* ataupun simpanan Kerajaan Negeri sendiri, apakah persoalan yang besar jugak perlu kita perbincangkan, adakah ia meningkat ataupun menguncup sekiranya pendapatan Negeri bertambah, berapa peratuskah yang diperuntukkan untuk dimasukkan dalam *reserve* ataupun simpanan.

Dato' Yang Dipertua sekiranya peruntukan luar jangka ini diurus dengan berhemah dan tidak berlaku pembaziran Dewan ini tidak perlu memohon peruntukan perbelanjaan tambahan pada hari ini yang mencecah lebih daripada RM150 juta. Kita tidak perlu terus datang ke Dewan ini tiap kali sidang Dewan di akhir tahun untuk memohon kelulusan tambahan dalam setiap Persidangan. Seperti yang saya tegaskan di Dewan ini jugaklah dalam tempoh 3 tahun terakhir di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dewan ini telah meluluskan lebih daripada RM6 bilion. Saya bimbang sekiranya amalan ini diteruskan Negeri ini akan terus menanggung Bajet Defisit dan bukan lagi Bajet yang berimbang, yang perlu diberikan tumpuan adalah kepentingan rakyat yang begitu mendesak sekarang ini.

Saya telah sebut dalam Usul pada pagi tadi tentang kenaikan harga barang yang cukup-cukup membebankan golongan bawahan. Kenaikan harga barang yang kadang-kadang kita rasakan tidak masuk akal bagi kita orang-orang Terengganu sebagai contohnya semalam saya difahamkan di Kuala Terengganu Ikan Merah sekilo mencecah sehingga RM35 sekilo, Ikan Selayang yang tak pernah begitu tinggi harga sekarang ini harganya mencecah RM10 sekilo. Begitulah jugak dengan keperluan barangan-barangan yang lain, kalau kita melihat kepada indeks harga pengguna yang meningkat, sayur-sayuran meningkat lebih daripada 7%, makanan yang diproses meningkat lebih daripada 4%, daging, ayam dan sebagainya yang meningkat lebih daripada 15% yang kesemuanya ini menjadi satu bebanan yang begitu besar kepada rakyat khususnya golongan bawahan di Negeri Terengganu Darul Iman ini.

Saya di Dewan ini ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang langkah-langkah yang perlu dan segera yang boleh diambil secara bersama sebab bebanan ini bukan isu politik tetapi merupakan suatu bebanan yang ditanggung oleh semua rakyat Terengganu khususnya golongan

termiskin. Apa salahnya kalau Kerajaan Negeri Terengganu membuat cadangan kepada Kerajaan Pusat untuk mendapatkan permit, sebagai contohnya mengimport terus beras, mengimport terus gandum, mengimport terus gula di bawah anak syarikat Kerajaan Negeri dan kita boleh memberikan kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu harga gula, gandum dan beras yang kita import sendiri tanpa melalui tauke-tauke ataupun *tycoon-tycoon* di Kuala Lumpur yang memonopoli gula, beras dan gandum dalam pasaran yang ada di negara kita. Sekiranya Kerajaan Negeri dapat melaksanakan yang sedemikian ini, saya yakin bebanan sebahagian besar golongan miskin ini akan dapat kita atasi, malahan kita boleh memberikan suatu harga yang kurang daripada 30% daripada harga pasaran bahan-bahan yang saya sebutkan ini.

Begitu jugak cadangan supaya golongan miskin yang ada di Negeri Terengganu ini kita berikan tumpuan bukan semata-mata kita memancing mereka dengan Dana Hari Raya, Dana Ramadhan dan sebagainya dengan tidak mencari jalan bagaimana usaha yang terbaik untuk kita mengeluarkan golongan miskin ini daripada kemiskinan. Kita tidak boleh selama-lamanya mempolitikkan kemiskinan rakyat Negeri Terengganu dengan RM200, RM300 kerana lambat laun rakyat akan bangun dan bangkit untuk mendapatkan hak dan kepentingan mereka dalam Negeri kita ini. Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan jauh simpang sangat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dok simpang dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tumpu kepada Usul yang dibentang.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya. Dato' Yang Dipertua, inilah yang perlu saya ingin dapat penjelasan, selain daripada itu saya ingin mendapatkan *pendetailan* sedikit dari segi Peruntukan Tambahan kepada pembinaan Istana Baginda Tuanku di Kuala Terengganu supaya Dewan ini dapat mendapat maklumat yang jelas tentang Peruntukan Tambahan yang diperlukan untuk kepentingan dan untuk keselesaan Kebawah Duli Baginda Tuanku di Istana yang baru ini.

Sebagai akhirnya Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya di Dewan yang mulia ini memohon supaya kita menilai balik perbelanjaan secara keseluruhan Kerajaan Negeri Terengganu kerana kebimbangan saya jugak pergantungan kita yang terlalu besar dalam konteks *Revenue Income* lebih daripada 90% kita bergantung kepada sumber gas dan minyak yang mana ianya tidak akan berterusan selama-lamanya,

lambat laun kita terpaksa bergantung kepada sumber-sumber yang lain dan inilah yang menjadi suatu keperluan yang mendesak sebaiknya kita mengkaji balik perbelanjaan agar ianya lebih mampan, lebih berhemah dan menjurus kepada kepentingan rakyat Terengganu terutamanya di kalangan golongan yang termiskin yang begitu ramai yang ada di Negeri Terengganu ini sendiri.

Yang akhirnya ialah dari segi pengambilan tanah telah disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tentang kepentingan awam, kita tidak menafikan kepentingan awam, sebagai contohnya pengambilan tanah untuk pembinaan stesen bas yang baru di Bukit Besar, ada dari segi kepentingan awam tetapi yang perlu kita berikan perhatian adalah kepentingan dan masa depan tanah-tanah orang Melayu Bumiputra di Negeri Terengganu. Kita wajib mempertahankan kepentingan masa depan anak cucu kita, kita wajib mempertahankan kepentingan tanah-tanah dan kedudukan strategik orang-orang Melayu di Bandar Kuala Terengganu ini sendiri. Cukup malang kita telah kehilangan sebahagian besar daripada tanah-tanah di Kampung Ladang, cukup malang kita akan kehilangan dan kita telahpun kehilangan sebahagian besar daripada tanah-tanah orang Melayu yang mempunyai nilai sejarah yang begitu besar di Tanjung dan kita dijangka akan kehilangan tanah-tanah penempatan orang-orang Melayu di Cabang Tiga dan kemungkinan di Bukit Besar ini jugak sebahagian besar daripada tanah-tanah dan penempatan strategik dan sejarah orang-orang Melayu akan hilang. Dengan kita tidak nafikan kepentingan pembangunan tetapi yang lebih penting kepentingan masa depan orang-orang Melayu dan tanah orang-orang Melayu dari segi masa depannya. Saya telah sebut di Dewan ini, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat DUN Bandar yang dapat *mengheritagekan* Kampung Cina sehinggakan Kerajaan Negeri tidak boleh menyentuh Kampung Cina kerana ia menjadi bahan *heritage* walaupun ada sarang-sarang burung, walaupun ada zink-zink yang dibina di belakang bangunan dengan sarang burung dan ada zink dan kayu-kayu dibina untuk membina sarang burung tetapi di atas nama *heritage*, Majlis ataupun Bandaraya Kuala Terengganu dan Kerajaan Negeri tidak berani dan tidak boleh menyentuh bangunan yang sedemikian. Maka apa salahnya sebahagian daripada kawasan yang strategik dan bangunan-bangunan yang strategik bagi orang-orang Melayu kita *heritagekan* supaya kita menjamin masa depan anak cucu kita orang Melayu di Negeri Terengganu yang saya dan kita semua patut berbangga dengan bandar Melayu yang terakhir selain daripada Kota Bharu, Terengganu dan Kuala Terengganulah antara bandar Melayu yang terakhir ataupun Bandaraya Melayu yang terakhir yang wujud di seluruh Semenanjung Malaysia ini. Dato' Yang Dipertua saya rasa itulah yang dapat saya sampaikan. Wallahua'lam. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok. Sura, sila.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Wassalatuwassalamua'la Rasulillah Sayyidina Muhammad wa-ala alihi wa-ashabihi ajmain. (Membaca Surah Hud ayat 61) Yang bermaksud, "Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya, oleh itu mintalah ampun kepada Allah dan bertaubatlah kamu kepadaNya, sesungguhnya Tuhanku dekat dan memperkenankan permohonan doa hamba-hambaNya" Surah Hud ayat 61. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat Pegawai Kerajaan dan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Dalam Bajet yang asal dibentangkan dalam bulan Disember tahun 2010 untuk perbelanjaan 2011 yang berjumlah RM1.881 bilion dan dengan permohonan tambahan hari ini sudah mencecah angka lebih daripada RM2 bilion. 3 tahun berturut-turut Bajet Terengganu ini melebihi RM2 bilion angka yang sangat besar menjadikan seolah-olah Negeri Terengganu ini negeri yang maju dalam Bajet yang dikemukakan. Apapun kepentingan yang ada adalah berkaitan dengan pembangunan dan pembinaan selain daripada pembinaan Istana baru di Bukit Chendering permohonan tambahan pembangunan RM40 juta adalah melibatkan Rancangan Perumahan Rakyat RM65 juta dan kepentingan tanah yang akan diambil balik sebahagiannya ialah melibatkan RM50 juta dan telah ada yang dimasukkan dalam senarai khusus. Apapun saya nak menyebutkan beberapa perkara supaya pihak Kerajaan dalam soal yang berkait dengan pembangunan dan pengambilan balik tanah ini melihat kepada kepentingan-kepentingan yang seharusnya diberikan perhatian kerana bila kita membincangkan permasalahan berkait dengan pengambilan tanah rakyat untuk kepentingan awam memanglah rakyat terpaksa berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara menerima keputusan kepentingan pembangunan yang nak dibuat tetapi di sana ada halangan-halangan yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan kerana satu ialah berkait dengan halangan fizikal iaitu masalah penempatan semula bukan sahaja penduduk tetapi juga peniaga-peniaga dalam sesuatu kawasan pembangunan yang hendak dilaksanakan dan dibuat sebagai contoh Jalan Yahya Ahmad di Dungun jauh panjangnya lebih kurang hampir 3 kilometer, 2 kilometer lebih hampir 3 kilometer, melibatkan bukan sahaja perpindahan penduduk yang melibatkan tanah-tanah yang diambil untuk distrukturkan semula rumah-rumah mereka tetapi juga peniaga-peniaga yang sedia ada tidak diberikan satu ruang tempat ganti untuk mereka nak menjalankan perniagaan mereka yang telah puluhan tahun mereka berada di situ. Jadi berlaku dalam amalan sebelum ini jika pembangunan sesuatu kawasan hendak dibuat dalam tanah yang hendak diambil itu biasanya diberikan tapak ganti kepada peniaga-peniaga. Jadi baru-baru ini berlaku permasalahannya

ialah peniaga-peniaga ini kalau kita sebut orang Terengganu kata *bercerida*, dok tahu ke mana nak pergi. Akhirnya ada yang lari ke Batu Lima, lari ke tempat ini, duk cari ikut masing-masing cari. Sepatutnya ada perancangan yang dibuat sebelum kita nak buat sesuatu pembangunan di situ supaya semua pihak terlibat bukan sahaja Kerajaan malahan GLC (Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan), tetapi juga pihak swasta mungkin untuk kita lihat bagaimana nak menstrukturkan semula peniaga-peniaga yang ada yang saya sebut secara khusus di kawasan Sura Gate Dungun yang terlibat dalam pembinaan Jalan Yahya Ahmad untuk dijadikan laluan 4 hala, 2 dan pergi.

Yang kedua, melibatkan apabila diambil balik tanah-tanah rakyat ini supaya jangan tinggal reja kerana kalau tinggal reja nak buat pembangunan apapun di atasnya dah tak boleh dibuat, jadi merugikan rakyat jadi ini jugak perlu diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan.

Yang ketiganya, ialah isu nilai tanah kerana bila nilai yang dibuat yang pihak rakyatnya boleh mencabar keputusan harga yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan oleh penilai tetapi dia akan melambatkan pembangunan yang hendak dibuat dan inilah yang melibatkan kadang-kadang kos-kos kenaikan tambahan yang terpaksa dilakukan oleh pihak kontraktor kerana melibatkan masalah perkiraan semula yang dituntut oleh pihak tuan tanah yang berkenaan. Jadi nilai tanah ini jugak mestilah diberikan perhatian supaya benar-benar memberikan kepuasan hati kepada kedua-dua belah pihak.

Kemudian berkait dengan yang keempat, isu pembangunan dan persekitaran. Yang ini terlibat kebanyakannya bila rumah-rumah yang ada di atasnya adalah rumah-rumah yang buruk, rumah-rumah yang sudah uzur, yang usang, yang lama dan ini jugak melibatkan kadang-kadang apabila tidak diambil kira dalam pembangunan yang hendak dibuat maka saki baki yang ada itu memburukkan pemandangan dan keadaan sepatutnya jugak boleh diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan.

Yang kelima, berkaitan dengan tanah-tanah yang diambil itu jugak melibatkan surau dan masjid macam di tanah lot tu kena surau jadi tak diberikan apa-apa pampasan yang nak dibuat jadi dibuat tandas sahaja oleh pihak kontraktor sangat malang kerana sebahagian daripada pagar tandas di luar yang terpaksa diruntuhkan digantikan dengan tandas sahaja. Ini jugak perlu diberikan perhatian untuk kepentingan rakyat.

Yang akhirnya, saya nak mencadangkan supaya Kerajaan mewujudkan Majlis Hartanah ataupun Bank Tanah supaya dapat diambil balik tanah-tanah yang didapati *idle* mintak izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang tidak dibangunkan dalam kawasan bandar milik-milik bumiputra ini supaya menjadi satu

Bank Tanah oleh pihak Kerajaan dan menjadikan ianya satu daripada aset yang jika sekiranya ada bumiputra yang boleh majukan maka kita serahkan kepada Bumiputra tersebut untuk menyelamatkan tanah-tanah orang Melayu dalam bandar yang tidak dibangunkan. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mudah-mudahan mendapat perhatian Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Sura. Saya ingat tak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita buka untuk undian, saya jemput pihak Kerajaan untuk mengumpul perkara-perkara yang dibangkitkan. Sila.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebagaimana dibentangkan di Dewan yang mulia ini, Peruntukan Tambahan yang diperlukan di bawah Setiausaha Kerajaan Terengganu dan juga Pengarah Tanah Galian dan telahpun dituliskan secara jelas iaitu pertama, pembinaan Istana baru di Bukit Chendering memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta dan seterusnya 21 projek perumahan yang menyebabkan keseluruhannya menjadi RM105 juta dan satu lagi keperluan untuk pengambilan tanah sebanyak RM50 juta menjadikan keseluruhannya RM150,543,600, Dato' Yang Dipertua.

Saya menyangkal sama sekali dakwaan mengatakan sebagaimana dikatakan oleh ADUN Batu Burok iaitu Belanjawan Pengurusan. Ini tidak ada kena mengena dengan perbelanjaan pengurusan, ini merupakan projek khas yang telah ditentukan sebagaimana dijadualkan dan saya mendapati bahawa hampir kesemua Wakil Pembangkang tidak faham tentang keperluan Bajet ini dan mereka tidak pernah melihatkan ini kecuali saya rasa dukacita apabila Wakil Ladang bekas seorang Pengarah Tanah Negeri Terengganu seolah-olah buat tak faham tentang proses pengambilan tanah sedangkan masa dia dulu juga beliau pernah terlibat dalam proses pengambilan tanah. Dia sebut sendiri tadi Dato' Yang Dipertua, kita bayar pampasan kepada mereka yang mempunyai tanah yang ada geran, yang ada hak milik, walaupun mereka duduk atas tanah wakaf tapi kita bayar kepada MAIDAM, tuan punya tanah ialah MAIDAM, dia hanya menumpang. Sebab itu dari segi peraturan disebut sendiri oleh Wakil Ladang sebentar tadi bahawa Kerajaan tidak boleh bayar pampasan, adalah menjadi satu kesalahan kita bayar pampasan kepada orang duduk tanah Kerajaan. Malahan selama ini Kerajaan prihatin, tak pernah menghalau mereka, kalau ikut dari segi undang-undang Peraturan Tanah mereka duduki tanah secara haram mereka boleh didenda RM10,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-dua sekali. Dan kebanyakan daripada kita masa asal dulu masa nak menumpang tanah Kerajaan, tak apalah duduk sekejap sahaja kalau Kerajaan nak ambil balik ambillah kita serahlah. Itupun kita rasa Kerajaan tidak zalim, kita masih berikan mereka apa kita namakan bahawa saguhati walaupun kecil

jumlahnya, takkanlah saguhati nak samakan dengan pampasan, mereka tidak ada hak sama sekali, dan kita juga beri balik kepada mereka bukan sahaja saguhati tapi beri pulak penempatan kepada mereka.

Di sini kita lihat ada dua pencagahan, Yang Berhormat Batu Burok menentang sama sekali, timbul soal *heritage* dan sebagainya. *Heritage* disebut soal Kampung Cina seolah-olah menimbulkan sentimen politik menggambarakan bahawa seolah-olah Kerajaan ni nak bela orang Cina tak mahu bela orang Melayu, nak main politik. Sedangkan Kampung Cina tu bangunan batu semua, kita tinggalkan sebab termasuk dalam *heritage*, tapi jamban-jamban yang belakang kita roboh belaka dah. Bayangkan lebih 30 tahun mengambil masa untuk merobohkan kawasan yang menjadi *eyesore* Dato' Yang Dipertua dengan izin, hak *bulu mata* belaka tengok. Baru boleh selesai. Tapi bila sebut begini nak menggambarakan tengok yang orang Melayu tak ambik cakna orang Cina *heritagelah*, nak suruh *heritage*, tengok pulak bangunan kita macam mana, air *chor* duk bawah rumah, rumah *renyok repang* kalau orang Terengganu kata, kena susun balik. Tapi Wakil Rakyat, ADUN Sura pulak minta kita tarik balik, *idle landlah*, tanah ini takut diambil balik, hak orang lainlah. Sama diri sendiri dah *bollo'*. Sebab itu kita kata tadi kita lihat, Kerajaan melihat ini secara keseluruhan. Kita sedar, kita sedar bahawa tanah di Tanjung dan Ladang ini adalah tanah milikan bebas, *freehold*, dan kita didapati bahawa orang lain telah membeli satu persatu, dan bagi memastikan orang Melayu kekal dalam bandarlah Kerajaan ambil balik ni. Kalau tak kita *lok* je, biar je. Bukan Kerajaan banyak duitpun nak ambil ni, bukan sengaja nak ambil. Buat pening kepala kita je. Ladang dulu dijangka RM50 juta aje dulu, masa tu Ladang Tok Pelam dijangka RM50 juta aje dijangka, akhirnya jadi RM76 juta tambah pulak, tinggal pulak baru ini RM2 juta lagi, jadi RM78 juta. Bukan kita nilai, Penilai yang nilai. Contoh, kita batalkan sendiri sebelah Wisma Darul Iman, kita terpaksa batalkan sebab kita tidak mampu nak ambil balik kerana penilai buat tanah 2 ekar setengah RM21 juta maknanya kalau kita ambil dengan tanah ini satu lot tanah dibelakang sebelah bukan *first* lot tapi *second* lot, satu lot rumah kedai 20 x 30 nilainya RM900,000, saya tak bersetuju. Dato' Pegawai Kewanganpun memang tak setuju kita panggil Penilai. Tapi kalau itu dinilai kita nak buat macam mana, bukan kita nilai, Penilai yang buat. Sebab itu kita tak menyusahkan kitapun ada peraturan, ada Borang I walaupun disebut tadi oleh Wakil Bukit Tunggal, Kerajaan masuklah apa semua, kita ada peraturan, kalau proses sampai habis sampai Borang K dah bila boleh buat? Sebab itu ada peraturan kata keluar Borang I, lepas gazet masuk Borang I dulu kita masuk segera. Soal cara bayar tu kemudian, tidak puas hati apa semua, kemudian. Dia tidak mahu terima kita masuk dulu duit sebagai wang amanah dan kita perlu, proses buat jalan, buat apa, kena perlukan yang besar, tak buat marah pulak, jalan sempit, nak halau orang pulak katanya, nanti dibangkit pulak. Nak buat jalan sebab apa tak tahu lagi, orang trauma saja termasuk di Pulau Sekati trauma. Trauma macam mana? Dia orang tahu tanah

terlibat dengan tak terlibat apa serba? Bukan tahu dah bukan kerana apa, kita kena buat *alignment* bukan pakar anggaran kita ambil balik, selepas tu *alignment* berubah. Kita kena siapkan *alignment* dulu, kat mana yang sebetul kena. Sebab itu bila tidak ada pengalaman mentadbir cakap *bahang rambanglah*. Sebab itu bila saya paling, tengok, dengar Wakil Rakyat Pembangkang cakap tadi kebanyakan kita senyum je, sebab dia tidak faham dari segi Bajet, dari segi apa ni.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua mohon penjelasan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, beri peluang.

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya ingin secara spesifik satu kes pengambilan tanah di Cabang Tiga. Apa rasionalnya pembinaan pasar yang kedua yang melibatkan pengambilan dan perobohan rumah-rumah orang-orang Melayu kita di kawasan Pasar Cabang Tiga yang sekarang ini proses pengambilan sedang berjalan dan pasar lama telahpun ada dan pasar yang kedua dibina di atas parit tali air dan melibatkan jugak pengambilan rumah-rumah dan tanah-tanah orang Melayu kita di Pasar Cabang Tiga. Ini satu kes yang spesifik sedangkan kita boleh menyelesaikannya dengan banyak cara yang lain tanpa kita mengambil tanah-tanah di sekitar itu ataupun dalam proses meroboh rumah-rumah di sekitar pasar yang ada itu, ini satu kes spesifik.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebab itu saya sebut dulu Wakil Batu Burok tidak faham dan dia ketinggalan bas ni, dulu dia dah bangkit sebab apa beri kita sikit, sebab apa beri ke orang ni, kroni-kroni, projek Pasar Cabang Tiga. Saya sebut di dalam Dewan ini jelas. Projek ini dilaksanakan oleh Kerajaan PAS dan telah dilancarkan pada 17 Mac 2004 oleh ketika itu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang, Menteri Besar Terengganu 17 haribulan. Saya tunjuk kad jemputan semua sekali. Diberikan kepada satu company Cina jugak kalau nak sebut Cina tapi bila akhirnya kita menang, kroni tak mahu buat dia serah kepada orang lain bukan serah kepada kita kerana dia dah ada perjanjian. Malah kita mintak lebih baik daripada itu termasuk menyediakan pasar, kita nak roboh ia terpaksa robohkan pasar termasuk dalam terma yang diberikan oleh kontraktor yang terdahulu, pemaju yang terdahulu, dan untuk menjimatkan pengambilan balik tanah secara lebih besar, kita buat atas tali air. Kalau tidak lagi banyak kawasan kita ambil balik dan sekarang kita terpaksa ambil balik kerana laluan takkan buat pasar laluan sempit, marah pulak kita. Jalan sempit tidak ada perancangan. Mesti ada pengorbanan, dan projek ini projek PAS dulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Mengapa bila nak buat pasar kata dari zaman Kerajaan PAS diteruskan, tanah-tanah yang kita beri kepada rakyat mengapa dirampas balik dan ada rumah-rumah yang telah dibuat dirobohkan? Mengapa? Penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita mesti teruskan sebab tandatangan telah dibuat, dilancar dah. Saya sebut hari tu 17 Mac, Tuan Guru Haji Hadi

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Penjelasan Dato' Yang Dipertua, masalah sekarang ini rumah rakyat yang telah dibuat di atas tanah yang diberi dari zaman Kerajaan PAS mengapa dirobohkan. Masa buat pasar nak terus, mengapa?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Beri bila? Ada dapat geran?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Ada yang telah dirobohkan yang telah dibuat rumah askar Seberang Takir apa tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ada dapat geran ke? Mana boleh kita roboh orang ada geran. Jangan cakap *bahang rambang* gak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): *Bahang rambang* ada bukti.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukti guana?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Masalahnya bila gitu terlibat kalau sikit hak Kerajaan PAS terus teruk kalau tak tanah rakyat bakpe rampas?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dia kalau tanah ada hak milik, Dato' Yang Dipertua, pegawai ada belaka ni, PTG ada, Pejabat Tanah ada

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kita faham, itu semua kita faham. Soal macam kata pampasan kalau duduk atas tanah Kerajaan kita reti tetapi budi bicara Kerajaan kena ada.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bakpe? Zaman PAS tak *rombok*? Tak ambil balik? Kita pernah jadi Kerajaan jugak dulukan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Buat di atas prosedur yang benar tak mengapa.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Prosedur, ni prosedur jugak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Ini masalah sekarang tanah TOL tu tanah yang diberikan oleh pihak Kerajaan...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: TOL tu tahu? TOL tu benda apa?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Saya faham, faham. Reti TOL.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah cuba baca. Sebut benda apa TOL. TOL tu benda apa?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Kelulusan menduduki sementara.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah lagi?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Beri tempoh untuk dia tengok kita nak buat, adakah sebahagiannya buat...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak betul lagi jawapannya tu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Dia ada syarat-syarat dia.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak betul lagi jawapan tu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak usah nak bahas betul ke tak betul. Nak budi bicara

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan bicara, saya nak jawab, duduk, duduk, saya nak jawab.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Dipertua boleh arah duduk bukan Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Giliran saya ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yalah, saya faham tapi Yang Dipertua boleh arah saya duduk.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kalau saya tak mahu beri awak kena duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Tak apalah, Yang Dipertua arah boleh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Giliran saya ni. Tanya Wakil Ladang, TOL, Tanah Tumpangan Sementara. Lesen dia setahun ke setahun. Mati 31 haribulan 12 setiap tahun. Itu peraturan. Sebab saya kerja Pejabat Tanah jugak hari itu. Bukan *bahang rambang* ni. Jadi kena faham bila giliran dia, budi bicara, bila orang, zalim.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebut nama saya tadi, nak sebut sikitlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tak mahu beri laluan, nak jawab dulu ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mintak dulu, kalau Yang Amat Berhormat bagi baru boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Mintak boleh?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tak mahu dah, tak mahu beri dah. Giliran saya pulak ni. ... (dewan gelak)... Sebab itu saya kata Dato' Yang Dipertua, kita ada peraturan-peraturan kita yang perlu kita lakukan dan benda ini termaktub jelas. Kita boleh baca satu-satu tak perlu nak jadikan sentimen dari segi Bajet dan sebagainya. Jelas disebut benda ini. Peruntukan diperlukan tambahan RM2 juta. Satu-satu contoh kita tengok. Okey. RKR Pasir Akar, Besut, anggaran projek RM9,650,701, kita buat bukan tahun ni mungkin 3 tahun dah.

Tapi peruntukan diperlukan lagi RM1 juta untuk bayar habis, projek nak hampir siap, dan projek tu tak boleh nak siap sekaligus sebab itu dibawa setahun ke setahun sebab itu dia ada tambah *sokmo* tahun ini banyak ni, tahun ini banyak ni. Kalau tidak kita tak boleh bayar, orang saman pulak Kerajaan. Ini peraturan jelas, kenapa kita kata sebut beginilah, begini, senarai ada 21 projek perumahan berapa setiap satu diperlukan untuk pembayaran statusnya. Kita beri untuk kepentingan rakyat. 6,000 unit rumah kita buat dalam tempoh 3 tahun, RM600 juta lebih kos yang terlibat. Tak ada rumah, buat isu tak ada rumah. Kita buat rumah timbul isu pulak tambahan peruntukan tak bayar. Jalan sempit kita ambil balik tanah kata pulak rampas tanah rakyat buat isu, kita beri macam-macam. Dia berdasarkan *case by case*. Bagaimana yang disebut oleh Wakaf Mempelam tadi. Di Ladang kita dapati bahawa memang tidak ada tempat, kita terpaksa buat rumah di situ walaupun kos tinggi. Tapi ada tempat yang ada pilihan kita boleh alih dia kita beri tanah tempat peralihan, kita perlu juga buat longkang sebagaimana di sebut di Gelugor tadi. Kalau tak ada longkang banjir dia marah kita pulak, Kerajaan tak ambil cakna rumah tenggelam. Dah nak buat longkang takkan buat longkang atas langit pakai tiang, buat atas tanah, terlibat tanah orang kena ambil balik. Sebagaimana disebut juga oleh Wakil Tepoh tadi, kita tak beri lagi, kita tawakuf projek perumahan Tepoh bukan kerana tawakuf kerana kita nak buat satu kajian yang menyeluruh mengenai kawasan Tepoh melibatkan paya Tok Jiring itu sendiri. Paya Tok Jiring itu kawasan tenggelam air, jadi isu. Sekarang ini tenggelam sampai sebulan, orang marah kita. Kita lulus tanah, okey dia suka sekejap tapi bila rumah tenggelam dia marah ke kita. Sebab itu Kerajaan memerlukan kajian secara menyeluruh bagaimana mengatasi banjir dan ditenggelami air di kawasan Tepoh berkenaan, paya Tok Jiring dan sekitarnya itu. Baru-baru ini kita rugi, swasta buat rumah, orang buat rumah, tapi bila rumah tenggelam satu bulan orang marah kita, kita terpaksa belanja RM5.6 juta buat *bump* nak sedut air termasuk juga di Perumahan Rakyat di Gong Pasir yang diberikan oleh Kerajaan PAS untuk buat rumah di situ, semuanya tenggelam. Kita nak tolong rakyat, kita akan belanja hampir RM10 juta

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua itu tak betul tu, tuduhan sebab *levelling* yang dibuat zaman Barisan Nasional sebelum PAS mengambil alih 1999

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat Dulu dulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yalah, biar fakta, jangan *bahang rambang* gitu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Okey, Dato' Yang Dipertua, saya yang buat Dato' Yang Dipertua. SPKA Gong Pasir saya yang buat. Saya jadi EXCO Perumahan ketika itu. Bila kita siap kita tengok kajian sebab itu kita tak bagi lagi. Kita kena buat infrastruktur, longkang lebih besar, lepas itu kita agihkan. Tapi zaman PAS beri ke kroni dia, bukan kroni, sahabat Dato' Yang Dipertua. Kita belanja kerja-kerja infrastruktur tanah sahaja hampir RM5 juta, tak termasuk kos harga tanah 50 ekar. Zaman PAS beri kroni dia, sahabat dia RM3 juta aje bayar, modal tak balik, sebab tu tenggelam. Ni fakta nak cakap bab fakta.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya perlukan penjelasan sebenarnya. Sebab apa, *levelling* tanah yang dibuat yang di depan perumahan tu tak kena banjir, yang di hujung, kerana *levelling* tanah yang dibuat tinggi di depan dan di belakang tu rendah. Itu je masalahnya. Mestilah ditujukan kepada ADUN yang perparitan. Tetapi tuduhan yang dibuat ini macam semua sekali.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, bukan tuduhan Dato' Yang Dipertua, dah memang betul. Sepatutnya syarikat yang dipertanggungjawabkan melaksanakan rumah ini buat longkang yang besar, *monsoon drain*, tapi oleh kerana nak untung banyak buat longkang kecil. Itu hakikatnya. Tapi bila tenggelam kita terpaksa ambil alih, kita laksanakan demi kepentingan rakyat. Dekat RM10 juta pulak belanja ni, tender tahun ni. Kita terpaksa, itupun projek yang kedua kita terpaksa buat percubaan, kali pertama di Terengganu kita cuba buat *bump* di Paya Tok Jiring, akhirnya berjaya. Sebab itu kita pindahkan kedua projek lebih besar. Jadi kita bercakap kita tahu, saya tahu, saya yang melawat longkang, saya sendiri yang meluluskan peruntukan dan sebagainya. Wakil PAS pergi syarah je. Ini hakikat yang mesti kita terima, sebab itu saya sebutkan tadi projek-projek ini diberikan untuk kepentingan rakyat. Pengambilan balik tanah, nak bayar nak buat jambatan, nak bayar rumah orang yang kena terlibat dan sebagainya dan kita pindah pulak boleh tanah balik ke orang, di kawasan Tepoh dan sebagainya. Kita ambil balik tanah pulak nak beri ke orang pindah ni untuk beri tapak. Bukan ambil balik saja, sedia infrastruktur pulak. Kerajaan tidak pernah menzalimi rakyat, kita bayar berasaskan apa yang ditentukan oleh undang-undang. Saya sendiripun tak puas hati kalau nak kira puas hati, harga terlalu mahal. Sebab itu sekarang ni kita terima permintaan daripada orang kampung daripada rakyat supaya mengambil balik tanah, bukan dia marah, suruh ambil balik, sebab bayangkan reban ayam tak sampai sedepa RM1,400. Yang Berhormat boleh pergi tengok sekarang, rumah ada 2 buah di belakang stadium sebelah Wisma Darul Iman nak runtuh *le-le*, RM38,500 kena bayar kalau kita ambil balik, saya batalkan. Lambur runtuh dah, tingkap takdok benda satu, orang nak naik tak berani. Saya tanya Pegawai Penilaian, macam mana awak nilai. Dia kata kita nilai rumah berdasarkan keluasan tolak 5% rumah buruk, mudah aje gitu.

Pokok mempelam bayar, reban ayam bayar. Ini hakikat, tetapi demi pembangunan demi untuk dari segi orang Melayu yang mana tidak kekal kita buat, bukan halau, kita bertanggungjawab. Kitakan demokrasi 5 tahun nak dapat undi pulak, kita nak menang jugak pilihan raya bukan PAS je nak menang. Sebab itu PAS janji macam-macam sebab nak menanglah tu. Ini hakikat yang berlaku. Sebab itu kita katakan tadi kita dah buat banyak benda.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Amat Berhormat, dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi dengan penyediaan infrastruktur, Rumah Mampu Milik, Rumah Kos Rendah, longkang dan sebagainya, benar atau tidak saya katakan bahawa Kerajaan kita Kerajaan BN telah lama melaksanakan Kerajaan Berkeadilan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya setuju benarlah dengan pandangan yang dikemukakan oleh Wakil Ajil tadi. Kita sebenarnya Negara Berkeadilan. Macam-macam kita buat. PAS baru sedar keadilan baru ada baru nak buat. Selama ni Islam, Islam, Islam. PAS jugak sebut negara Islam, sampai Ibrahim Libya mati...

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat mintak laluan, dah Negara Islam *bubuh* mana?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dalam poket DAP belaka dah. Dulu begitu jugak nak buat Hudud. Seolah-olah pra-syarat Negara Islam, Hudud. Pentingnya Hudud. Bila hudud tak mahu pakai, tak penting 1/10,000. Mana Negara Islam? Akhirnya hari ni takdok pah mana dah kerana undi kerana apa nampak DAP sokong, PKR sokong Negara Berkeadilan. Ini masalah kita ni. Kita ludah jatuh atas muka sendirilah jawabnya, 'seluar, seluar saya, tahi kurang periksa' (dalam loghat Hulu Terengganu)

YANG BERTHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, mohon penjelasan ringkas. Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran PAS pada tahun 2003 telahpun meluluskan di Dewan ini meletakkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' dan Qias sebagai Undang-undang Tubuh yang tertinggi bagi Negeri Terengganu. Saya nak minta penjelasan Yang Amat Berhormat bila nak laksanakan Undang-undang Islam di Negeri Terengganu ini. Kita dah lulus lama dah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Lulus boleh tapi tak boleh nak buat nak buat macam mana, kita tahu dah tak boleh nak buat, kita buat jugak. Tak usah bersyarah dalam bab ni. Cukuplah. Dato' Yang Dipertua, satu lagi dibangkitkan tadi mengenai tanah milikan yang diambil oleh Kerajaan tanpa pengetahuan dan sebagainya. Perkara ini telah diselesaikan, saya dah jawab dulu apa yang berlaku di Chendering, tanah ini diserahkan kepada Datuk Abdullah dengan keluasan terlibat 20.9 hektar dan kita telahpun mengadakan rundingan dan Datuk Abdullah telah menyerahkan balik tanah ini kepada tuan-tuan tanah. Ini bukan salah kita salah pegawai. Sebab itu saya mintak pegawai terlibat diambil tindakan. Kita mana tahu, sebab masalahnya pegawai di Pejabat Tanah dia tak tanda dalam pelan besar tanah ini telah dimilik orang, bila tengok, kosong makna tanah Kerajaan. Ini kesilapan berlaku, tapi ini hakikatnya. Kalau kita tahu tanah orang takkan kita nak pakai duduk begitu aje, kita ada peraturan. Sebab itu rundingan telah dibuat dan diselesaikan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dalam kes ini ialah soal pegawai ke, soal apa, tetapi bila Carian Rasmi dibuat mengesahkan di Pejabat Tanah Kuala Terengganu kedudukan rekod yang ada itu sama dengan geran yang dia ada. Jadi itu yang timbul tu. Jadi saya tak tahulah nak salahkan pegawai ke salah apa, tetapi pokoknya sekarang ni saya mintak perkara ini diselesaikan. Kalau dah selesai dah saya tanya tadi berapa pampasan ganti rugi Kerajaan terpaksa tanggung untuk nak selesaikan kes ini di luar mahkamah dan supaya jangan berulang macam kes saya timbul tadi ada pulak satu lagi hak kita dapat maklum.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, perkara ini telah diselesaikan. Saya, kita tengok, terpulanglah kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang kita dengan pihak lawyer yang berkenaan untuk menyelesaikannya. Dari segi tanah selesai, dan kita bukan sahaja ditemui oleh Wakil Wakaf Mempelam sahaja, kita Kerajaan pun bertemu. Kes-kes ukur tak sama dan sebagainya, kita panggil pegawai beri taklimat kenapa ini terjadi, bukan sikit, banyak. Sebab itu kadang-kadang kita sangsi kita sendiri tanya, buat atas ukur rantai ke buat ukur atas wakaf. Beberapa kes-kes di daerah tertentu kita temui hari ini, kes yang serius, dan Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat dalam soal ini. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, saya katakan tadi bahawa peruntukan yang kita angkat pada kali ini, tambahan ini adalah tertentu sebagaimana yang dijadualkan, jadi tidak ada soal pengurusan ke, salah laku, nak timbulkan keraguan ke, jelas disebut satu persatu dalam jadual ini peruntukannya banyak mana, kosnya banyak mana, berapa lagi diperlukan, ada *statementnya* untuk bayaran akhir sepertimana bentuk *progressnya*, macam-macam Dato' Yang Dipertua. Demi kepentingan rakyat, sebab itu saya kata untuk rumah rakyat dan

sebagainya kita buat. Begitu jugak pengambilan balik tanah untuk kepentingan umum, kepentingan rakyat secara keseluruhan. Bukan kita nak suka-suka nak ambil balik tanah ni, kita kalau ada tanah Kerajaan kita ambil tanah Kerajaan tetapi sudah tidak ada pilihan demi pembangunan kalau tidak kita biarkan lebih teruk keadaan dari segi jalan, kemudahan dan sebagainya. Jadi saya haraplah kita nilailah. Rakyat boleh menilai apa yang Kerajaan lakukan, yang kita lakukan semua ini demi kepentingan rakyat dan kita adalah merupakan sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, sebab itu setiap 5 tahun kita kembalikan kuasa kepada rakyat untuk menentukannya dan kita adalah merupakan sebuah Kerajaan yang penuh dengan kebajikan membantu rakyat sejak lahir sampai dia mati Dato' Yang Dipertua. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah menggulung bagi pihak Kerajaan sebentar tadi. Terima kasih juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan seramai 6 Wakil. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita mengambil undian ke atas Usul ini sukacita ringkasan daripada perbahasan dan juga penggulungan oleh Yang Amat Berhormat sebentar tadi, kita mengambil perhatian di Dewan ini untuk mengucapkan sebenarnya kata-kata Yang Amat Berhormat tadi tidak terhurai, saya huraikan lebih mudah untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai khususnya pegawai-pegawai kita, ketua-ketua jabatan kita yang mengurus sebenarnya Bajet khusus yang ditujukan kepada 21 RKR dalam Usul ini yang tidak teranggar dalam Bajet yang lepas tetapi oleh kerana kecepatan siap projek ini maka dimasukkan dalam Peruntukan Tambahan. Maka sesuai dengan hasrat Kerajaan kita nak ucapkan tahniah kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Jadi dalam bulan Ramadhan ini kita tak nak kelirukan supaya dilihat ataupun dilihat Kerajaan itu tidak mengurus ekonomi dengan baik dan sebagainya. Tahniah kita ucapkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penggulungan sebentar tadi maka sekarang saya buka untuk undian –

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, demikianlah sidang kita untuk hari pertama pada hari ini, sebelum kita bersurai saya ingin menyampaikan dua pengumuman, yang pertama dengan segala hormatnya dijemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga Ketua-ketua Jabatan ke Majlis Berbuka Puasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ke Kediaman

Seri Iman pada petang ini. Majlis bermula jam 6 petang, kad telahpun diedar di meja masing-masing. Yang kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon banyak-banyak maaf, perlu diingat takut kita terlupa saya percaya mungkin tidak pernah diingatkan iaitu etika Fasal 121(a) saya kaitkan dengan 125 Buku Peraturan sebab disebut tadi, barangkali Buku Peraturan dah lama tapi kita tidak khusus jadi saya khususkan kepada Etika Berpakaian. Pada semua yang hadir ke Dewan kita ini saya pohonlah pakaiannya sebagaimana Fasal ini terutama sekali yang ingin menutup kepala kepada yang lelaki, kita tidak benarkan pakaian ketayap, pakai ketayap putih insyaAllah yang ketayap sama serban macam Rhu Rendang kita benarkan. Kalau nak tutup jugak, songkok. Ya, yang lain-lain sebagaimana etika itulah. Saya harap diambil perhatian. Dengan ini marilah sama-sama sebelum kita bersurai kita baca Surah Al-'Asr.

Saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 9.30 pagi esok, 23 Ogos 2011. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.25 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 23 AGOS 2011

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Dato' Yahya bin Khatib Mohamad, DPMT.,PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Dato' Haji Abdul Rahin bin Mohd Said, DPMT.,DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DPMT.,DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Dato' Toh Chin Yaw, DPMT.,PPN.,PJK.
WAKIL BANDAR

Y.B. Datuk Haji Za'abar bin Mohd. Adib, DMSM.,AMT. AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat, AMZ.
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Haji Rozi bin Mamat, AMT.
WAKIL TELEMONG

Y.B. Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Haji Din bin Adam, DPMT.,PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Alias bin Abdullah, AMT.PJK.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, AMT.,PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Haji Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Nuh, AMZ.,PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Mohd Zawawi bin Ismail, AMN.,PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Haji Abd. Halim bin Jusoh
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Ir. Rosli bin Othman
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, PJK.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli, JP.,PJC.
WAKIL SURABAYA

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Azhar bin Jusoh, PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita disambung semula. Sebelum kita mulakan persidangan pada pagi ini marilah dengan ikhlas bersama-sama kita membaca Ummu Kitab, mudah-mudahan majlis, mesyuarat kita akan diberkati oleh Allah S.W.T., insyaAllah. Al-Fatihah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita mengalu-alukan kehadiran Pemerhati khususnya daripada Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu yang hadir pada pagi ini untuk sama-sama mengikuti sidang Dewan kita. Memulakan agenda mesyuarat kita pada pagi ini adalah Soalan-soalan Lisan. Dengan segala hormatnya saya menjemput Wakil Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2 –

Apakah bidang-bidang kebajikan sosial yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sepanjang Januari sehingga Julai 2011?

YANG BERTHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Terima kasih kepada Wakil Jabi.

Bidang-bidang kebajikan sosial yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sepanjang Januari hingga Julai 2011 adalah meliputi dua perkhidmatan iaitu perkhidmatan institusi dan perkhidmatan luar. Di mana melalui perkhidmatan institusi iaitu melalui:-

1. Sekolah Tunas Bakti Marang sebanyak 25 aktiviti.
2. Asrama Rusila Marang sebanyak 26 aktiviti.
3. Taman Sinar Harapan Kuala Terengganu sebanyak 50 aktiviti.
4. Rumah Ikhsan AMBS sebanyak 18 aktiviti.
5. Bengkel Pemulihan Kebajikan Marang sebanyak 22 aktiviti.

Jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 141 aktiviti di mana aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di institusi-institusi ini ialah ceramah agama, kaunseling, motivasi, sukan, gotong-royong, lawatan dan sebagainya.

Manakala melalui perkhidmatan luar:

1. Sekim Perkhidmatan Bantuan Kewangan sebanyak 58 aktiviti.
2. Kanak-kanak sebanyak 25 aktiviti.
3. Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) sebanyak 9 aktiviti.
4. Penguatkuasaan Taska dan Pusat Jagaan sebanyak 12 aktiviti.
5. Perintah Khidmat Masyarakat sebanyak 60 aktiviti.
6. Pembangunan aktiviti sebanyak 109 aktiviti.
7. Kaunseling dan psikologi sebanyak 38 aktiviti.

Jumlah keseluruhannya ialah sebanyak 311 aktiviti. Program-program yang dilaksanakan ialah Program Pemimpin Bersama Penerima Bantuan, gotong-royong, Program Psikologi Pendidikan, Program Keusahawanan, Program Kecemerlangan Keluarga, Program Remaja Cemerlang, Program Bersama Warga Emas, Bengkel Masakan, Bengkel Pendidikan Kanak-kanak, Seminar Kesedaran Gejala Sosial, Kempen Jom Daftar Taska dan Pusat Jagaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga mohon penjelasan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan boleh dikatakan terlalu ramai penerima-penerima Kebajikan Masyarakat kita di Terengganu dari semasa ke semasa?

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Faktor-faktor sampingan yang dianggap boleh menyumbang kepada ramainya jumlah penerima bantuan di Negeri Terengganu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah:-

1. Faktor kematian Ketua Isi Rumah yang mana faktor ini memang tidak dinafikan boleh menyebabkan seseorang itu menjadi miskin ataupun terpaksa dibantu kerana kebiasaannya Ketua Isi Rumahlah yang akan menjadi punca pendapatan dan menyara hidup keluarganya.
2. Faktor penceraian daripada tidak kesempurnaan ataupun tidak ada kerukunan rumah tangga menyebabkan penceraian suami-isteri maka lahirlah di antaranya ibu-ibu tunggal dan jugak bapak-bapak tunggal yang terlibat.
3. Keuzuran Ketua Isi Rumah seperti sakit lumpuh dan sakit-sakit yang berpanjangan.
4. Faktor-faktor usia tua ataupun usia yang warga emas dan juga OKU.

5. Mengalami masalah kesihatan seperti penyakit-penyakit yang memerlukan bantuan secara bulanan.
6. Ibu bapa yang ditinggalkan oleh anak-anak ataupun saudara-mara. Boleh dianggap sebagai anak-anak yang menderhaka kepada ibu bapa.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua Dewan. Apakah pihak Kerajaan telah menjalankan kajian ataupun penyelidikan terhadap penerima-penerima bantuan ini sama ada mereka telah sepatutnya tidak menerima lagi bantuan dengan program-program sebagaimana yang telah dinyatakan tadi oleh pihak Kerajaan bahawa taraf hidup mereka telah berubah daripada miskin dan keluar daripada tahap kemiskinan.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, bagus soalan Wakil Jabi ni pasal dia jaga ibu tunggal tu. Memang Kerajaan di bawah parti Barisan Nasional ni memang sentiasa prihatin kepada rakyat dan lebih-lebih lagi kepada yang ditimpa musibah baik dari segi aspek kehidupan dia ataupun faktor-faktor yang berkaitan dalam rumah tangga mereka. Setakat hari ini Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan beberapa perancangan khusus untuk mengatasi masalah golongan-golongan yang ditimpa musibah ini. Walau bagaimanapun, khusus untuk ibu tunggal Kerajaan Negeri sedang melaksanakan satu kajian khusus dengan Universiti Malaya yang kita jangkakan perkara ini akan siap pada akhir tahun ini. Namun begitu, walaupun kita masih lagi dalam kajian khusus dengan Universiti Malaya namun begitu program-program tertentu telahpun kita laksanakan seperti Program Jaya Diri, Program Projek Ekonomi Berkelompok Ibu Tunggal, program-program lain yang melibatkan ibu tunggal seperti penubuhan Kelab Ibu Tunggal mengikut DUN, Bengkel Pemantapan Pengurusan Kelab Ibu Tunggal, Bengkel Pembimbing Ibu Tunggal, Bengkel Kemahiran Ekonomi, Lawatan Bermaklumat, Bantuan Pengurusan Kelab dan lain-lain. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan terakhir Dato' Yang Dipertua Dewan. Daripada penjelasan Kerajaan, tahniah kepada pihak

Kerajaan yang telah begitu cakna kepada seluruh rakyat. Cuma bolehkah pihak Kerajaan menyatakan bayangan yang dilaung-laungkan oleh pihak tertentu untuk mengadakan 'Negara Berkebajikan'.

YANG BERHORMAT DATO' YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, sebenarnya sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Dato' Seri Menteri Besar kita semalam, perkara 'Negara Berkebajikan' ni duduk dalam poket di sebelah sana dah, duduk dalam poket dia dah. Kalau bagi saya, saya anggap parti ini kalau kita duduk di kampung dia panggil Pokke Angguk.... Parti Pokke Angguk. Binatang Pokke Angguk ni kalau dia terbang pergi ke pokok hak jenis kelabu maka tubuh dia bertukar menjadi kelabu, kalau dia pergi ke tempat berwarna coklat maka tubuh dia akan bertukar menjadi warna coklat, lepas tu dia mengangguk-angguk. Maksud angguk-angguk ini maksudnya dia boleh berubah-ubah dan maksud angguk-angguk ni macam puak-puak ni dia boleh berubah macam Pokke Angguk, dia pergi ke situ dia berubah, dia pergi ke situ pulak dia berubah pulak, mengangguk-angguk, dia takut ke geng dia, kalau geng hak deme ni Karpal Singh hak sedapnya, 'langkah mayat hamba dulu weh ... kalau nak buat Negara Islam." Jadi kena hak faktor tu yang jadi berubah. Dan bagi sayalah pada pandangan bayangan yang dibuat oleh pimpinan Pembangkang tentang slogan 'Negara Berkebajikan' ni adalah lapuk dan tidak relevan sama sekali, sudah lapuk. Kerana mereka tidak sepatutnya mengambil modal ini untuk mewujudkan 'Negara Berkebajikan' kerana perkara ini sudah lama dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Contohnya saya sendiri hari ini bangun ni atas tiket Exco Kebajikan, boleh jadi model saya ini ditiru oleh puak-puak deme tu jugaklah, insyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakaf Mempelam mewakili Manir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih sekali lagi dan saya kemukakan bagi pihak DUN Manir, soalan nombor 1 -

Apakah Kerajaan sedar tentang kenaikan harga ikan di pasaran tempatan pada masa ini, apakah punca-puncanya dan bagaimana cara Kerajaan untuk mengatasinya?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Ramadan. Yang Berhormat Mulia Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dif-dif jemputan, wakil media, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Manir yang bertanyakan soalan yang berbunyi: Apakah Kerajaan sedar tentang kenaikan harga ikan di pasaran tempatan pada masa ini, apakah punca-puncanya dan bagaimana cara Kerajaan untuk mengatasinya?

Sebelum saya memberikan jawapan selanjutnya ingin saya memberikan sedikit respon kepada perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Batu Burok semalam. Kebetulan Wakil Batu Burok tidak ada, Yang Berhormat Wakil Batu Burok mengatakan Ikan Merah dan Ikan Selayang di Terengganu mahal katanya kelmarin dan banyak lagilah barang-barang yang mahal. Jadi saya telah meminta Jabatan Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan menyemak harga semalam di pasar-pasar Negeri Terengganu dan membuat perbandingan dengan harga di Negeri Kelantan, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Pahang. Ikan Merah katanya di Kuala Terengganu mahal RM30 sekilogram. Jadi kita semak di Kelantanpun serupa harganya RM30 sekilogram. Di Pahang RM25 sekilogram, di Kuala Lumpur RM25 sekilogram, di Pulau Pinang RM22 sekilogram, maknanya mahal dia kata tu sama harganya dengan Kelantanlah kalau Ikan Merah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh celah?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Saya beritahu dulu, nanti selepas inilah Yang Berhormat. Ikan Selayang katanya mahal jugak di Terengganu dan kita semak harga semalam di Terengganu harga dia RM8 sekilogram, di Kelantan RM7, di Pulau Pinang RM10 sekilogram, di Kuala Lumpur RM9 dan di Pahang RM7. Jadi berdasarkan pemantauan yang dibuat di Pasar Payang Kuala Terengganu juga didapati harga Ikan Merah pada bulan Ramadan ini dalam RM30 sekilogram berbanding dengan harga bulan sebelumnya ialah RM25 hingga RM28, ini adalah kerana kurang bekalan di pasaran. Begitu jugak Ikan Selayang, faktor harga dipengaruhi oleh saiz ikan, kalau ikan hak besar di mana 8 ekor ataupun ke bawah sekilogram harga dia RM10, kalau ikan kecil

antara 9 hingga 14 ekor sekilogram harganya RM8, jadi ia bergantung kepada saiz sebenarnya. Jadi seterusnya menjawab kepada soalan tersebut, Kerajaan sedar tentang kenaikan harga ikan pada masa kini di pasaran tempatan. Kenaikan harga ikan di pasaran tempatan disebabkan oleh beberapa punca. Di antara punca yang dikenal pasti adalah:-

1. Tangkapan Yang Merosot -
Faktor perubahan cuaca yang ketara dan tidak menentu sejak kebelakangan ini telah menyebabkan kuantiti pendaratan ikan telah merosot. Juga dikaitkan dengan suhu air laut yang meningkat sebanyak 4°C antara 2009 dan 2010 dan ini mengurangkan ikan di lautan. Kuantiti pendaratan ikan telah merosot sebanyak 20% berbanding dengan tahun 2009.
2. Peningkatan Kos Sara Hidup –
Kenaikan kos bahan api, bahan mentah dan bekalan lain di pasaran termasuk peralatan penangkapan ikan seperti pukot menyebabkan juga harga ikan telah naik.
3. Perkembangan Industri Kecil Dan Sederhana –
Pada masa kini Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) telah memainkan peranan penting dalam pengeluaran produk di negara kita. Pengeluaran produk yang dikeluarkan oleh IKS berdasarkan hasil laut seperti ikan telah meningkat di samping dengan bekalan ikan kepada orang awam. Ini telah menyebabkan peningkatan permintaan terhadap bekalan ikan dan mendorong kenaikan harga di pasaran tempatan.

Antara langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi kenaikan harga ikan di pasaran tempatan ialah seperti berikut:-

1. Mengimport bekalan ikan dari luar –
Untuk mengatasi kekurangan dan untuk menampung bekalan ikan di samping untuk menangani kenaikan harga ikan di pasaran tempatan, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan mengimport bekalan ikan dari negara luar. Cara ini dilakukan dalam usaha untuk memastikan bekalan ikan di pasaran tempatan sentiasa mencukupi.

2. Pembinaan Tukun Tiruan -

Bagi program pemulihan dan pengurusan sumber ikan di laut, tukun tiruan menyediakan suatu habitat baru untuk perlindungan pembiakan, pemakanan bagi kebanyakan ikan serta hidupan marin yang lain. Sebagai contohnya baru-baru ini di kawasan saya 25 Julai yang lepas dengan kerjasama daripada MOSTI (Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi) serta kerjasama SIRIM Malaysia Berhad kita telah melabuhkan 8 tukun tiruan mesra alam di perairan Pulau Perhentian dengan harapan mudah-mudahan dalam jangka masa setahun, setahun setengah akan datang tukun tiruan mesra alam ini akan memperbanyakkan lagi ikan dan hidupan marin di sanalah.

3. Mewujudkan Kawasan Larangan -

Di mana kawasan larangan Perikanan seperti Taman Laut adalah kawasan yang tidak membenarkan sebarang aktiviti perikanan. Ini akan dapat meningkatkan sumber perikanan di mana hidupan marin dapat berlingung dan membiak di kawasan tersebut.

4. Menggalakkan rakyat memakan ikan ternakan akuakultur/
ikan air tawar -

Kerajaan boleh mengambil inisiatif menggalakkan rakyat memakan ternakan ikan air tawar. Pada masa kini bekalan ikan air tawar masih lagi mencukupi di pasaran tempatan. Di samping itu, harganya lebih murah berbanding dengan ikan laut.

Jadi itulah yang dapat saya perelaskan di Dewan ini berkaitan dengan soalan daripada Wakil Manir dan sedikit untuk makluman, beberapa ikan-ikan yang kita buat perbandingan; Ikan Bawal Hitam Tempatan di Kuala Terengganu di Pasar Payang harganya RM20 sekilo, di Marang mahal sedikit RM22 sekilo, di Pasar Kuala Berang RM20, di Kemaman murah sikit RM18, di Pasar Jertih RM18. Ikan Kembong RM12 sekilo di Pasar Payang, RM14 di Marang, di Pasar Kuala Berang RM14, Pasar Cukai RM12, di Pasar Jertih RM12 sekilo. Jadi bezanya orang kata tidak ketara sangatlah. Jadi harga ikan ini dipengaruhi juga oleh saiz sebagaimana saya katakan tadi begitu jugak kesegaran ikan. Kalau ikan itu segar walaupun timbangannya sama harga dia lebih tinggi daripada harga yang tidak segar. Begitu juga ia dipengaruhi oleh bekalan, sekiranya bekalan berkurangan dengan sendirinya harga itu boleh meningkat dan juga faktor permintaan. Jadi untuk

makluman Dewan sehingga sekarang kebanyakan ikan adalah tidak dikawal harganya, hanya Ikan Kembong sahaja yang harga dia dikawal oleh Kerajaan sekarang di bawah Sekim Kawalan Harga Musim Perayaan di mana harga Ikan Kembong ini ditetapkan dalam harga RM12 sekilogram yang bersaiz 7 hingga 10 ekor sekilogram dan harga ini dikawal mulai daripada 23 Ogos sehingga 6 September 2011, itu musim perayaan. Dan satu lagi untuk makluman Dewan, Jabatan Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan setiap hari mengutip harga barangan kegunaan isi rumah, 355 jenis harga barangan dikutip setiap hari termasuklah ikan ini oleh Pegawai Penguat Kuasa dan Pegawai Pemantau Harga Negeri Terengganu. Kita ada 77 orang Pegawai Pemantau Harga di seluruh Terengganu yang membuat pemantauan ini, mereka memantau, mengutip dan menganalisa harga barangan di Negeri Terengganu dan menghantar maklumat ini kepada Majlis Harga Barang-Barang. Jadi jelaslah di sini bahawa perbezaan di antara negeri-negeri tidaklah ketara. Tidak seperti yang cuba digambarkan oleh Wakil Batu Burok semalam seolah-olahnya macam Terengganu saja harga ikan mahal ataupun barang-barang mahal. Jadi itulah yang dapat saya jelaskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Ada soalan tambahan? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, harga-harga perbandingan yang diberikan tadi secara komparatifnya saya dapati Terengganu sepertimana yang Kerajaan kata diapun sedar dan alasan, sebab-sebabpun dia beri, memang harga ikan itu lebih mahal daripada negeri-negeri lain, komparatifnya lebih mahal dan ditambah pulak rakyat Terengganu jauh yang miskin itu lebih ramai daripada negeri-negeri lain, dahlah miskin tu ramai, harga ikan pulak lebih mahal daripada negeri-negeri lain. Jadi walaupun dia bagikan kos sara hiduplah, kos peralatanlah, cuaca, suhu, kuantiti penangkapan semua sekali yang telah dikemukakan tadi, saya rasa Kerajaan sedar atau tidak satu lagi yang berlaku kerana Terengganu ni pantainya antara yang terpanjang di seluruh negara, satu-satu negeri yang *facing the sea* dengan izin, dia mengadap ke laut. Tetapi permasalahan berlaku, baru-baru ini timbul, kecoh sampai nelayan tempatan sampai nak mengamuk, nak mogok kerana pencerobohan rakyat asing. Ini suatu perkara yang besar, rakyat asing ni, yang menjadi masalah sekarang ini bot-bot asing disewa, dipajak, dibeli oleh pengusaha-pengusaha laut dalam atas nama

syarikat-syarikat yang diberi lesen didaftarkan oleh Pejabat Perikanan menggunakan bot asing, awak-awak dan pekerja-pekerja asing mencerooboh secara bermaharajalela sekarang ini di perairan pantai kita, merosakkan tukun-tukun tiruan. Mereka beli diesel subsidi dan ikan didapati dengan kos yang murah dan ikan yang ditangkap sesetengahnya dijual di laut, buat mari ke Terengganu tu hak mata *dene* belaka. Jadi dari segi itu dan ini hakikat antara faktor-faktor itu, Kerajaan sedar tak perkara ini secara serius?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, ceramah ke soalan ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya penjelasannya diberi panjang, jadi sayapun nak beri saya punya versi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dari segi tindakan-tindakan selain daripada yang telah diberikan tadi, Kerajaan sedar atau tidak masalah yang sepertimana yang saya sebutkan tadi dan apakah tindakan yang diambil supaya rakyat tidak jadi mangsa dan nelayan tempatanpun tidak jadi mangsa? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam. Jadi saya nak tambah jugak lagi satu ni, Ikan Siakap di Terengganu RM16 sekilo, ini harga kelmarin, di Pahang RM21 sekilo, di Kelantan RM24 sekilo, beza RM8 antara Terengganu dengan Kelantan. Jadi murah di Terengganu kalau Ikan Siakap. Okey, berbalik kepada apa yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam itu tadi, memang perkara ini bukan sahaja Kerajaan yang sedar, rakyatpun sedar sebab kadang-kadang bila ada tangkapan dibuat di laut ada masuk dalam surat khabar dan rakyatpun baca, bot-bot luar mencerooboh kawasan perairan kita, kawasan penangkapan kita, bukan setakat Kerajaan, rakyatpun sedar. Dan perkara ini biasalah nelayan-nelayan daripada Thailand, daripada Vietnam sana mereka mungkin melihat perairan di Terengganu ini masih banyak khazanah yang boleh diambil terutamanya hasil laut. Jadi dia masuk dan mereka ini memang sudahpun dipantau atau dibuat penguatkuasaan oleh jabatan ataupun agensi-agensi yang berkaitan seperti Polis,

Marin dan Maritim. Jadi oleh sebab itulah berlaku penangkapan-penangkapan ini. Jadi dalam kita nak pastikan supaya mereka tidak mencero boh maka pihak Kerajaan sentiasa membuat penguatkuasaan di laut dan kalau kebetulan pihak penguatkuasa berada di laut sudah pastilah mereka ini akan ditangkap. Jadi dari segi itu tidak bolehlah nak salahkan Kerajaan Negeri ini orang panggil di bawah bidang kuasa jabatan-jabatan yang berkaitan untuk nak buat penguasaan. Itu yang dapat saya terangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Saya pada sidang-sidang Dewan yang dulu-dulu, Kerajaan telah menyatakan banyak peruntukan yang diberi untuk menyediakan tukun-tukun tiruan di tengah-tengah laut. Apakah jabatan tidak pernah membuat kajian sejauh mana penghasilan plankton di tukun-tukun tiruan yang menyebabkan ikan semakin banyak ataupun tidak ada plankton ini di tukun-tukun tiruan, satu. Yang kedua, daripada jawapan Kerajaan tadi, semuanya pemantauan, apakah tidak ada penguatkuasaan, tindakan di atas untuk menyelaraskan harga-harga ikan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Y.B. Jabi. Nombor satu, tukun dan nombor dua, harga ikan, ya? Okey, saya percaya MOSTI ada membuat kajian-kajian mengenai keberkesanan tukun, cuma yang terbaru yang saya dapat maklum adalah mengenai tukun mesra alam yang terakhir baru-baru ini kita labuhkan di perairan Pulau Perhentian di antara kerjasama MOSTI dan SIRIM. Tukun ini lain daripada sebelum-sebelum ini, ini yang pertama dibuat di Semenanjung Malaysia selain daripada Sabah dan Sarawak. Tukun ini saya difahamkan dibuat campuran yang lebih komponen utamanya terdiri daripada tanah liat, dia mesra alam, dia tidak memberikan kesan sampingan, *reaction* yang tidak baik di dalam laut yang menghalang kepada pembiakan plankton dan pembiakan ikan. Jadi daripada kajian yang dibuat mereka mengatakan cepat tumbuh plankton, tumbuh rumput-rumpai dan cepat ikan masuk. Mereka menjangka di antara setahun hingga setahun setengah dah ada dah tumbuhan plankton yang perlu untuk orang panggil menjadi makanan kepada anak-anak ikan ini dan menjadi tempat tumpuan ikan-ikan yang nak duduk

berlindung di situ. Jadi kalau saya tak silap seperti yang difahamkan selepas setahun ataupun setahun setengah pihak MOSTI ataupun SIRIM ini akan menyelam balik, dia *scuba dive* pergi ke tempat tukun itu untuk melihat dan membuat kajian keberkesanan tumbuhnya plankton dan hidupan di sekeliling itu. Jadi itu saya rasa dapat menjawablah kepada soalan Jabi itu, maknanya selepas setahun atau setahun setengah. Saya dah janji dengan MOSTI dalam masa setahun setengah kita akan pergi *scuba dive* untuk melihat ikan. Dan saya percaya di tempat-tempat lain di Pulau Bidong pihak UMT jugak ada membuat kajian-kajian di tempat masing-masing tapi saya tidak ada maklumat yang tepatlah.

Dari segi harga ikan seperti yang saya katakan tadi, hanya Ikan Kembong sahaja yang dikawal, itupun semasa musim perayaan. Jadi ikan lain bergantung kepada bekalan, bergantung kepada permintaan, bergantung kepada saiz dan pengguna. Kalau pengguna nak beli harga mahal dia pergi ke tempat harga mahal, dia nak beli ke tempat harga murah dia beli tempat harga murah. Jadi perkara itu sebenarnya terletak kepada harga pasaran semasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingat cukuplah. Saya jemput Wakil Rhu Rendang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh tambah satu soalan tambahan?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sikit aje.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bulan puasa pasal ikan-ikan ni, tanya nantilah selepas Rhu Rendang ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bolehlah, sikit aje. Kan takut tak bersidang dah lepas ni.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya tekan dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemasik macam mana?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya tekan dulu, saya ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak faham. Duduk dulu kejap. Apa maksud Kemasik?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya ada soalan tambahan, saya tekan dulu daripada dia tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Untuk soalan ini, yang sama jugak. Saya ingat sudah panjang dah Yang Berhormat, dua-dua orang Kemasik ni, Ladangpun orang Kemasik jugak, yang ikan tu tanya selepas daripada ini pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan, nak tanya pasal hal lain sikit aje bukan ikan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Selepas Rhu Rendang ni, pusinglah soalan tu walau macam manapun. Sila Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Apakah perkembangan terkini mengenai pembinaan tapak letak kereta di atas tanah yang diambil balik di hadapan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Pemerhati yang dihormati sekalian.

Status terkini bagi tanah yang diambil balik itu ialah di mana kerja-kerja meroboh bangunan rumah kediaman dan kedai telahpun sempurna dijalankan manakala kerja-kerja pembersihan akan dilaksanakan selepas hari raya nanti oleh Pejabat Daerah dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, tanah yang dimaksudkan ini ialah tanah yang masih ada bangunan di atasnya sekarang, deretan bangunan yang betul-betul di depan Lapangan Terbang yang sudah diambil balik tetapi rumah itu belum diroboh, saya rasa lebih daripada 10 unit bukan maksudnya di sebelah kanan tetapi di sebelah kiri ke lapangan terbang, bagaimanakah statusnya sekarang?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalnya ialah apakah perkembangan terkini mengenai pembinaan tapak letak kereta di atas tanah yang diambil balik di hadapan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu? Ini bermakna keseluruhan kawasan yang telah diambil balik itu bukan melibatkan bangunan itu sahaja tetapi melibatkan 39 lot. Kawasan keseluruhan pengambilan balik 1.6779 hektar, tarikh pengeluaran Borang K pada 20 September 2010, kos pengambilan balik RM10,708,941.01. Manakala bangunan yang didirikan itu iaitu sebanyak 14 buah belum lagi diambil tindakan iaitu melibatkan Lot 28642 hingga 28655 kerana ia melibatkan perancangan pembangunan keseluruhannya pada masa depan yang sedang diuruskan oleh pihak Yayasan Pembangunan Usahawan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang! Saya nak bagi kepada Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Rhu Rendang suruh saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rhu Rendang buka ke?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Berpakat. Tujuan pengambilan balik itu ialah untuk tapak letak kereta, apakah bangunan yang 14 buah itu akan diroboh dan dibuat tempat letak kereta

ataupun untuk tujuan yang lain sedangkan yang asalnya ialah untuk tapak letak kereta?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Perkara itu dalam perancangan Kerajaan berasaskan peruntukan undang-undang pengambilan balik yang perlu kita patuhi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau memang tujuan diambil balik itu untuk tujuan yang berkenaan maka projek yang dibuat mestilah berdasarkan kepada tujuan pengambilan balik itu dan bukannya untuk tujuan lain, itu peraturan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, sebagai Kerajaan kita faham peraturannya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sudah 3 soalan tambahan dah Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Apakah maksudnya tapak bangunan itu akan diroboh dan dibuat tapak untuk letak kereta bukan untuk bangunan lain.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tunggulah keputusan daripada Kerajaan apa yang nak dibuat selepas daripada ini dari segi perubahan, dari segi apa-apapun, lagipun benda ini tidak siap lagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau tanya panjang sikit tak apa, jangan hak tu-le jadi dah empat kali soalan tambahan. Terima kasih. Saya jemput seterusnya Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Apakah sebab-sebab Kerajaan Negeri membuat keputusan membekukan kelulusan permohonan menukar syarat nyata dan permohonan memajukan tanah di kawasan Baroh Tok Jiring?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan membuat keputusan membekukan kelulusan permohonan tukar syarat nyata dan permohonan memajukan tanah di kawasan Baroh Tok Jiring, malahan Kerajaan juga membekukan permohonan tanah ketika ini di kawasan berkenaan kerana sebagaimana kita sedia maklum bahawa Baroh Tok Jiring adalah merupakan kawasan tadahan yang melibatkan banjir saban tahun dan kita perlu memberi keutamaan untuk kajian mengenai masalah banjir di kawasan berkenaan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri (JPS). Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, terima kasih atas jawapan. Dan soalan tambahan saya, bilakah agaknya kajian yang dibuat ini akan dapat diselesaikan dan bagi maksud memudahkan pihak-pihak yang empunya milik tanah bagi maksud untuk diusahakan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telahpun melantik Juru Perunding untuk dibuat kajian Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Baroh Tok Jiring, Batu Rakit dijangka siap pada Disember 2011. Kawasan kajian ini meliputi Skim Saliran Terkawal Baroh Tok Jiring dan Skim Pengairan Batu Rakit iaitu melibatkan Sungai Tepoh, Sungai Tok Jiring dan Sungai Nerus. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, sedar atau tidak Kerajaan bila kawasan ini dibekukan, pertama ia menimbulkan rungutan yang cukup banyak daripada rakyat, kesusahan kepada mereka dan pada masa yang sama terdapat permohonan-permohonan tanah yang tidak diluluskan walaupun kawasan itu kawasan yang berada di tempat yang tinggi dengan alasan seolah-olah berada di kawasan Baroh

Tok Jiring sedangkan kawasan yang dimohon adalah berada di kawasan tempat tinggi yang tidak terlibat dengan masalah banjir. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan sedarlah maka dibuat kajian sebab mungkin hari ini susah tapi kemudian lebih susah, lebih baik susah dahulu dan senang kemudian. Biasalah orang nak buat ni, masa nak tu dia nak belaka walaupun susah dia nak tapi bila susah datang kemudian baru dia tahu bila rumahnya tenggelam satu bulan, Kerajaan dia marah, kenapa dilulus dan sebagainya. Begitu juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi berada di kawasan tinggi tapi kawasannya masih di kawasan yang terlibat dengan banjir. Walaupun rumah boleh dibuat di kawasan yang tinggi tapi pada keseluruhan kawasan ditenggelami air, tidak boleh balik rumah jugak diapun, terkepung dan inilah yang menjadi masalah. Sebab itu kita perlukan kajian keseluruhan di kawasan berkenaan. Pengalaman kita di Baroh Tok Jiring Dato' Yang Dipertua, pemaju yang buat rumah, rakyat beli rumah, mereka gembira dapat rumah tapi akhirnya bila rumah tenggelam satu bulan, mereka marah kepada Kerajaan. Akhirnya Kerajaan terpaksa memikul tanggungjawab, tidak ada beban batu digalas. Bayangkan untuk Perumahan Tok Jiring sahaja, Kerajaan terpaksa berbelanja RM5.6 juta saja-saja duit Kerajaan habis kerana nak tolong rakyat menyediakan ban, pam air dan sebagainya. Jadi kalau keseluruhan kawasan Tok Jiring ini dibina rumah yang diluluskan maka kawasan tadahan semakin besar terlibat justeru itu mungkin puluhan juta diperlukan untuk buat ban dan sebagainya. Sebab itulah Kerajaan buat sekali untuk selesaikan masalah ini kerana kita tahu mengikut kajian yang dibuat pada tahun awal tahun 60an Baroh Tok Jiring ini adalah kawasan tadahan air tapi oleh kerana keperluan pembinaan rumah mereka buat juga. Di samping itu, kita tahu kawasan Baroh Tok Jiring, Kuala Nerus ialah kawasan lebih rendah daripada Sungai Kuala Nerus, inilah masalah utama yang kita hadapi, silap-silap haribulan air dari Sungai Nerus masuk pulak ke kawasan rumah-rumah orang, ini adalah merupakan masalah yang kritikal. Sebab itulah saya minta pihak JPS membuat kajian kemungkinan mewujudkan sungai baru di kawasan berkenaan yang agak lebar dengan harapan dapat menampung air sungai dalam tadahan yang berkenaan. Di negeri kita kawasan tadahan semakin berkurangan bila semua ditambun untuk perumahan, projek-projek dan sebagainya, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Tepoh. Saya jemput Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Sila senaraikan nama-nama kontraktor-kontraktor baru yang ditawarkan, pakej-pakej yang terlibat dan harga kontrak baru yang diberikan setelah kontraktor-kontraktor lama ditamatkan dan tarik diri dalam Projek Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) dari Jabor Kemaman ke Gemuroh, Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati. Terima kasih. Soalan nombor satu Wakil Wakaf Mempelam minta disenaraikan nama-nama kontraktor-kontraktor baru yang ditawarkan, pakej-pakej yang terlibat dan harga kontrak baru yang diberikan setelah kontraktor-kontraktor lama ditamatkan atau tarik diri dalam Projek Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) dari Jabor Kemaman ke Gemuroh, Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan ini juga lebih kurang sama dengan soalan nombor dua Wakil Bukit Payong, jadi saya minta izin untuk menjawab bersekalilah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Bukit Payong, sila ambil perhatian.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Jawapan kepada soalan itu, bagi Pakej 1A, pakej ini adalah daripada CH 0.00 di Ladang Jabor ke CH 3,750.00 di Felda Neram 1, kerja-kerja yang terlibat ialah menyiapkan baki kerja yang belum siap di Daerah Kemaman, Terengganu dan nama kontraktor ialah Q-Bena Resources Sdn. Bhd. dengan harga kontrak RM31,048,003.00. Bagi Pakej 1B, dari CH 3,750.00 di Felda Neram 1 ke CH 6,700.00 di Sungai Jabor, kerja-kerja menyiapkan baki kerja yang belum siap

di Daerah Kemaman, Terengganu dan nama kontraktor yang terlibat ialah Marimas Sdn. Bhd. dengan harga kontrak RM28,431,009.30. Seterusnya bagi Pakej 2, pakej ini dari CH 15100.00 ke CH 26100.00 bagi menyiapkan baki kerja yang belum siap di Daerah Kemaman, Terengganu, nama kontraktor ialah Ahmad Zaki Sdn. Bhd. dengan harga kontrak ialah RM145,385,689.00. Pakej 3, dari CH 26100.00 ke CH 40,038

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, mintak penjelasan, kita nak guna hak mana sebenarnya Ceneh ke, Cheneh? Rasa macam bunyi pelik aje sikit.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Chainage bukannya Ceneh. Chainage itu maksudnya bermula bermula ukuran, 'chainage' bukan Ceneh, minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN NUH (Wakil Tepoh): Okey, terima kasihlah, khaborlah gitu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Okeylah, teknikal sikit Yang Berhormat, minta maaf. Sambung semula, sekarang ini Pakej 3 dari CH 26100 ke CH 40,038 tadi bagi menyiapkan baki kerja yang belum siap di Daerah Kemaman, Terengganu dengan harga kontrak RM224,989,868.50, nama kontraktor ialah Cergas Murni Sdn. Bhd. Pakej 8 dari CH 85,000.00 di Felda Kerteh 6 Peringkat 1 ke CH 91,800.00 di Felda Kerteh 2 juga bagi kerja-kerja menyiapkan kerja-kerja yang belum siap di Daerah Dungun, Terengganu, harga kontrak ialah RM76,900,513.00, nama kontraktornya Arah Jitu Sdn. Bhd. Dan akhirnya Pakej 9B, dari CH 102,,500.00 ke CH 107,700.00 di Hutan Simpan Bukit Bauk bagi menyiapkan kerja-kerja yang belum siap di Daerah Dungun, Terengganu, harga kontraknya ialah RM86,832,611.73, nama kontraktor ialah Cergas Murni Sdn. Bhd.

Untuk sekadar makluman, terdapat enam pakej yang ditamatkan kontrak iaitu Pakej 1A, 1B,2, 3, 8 dan 9B. Jadi keenam-enam pakej tersebut telah ditender semula dan telah memulakan pembinaan. Empat pakej iaitu Pakej 1A, 1B,2 dan 9B telah memulakan pembinaan pada bulan April,satu pakej iaitu Pakej 3 telah memulakan pembinaan pada bulan Mei 2011, manakala satu pakej iaitu Pakej 8 telah memulakan pembinaan pada bulan Julai 2011. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia tak berapakah nak jawab tepat soalan saya kerana saya tanya kontraktor-kontraktor baru yang ditamatkan ataupun tarik diri dan nama-nama kontraktor-kontraktor lama dan kontraktor-kontraktor baru. Saya dapati ada beberapa penamatan kontrak yang berlaku tetapi ada dua kontraktor yang bila saya *check* dia peringkat awalnya diberi dua pakej sebagai contoh Pakej 1C dan Pakej 11, GPQ Bukit Puteri JV dan jugak kontraktor Arah Jitu Sdn. Bhd. dapat dua pakej jugak Pakej 8 dan 9B, dia tamat atau tarik diri tetapi dia ditawarkan semula daripada dua tinggal jugak satu dan ini kita nak tahu apa rasionalnya. Hak lain-lain itu mungkin adalah perubahan kerana dah tak mampu nak buat diganti dengan kontraktor yang baru, dikeluarkan tender baru. Jadi apa rasionalnya saya nak tanya GPQ Bukit Puteri JV dan Arah Jitu Sdn. Bhd. tadi ditawarkan semula daripada dua yang dua-dua telah tarik diri tetapi ditawarkan semula satu kontrak, jadi apakah rasionalnya. Yang keduanya, kos tambahan yang melibatkan perbelanjaan tambahan untuk menyiapkan pembinaan termasuk kos pembinaan rumah-rumah tol, itu yang pertama, ada dua lagi soalan insyaAllah selepas pada ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah sebut dua soalan dah tadi, satu dan dua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak tanya rasional dan berapakah kos tambahan, itu satu, lepas itu ada lagi soalan-soalan tambahan dua lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Termasuk itu tadi tak dua soalan? Sila, sila Yang Berhormat Rantau Abang.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan tadi tu saya tak tahulah Wakil Wakaf Mempelam kata tak jawab soalan dia. Soalan dia tadi tu saya soalannya tu, dia mintak senaraikan nama-nama kontraktor baru jadi yang dilantik baru ini ialah kontraktor barulah. Kontraktor yang baru dilantik, itu fahaman saya. Jadi enam orang kontraktor itu adalah kontraktor yang baru dilantiklah untuk menyiapkan kerja-kerja tu. Dan dari segi keputusan rasional dan sebagainya, dia ada Jawatankuasa Tender yang dibuat keputusan di peringkat JKR Pusat, jadi kita

tidak ada maklumanlah apa benda rasional, keputusan yang dibuat itu. Kita menerima keputusan ini setelah maknanya tadi kontraktor yang terlibat telah ditamatkan ataupun telah menarik diri secara mutual, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan tentang kos dan perbezaan dan sebagainya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang itu kalau nak dijawab dengan tepat saya memerlukan notis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya terima satu soalan lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan pertama saya tadi tidak dijawab, saya tanya rasionalnya pasal kes dah tarik diri lepas itu ditawarkan semula, jadi berapa kos pertambahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi dia dah jawab Yang Berhormat. Rantau Abang dah jawab tadi. Sila soalan yang seterusnya, satu soalan lagi saya benar, sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Speaker tolong jawab bagi pihak dia kah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, kita dah dengar semua soalan telah dijawab tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak perlu notis, dia nak elak daripada tu tadi. Saya tanya kos pasal saya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, sila duduk sekejap, saya minta duduk sekejap. Saya jelaskan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, daripada semalam kita tanya soalan kita membuat kebajikan biarlah ikhlas dan telus, jangan kita nak tanya soalan ini kita ada maksud lain. Sila Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Tak nak lagi dah?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pembinaan lebuh raya ini 50% melibatkan Dana Khas (duit negeri), sekarang ini bila dah ditamatkan kontrak maka tarikh siapnya dilanjutkan dan kosnya bertambah. Jadi saya nak tanya setelah 50% pembinaan, kosnya bertambah, tarikh dilanjutkan, apakah bentuk

pulangan daripada pelaburan yang kita anggap sebagai duit kita (Dana Negeri) ini yang akan diperolehi bila siapnya lebuh raya ini pada Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dari segi awalnya kerja-kerja ini memangpun sepertimana yang kita sedia maklum ada pembahagiannya dari segi penglibatan agensi, peringkat awal dari segi semangatnya Dato' Yang Dipertua. Kerja-kerja yang telah dibuat di bawah penyeliaan Lembaga Lebuh Raya Malaysia ialah hanya 30% iaitu 64 kilometer. Dan yang diselia oleh JKR sebanyak 70% iaitu 120 kilometer dan hasrat awalnya ialah dari segi memberi peluang dari segi penglibatan kontraktor-kontraktor tempatan Bumiputera Terengganu sehingga pakej ini dibuat sedemikian rupa. Memang hasrat awalpun untuk memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera Terengganu kerana 70% itu merupakan 120 kilometer berbanding dengan yang ditender sebanyak 16 pakej. Memang dari peringkat awal hasratnya ialah supaya ada penglibatan selain daripada akhirnya siap Lebuh Raya Pantai Timur 2 ini untuk kemudahsampaian ke Terengganu dan banyak lagilah dari segi impak sosial dan ekonomi dengan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur ini tapi dari segi sebagaimana yang saya sebutkan tadi dari segi pendekatan yang telah diambil supaya daripada awal lagi penglibatan kontraktor Bumiputera Negeri Terengganu sebenarnya diberi peluang. Akhirnya bukan kesemua pakej yang ditender ini tidak berjaya, ada yang dapat disiapkan tapi ada juga yang gagal. Jadi kita kena menerima hakikat sekarang ini ialah ada kegagalan dan ada sebab-sebab dia, mungkin dari segi pengurusan syarikat dan sebagainya tapi akhirnya setelah semua usaha telah dibuat untuk menyelamatkan kerja-kerja ini dan sebagainya tapi kita sampai kepada satu keadaan di sana berlaku kegagalan termasuklah yang kata dengan izin, telah membuat keputusan untuk *mutual termination*. Dan memangpun menjadi hasrat kita lebuh raya ini akan dapat disiapkan dan kita yakin berapa banyak kemudahan dan impak ekonomi selain daripada kemudahsampaian dari segi pembangunan lebuh raya ini.

Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekadar untuk makluman kita juga telah bersetuju untuk memberi keselesaan, mulai 22hb ini sebahagian daripada jalan ini termasuk daripada Persimpangan Bukit Besi sehingga ke Persimpangan Ajil sepanjang 42.4 kilometer dan Persimpangan Telemong ke Persimpangan Kuala Terengganu termasuk Pakej 11 dan 12, yang ini dibawah JKR-LPT sepanjang 10.6

kilometer serta Bukit Payong *Spur Route* sepanjang 16.3 kilometer ini telahpun dibuka semalam 22hb. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Bukit Payong, soalan yang sama tadi Yang Berhormat. Sila Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Saya mahu mengulangi semula Soalan Lisan saya yang tidak dijawab: Nyatakan berapakah Pusat Pemungutan Tol dalam jajaran LPT2 tersebut? Dan ini adalah soalan tambahan saya; sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Exco tentang kawasan yang telah dibuka sempena dengan hari raya ini, adakah dengan bukannya jajaran itu ataupun lebuhraya tersebut, ia memberi kesan jaminan insuran ataupun ia belum digazetkan?

YANG BERTHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalannya ialah tambahan daripada soalan tadi ialah tentang nyatakan berapakah Pusat Pemungutan Tol dalam jajaran LPT2.

Bilangan Pusat Pemungutan Tol dalam jajaran LPT2 adalah sebanyak 10 buah, memandangkan terdapat 10 persimpangan bertingkat dari Jabor ke Gemuroh. Dan tentang pembukaan sebahagian daripada jajaran itu bermula semalam iaitu daripada Persimpangan Bukit Besi ke Persimpangan Ajil iaitu sepanjang 42.4 kilometer dan Persimpangan Telemong ke Persimpangan Kuala Terengganu termasuk Pakej 11 dan 12 sepanjang 10.6 kilometer serta Bukit Payong *Spur Route* yang ini sebahagian telah dibuka untuk penyelesaian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Lebih khusus Yang Berhormat, Telemong-Gemuroh, Kuala Terengganu. Terima kasihlah. Ada lagi soalan daripada Bukit Payong?

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Saya tanya tadi adakah bila dibuka itu maknanya digazet secara lulus dengan jaminan insuran jika berlaku kemalangan dalam kawasan jajaran itu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, itu penting Yang Berhormat, orang-orang kita ini nak tanya insurans boleh ke tidak?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebahagian daripada jajaran itu telah dibuka bukan keseluruhan dan yang dibuka itu maknanya bersekalilah dengan apa juga insurans dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, cuma Yang Berhormat Rantau Abang, kita ada Wakil FELDA dalam ini saya jugak pengguna lebuh raya ini difahamkan ada FELDA yang bolos lembunya ke lebuh raya, pagar-pagarnya digunting menyebabkan lembu masuk dan tidak selamat kepada pengguna lebuh raya, FELDA Jerangan Barat, FELDA Jerangau dan sebagainya. Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengemukakan soalan tentang tol tadi yang dijangkakan ada 10 pusat-pusat tol sepanjang LPT Fasa 2 ini. Kebimbangan saya bila berlakunya kelewatan projek ini yang mana dijangkakan pulak akan siap pada akhir tahun depan ialah kenaikan/pertambahan kos. Tol ini kos asalnya adalah RM3.7 bilion, dengan berlakunya kontraktor yang lari, kelewatan dan sebagainya telah dijangkakan penambahan kosnya melebihi RM500 juta penambahan kos iaitu hampir 20% daripada kos asal. Jadi apa jaminan tol yang akan dilaksanakan ini tidak akan membebankan rakyat ataupun kita perlu hapuskan tol ini terus untuk keselesaan rakyat Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perbezaan LPT1 dan LPT2, LPT1 makna dia bina keseluruhannya biayaan swasta, LPT2 dengan izin, *Conventional Tender* biayai oleh Kerajaan dan tentunya dari segi akhirnya ada kos yang terlibat dan keputusan tentang tol dan sebagainya dalam keadaan kos dan pembinaan itu dikawal melalui tender secara konvensional tentunya Kerajaan akan buat keputusan yang mementingkan keselesaan dan keupayaan rakyat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Rantau Abang. Seterusnya saya jemput Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 -

Didapati ada pembinaan tambahan rumah di atas tanah yang telah direzab sebagai 'Tapak Surau Gelong Bilal'. Apakah tindakan yang diambil oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu/Pejabat Tanah Kuala Terengganu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setelah siasatan dibuat tidak terdapat binaan yang telah dibuat di atas tanah rezab Tapak Surau Gelong Bilal, Mukim Bukit Besar sebagaimana yang dimaksudkan oleh Wakil Ladang. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Saya juga membuat *checking* dan ada tanah yang telah digazet, dalam gazet itu ada, memang terkena di atas akses jalan dan tapak Surau Gelong Bilal yang telah diwartakan dan saya boleh kemukakan tarikh warta itu. Dan bangunan itu setelah dibina memang terkena di atas tanah itu. Saya tidak tahu mengapa dikatakan tidak ada.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Mengikut laporan yang telah diberikan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, pengesahan telah didapati bahawa tambahan rumah ini terletak di atas rezab Kerajaan bersebelahan Surau Gelong Bilal dan bukan di atas rezab surau iaitu bersebelahan surau yang berkeluasan 56.29 meter persegi bagi Lot 5540 Kampung Pasir Panjang, Bukit Besar. Notis telah dikeluarkan oleh Bandaraya pada 27 Jun 2011 sebagaimana rujukan 05/6/11N178. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan. Saya mintak supaya Pejabat Tanah buat pengesahan sebab sememangnya duduk atas tanah rezab tapak Surau Gelong Bilal, memang terkena dan kalau kata tak kena, saya kata tak betul jawapan itu. Saya minta supaya disahkan oleh Pejabat Tanah bukan oleh Bandaraya. Saya juga telah bertanya kepada Bandaraya katanya diserahkan kepada Pejabat Tanah untuk buat siasatan. Jadi saya mintak supaya jawapan di Dewan yang mulia ini menepati apa yang sebenarnya berlaku.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ini laporan yang saya baru terima saya mintaklah supaya Pejabat Tanah dan Majlis Bandaraya mengesahkan balik dan kalau perkara ini tidak benar tindakan akan diambil ke atas pegawai yang melaporkan perkara ini kerana ini merupakan satu penipuan berlaku kalau perkara ini benar, kenapa Bandaraya menjawab bahawa tidak terkena, tindakan akan diambil kepada pegawai yang terlibat. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, terima kasihlah, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab perkara ini sebenarnya memang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat beri ucapan ke soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak jelas aje sebab tak berapa nak jelas

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tak ada tambahan, okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan jugak tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, cukup, cukup.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Oh *Bekeng teh.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya jemput Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah bilangan Persatuan Belia yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Terengganu setakat ini?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bilangan persatuan belia yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Terengganu setakat ini ialah sebanyak 435 buah persatuan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Belia dan Sukan ini, alhamdulillah kita tengok akhir-akhir ini kejayaan Negeri Terengganu dalam bidang sukan yang hari ini berkait dengan bola sepaknya, sukan SUKMANYA, basikalnya boleh kita banggakan tetapi saya melihat berkait dengan persatuan belia, kita masih lagi lemah dan saya dilaporkan bahawa ada kerumitan yang berlaku di dalam proses untuk menubuhkan belia-belia di bawah pendaftaran ROY dan selain daripada rumit ianya mengambil masa yang agak lama. Jadi soalannya saya tahu bahawa pihak Kerajaan mengetahui masalah yang berlaku ini, jadi apakah caranya ataupun langkah yang perlu kita ambil bagi mengatasi masalah ini?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Kota Putera. Sebenarnya memang Kerajaan menyedari hakikat bahawa keadaan kelemahan dan juga ketidakupayaan persatuan-persatuan belia sejak akhir-akhir ini. Sebenarnya keadaan ini berlaku kerana perubahan daripada Akta Belia yang telah dilaksanakan di seluruh negara iaitu pada tahun 2010, yang mana sebelum daripada ini persatuan-persatuan belia ini diurus tadbir dan juga telah dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang berusia kebanyakannya 40 tahun ke atas. Tapi bila Akta Belia dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 2010 maka semua pengurusan dan juga pentadbiran persatuan dan juga pemimpin-pemimpin belia ini haruslah diserahkan kepada mereka-mereka yang berusia di bawah umur 40 tahun. Maka dalam proses perubahan buat sementara waktu ini berlakulah kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengadakan beberapa langkah untuk mempertingkatkan lagi dan juga untuk memberi nafas baru kepada persatuan-persatuan belia di peringkat-peringkat cawangan ini yang mana bagi kita pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah mensasarkan bahawa Satu JKKK Satu Belia, harapan kita semua JKKK dan semua kampung akan ada persatuan belia di peringkat akar umbi nanti.

Sehingga kini sebagaimana yang saya maklum tadi bahawa kita mempunyai 435 buah persatuan yang telah diluluskan oleh ROY iaitu *Register of Youth* di seluruh Negeri Terengganu ini. Dan dalam pada masa itu kita masih lagi mendapat lebih kurang 250 persatuan belia yang masih menunggu kelulusan daripada ROY sebagaimana yang diberitahu oleh Kota Putera tadi.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kota Putera dan juga seluruh hadirin bahawa masalah yang timbul di peringkat ROY ini kelewatan yang berlaku sebenarnya bukan kelewatan berlaku di peringkat ROY, ini berlaku kerana masalah-masalah yang terdapat dalam peraturan-peraturan yang ada pada setiap persatuan yang ada iaitu Persatuan Belia 4B ada peraturan yang lain, Persatuan MAYC ada peraturan yang lain dan melalui proses-proses yang telah ditetapkan oleh persatuan dan juga NGO tersebut. Walau bagaimanapun, kita telah meminta pihak ROY atau pertubuhan ini supaya mengambil langkah-langkah yang seberapa cepat dan dengan langkah yang terakhir ini jabatan yang berkenaan telah menghantar seorang kerani yang tetap berada di Jabatan Belia & Sukan Negeri Terengganu. Kita bagi pihak Kerajaan, kita juga telah menyediakan peruntukan yang khusus kepada persatuan-persatuan belia yang berdaftar di seluruh Negeri Terengganu yang mana baru-baru ini kita telah memberi peruntukan untuk bantuan pentadbiran kepada semua persatuan-persatuan belia yang berdaftar di Negeri Terengganu ini sebanyak RM2,000 setiap persatuan di peringkat cawangan, RM3,000 kepada persatuan belia di peringkat gabungan, RM8,000 kepada persatuan belia di peringkat daerah dan RM30,000 kepada persatuan belia di peringkat Negeri. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, segala peruntukan tersebut telah mencecah sebanyak RM1.02 juta yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sahaja. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Kota Putera): Soalan tambahan satu lagi. Kita harapkan supaya program yang dibuat untuk Satu JKKK Satu Belia itu akan menjadi realitilah. Ini untuk atau bagi persatuan belia yang baru di samping itu kita jugak mengharapkan supaya belia yang sedia ada itu jugak kita nak supaya dipelbagaikan program agar hak ada dah agar dapat terus hidup mekar selain daripada program untuk kita nak mewujudkan persatuan-persatuan yang baru. Soalan tambahannya, saya dapati ada sesetengah daripada kemudahan-kemudahan untuk belia yang berbentuk infra contohnya di Besut itu sendiri iaitu mini stadium dan juga kita panggil KSK iaitu Kompleks Sukan Komuniti

yang sebenarnya saya difahamkan dibuat di bawah Kementerian tetapi hari ini tidak ada sumber kewangan penyelenggaraan yang mana hari ini kita tengok seolah-olahnya infra tersebut dah nampak terbiar dan tidak boleh digunakan. Jadi soalnya saya pohon supaya masalah ini tidak berlarutan dan Kerajaan Negeri mengambil langkah ataupun berkerjasama dengan Kerajaan Pusat atau apa cara sekalipun supaya ini saya ambil contohnya di Besut mungkin di daerah lainpun mempunyai masalah yang sama bagi Kompleks Sukan Komuniti (KSK) yang baru siap tetapi hari ini sudah tidak ada kerja-kerja penyelenggaraan, yang ada hanyalah Jaga. Terima kasih, Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih kepada Yang Bertthormat ADUN Kota Putera. Insyallah, kita akan mengambil perhatian apa yang telah diberitahu oleh Yang Bertthormat kerana pada saya Pusat Komuniti Belia ini sangat penting walau bagaimanapun, ianya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Belia & Sukan Negara, oleh sebab itu segala aktiviti dan juga segala pengisian insyallah kita akan selaraskan dengan peringkat Negeri dan juga segala kekurangan itu akan kita atasi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi ada, pendekkan. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan mengenai status terkini kelab-kelab permotoran yang telah dilancarkan pada tahun lepas. Sejauh mana perkembangan terkini kelab tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Bertthormat, memanglah bagi pihak kita Kerajaan, kita membuat pendaftaran Kelab Permotoran Negeri Terengganu di peringkat negeri dan juga Kelab Permotoran ini akan dikembangkan di peringkat daerah-daerah masing-masing dan kita meminta setiap daerah untuk menubuhkan Kelab Permotoran di peringkat daerah masing-masing. Tujuan utama kita ialah untuk membuat pendaftaran Kelab Permotoran ini salah satunya adalah untuk mengatasi masalah rempit dan juga masalah permotoran anak-anak muda di Negeri Terengganu. Kerana kita yakin dan percaya apabila mereka berada di bawah satu kelab dan juga pertubuhan, insyallah perjalanan aktiviti mereka akan diuruskan dengan cara teratur. Saya meminta kepada Yang Bertthormat di peringkat daerah dan juga di peringkat ADUN masing-masing, kita syor dan juga kita meminta kerjasama daripada ADUN masing-masing untuk menubuhkan Kelab Permotoran DUN masing-masing. Dan berkaitan dengan

aktiviti-aktiviti kita akan rancang selepas daripada ini apabila kelab-kelab dan juga pertubuhan-pertubuhan tersebut didaftarkan dengan cara yang sah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya jemput Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 -

Apakah punca sebenar (source of infection) penyakit cirit birit yang dialami oleh isteri-isteri Wakil Rakyat semasa melawat Negeri Terengganu baru-baru ini?

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal yang bertanyakan soalan yang berbunyi: Apakah punca sebenar (*source of infection*) penyakit cirit birit yang dialami oleh isteri-isteri Wakil Rakyat semasa melawat Negeri Terengganu baru-baru ini?

Jawapannya ialah punca sebenar (*source of infection*) penyakit cirit birit yang dialami oleh isteri-isteri Wakil Rakyat semasa melawat Negeri Terengganu baru-baru ini, melalui hasil siasatan kita mendapati beberapa kelemahan. Pertamanya, dari segi cara penyediaan makanan. Kita mendapati penyimpanan stok bahan-bahan mentah di dalam peti sejuk sangat padat dan pada suhu yang tinggi iaitu melebihi 4°C yang dibenarkan. Keduanya, makanan yang dimasak disimpan lama iaitu melebihi 4 jam sebelum dihidang dan dimakan. Ini boleh menyebabkan pembiakan bakteria dan pencemaran silang atau *cross contamination* dengan izin, berlaku serta merosakkan makanan tersebut. Kelemahan yang ketiga ialah kebersihan pengendali makanan dan premis menyediakan makanan di mana pengendali makanan tidak menjaga kebersihan diri seperti menutup kepala dan memakai kasut. Juga tidak ada kemudahan membasuh tangan yang sesuai untuk pengendali makanan di premis penyediaan makanan. Dan peralatan-peralatan serta perkakas memasak yang digunakan tidak bersih dan diletakkan di atas lantai yang kotor dengan tumpahan sisa serta air bertakung. Hasil pensampelan

beberapa jenis makanan terdapat toksin dan bakteria *Bacillus Cereus* (sejenis bakteria patogenik) yang bertepatan dengan gejala-gejala yang dialami oleh pesakit-pesakit. Sekian, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan. Terima kasih kepada Exco yang menjawab. Cuma saya ingin tahu di mana sebenarnya tempat yang mendapat makanan yang dimakan yang menyebabkan keracunan sama ada di tempat penginapan di hotel ataupun di luar kerana masalah *Bacillus Cereus* ini jarang berlaku. Ini menunjukkan bahawa memang sebagaimana yang dikatakan tahap penyimpanan, memasak dan sebagainya. Saya nak tahu tempatnya di mana, di hotel ke ataupun makan di luar?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Wakil Bukit Tunggal. Jadi daripada insiden keracunan makanan tersebut, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu telah mengambil sampel sebanyak 43 sampel makanan, daripada 43 sampel makanan ini, dua sampel positif iaitu agar-agar telur campur jagung, agar-agar telur campur jagung ini didapati mengandungi toksin *Bacillus Cereus* itu tadi. Satu lagi sampel ialah sampel sambal belacan yang mengandungi *Bacillus Cereus* tapi tak ada toksin. Jadi hasil daripada dua sampel makanan itu hasil siasatan kita mendapati *sourcanya* adalah makan tengah hari di Stadium Negeri pada 8.8.2011.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya. Jadi bukan di hotellah, kita bimbang jugak hotel 5 bintangpun ada itu jugak. Cuma yang saya nak kaitkan daripada kenyataan ini dalam bulan Ramadhanlah khususnya daripada Pengarah Kesihatan DBKL, dia buat kajian 19% didapati makanan yang dijual ini tercemar dengan bakteria E-Coli, ini satu petanda menunjukkan bahawa tahap penjagaan kebersihan terutama penyedia-penyedia makanan amat teruk sekalilah. Dalam Terengganu ini ada suatu masa dulu pernah kita dikejutkan dengan penyakit Wabak Cholera (Taun).

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, tak payah panjang-panjang sangat ke lain sebab kita dah lewat ni, saya nak bagi satu peluang kepada Kemasik. Teruslah kepada soalan tambahan yang berkenaan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ini yang saya nak cerita dulu, yang pertama dulu kita dah kena wabak Taun hingga ada kematian sekarang keracunan makanan yang melibatkan VVIP pulak hak orang-orang yang VIP kalau orang-orang lain (orang biasa) macam manalah lagi. Jadi yang saya nak timbulkan ini berkaitan nanti menimbulkan masalah keyakinan pelancong-pelancong yang nak datang ke negeri kita, dahlah dengan barang-barang yang mahal, makanan tidak sihat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Untuk Bazar Ramadan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya, Bazar Ramadan dan keseluruhannya maknanya akan menyebabkan keyakinan kepada pelancong-pelancong mungkin yang datang hendak makan di Terengganu ini akan takutlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau nak jawab Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI A. RAHMAN BIN MOKHTAR (Wakil Kuala Besut): Okey, terima kasih Wakil Bukit Tunggal. Sebenarnya dari tahun ke tahun berlaku pemarkahan yang lebih baik di Bazar-bazar Ramadan. Daripada pemeriksaan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu kita mendapati pada tahun ini lebih daripada 80% gerai-gerai yang berniaga Bazar Ramadan di seluruh Negeri Terengganu mendapat 80% markah, maknanya 80% ke atas dan kita juga telah memantau dari masa ke semasa dan tak silap saya, saya dah bagi kenyataan akhbar baru-baru ini beberapa kedai Bazar Ramadan kita arahkan tutup kerana persampelan beberapa makanan daripada gerai mereka didapati menyalahi peraturan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, terima kasih Kuala Besut. Saya jemput akhirnya Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Mulia Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang kedua -

Sekarang ini diperhatikan keadaan lalu lintas di Jalan Kemaman - Kuala Terengganu khususnya di laluan

Paka – Kemaman yang semakin sesak dengan kenderaan berat semenjak perkhidmatan kereta api Kuantan – Kertih diberhentikan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan permasalahan tersebut?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor dua daripada Wakil Kemasik ialah tentang keadaan lalulintas di Jalan Kemaman – Kuala Terengganu khususnya di laluan Paka – Kemaman yang dilihat semakin sesak dengan kenderaan berat semenjak perkhidmatan kereta api Kuantan – Kertih diberhentikan. Soalannya, apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan permasalahan tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagi mengatasi permasalahan tersebut Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya telah memohon beberapa projek pembesaran dan menaik taraf jalan melibatkan laluan dari Marang hingga ke Kemaman dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) kerana keseluruhan jalan tersebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah Jalan Persekutuan.

Projek-projek yang dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah:-

- i) Naik taraf Jalan Kuala Terengganu – Kuantan Laluan FT 03.
- ii) Naik taraf KM 89 – KM 97 (Jambatan Sungai Paka ke Bukit Bauk) sepanjang 8 km.
- iii) Menaik taraf jalan dari Rantau Petronas ke Kemasik sepanjang 4 km.
- iv) Menaik taraf Laluan FT 03 dari Marang ke Dungun sepanjang 46 km.

Dan tentunya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, masalah kesesakan ini juga insyaAllah akan dapat diselesaikan apabila siapnya LPT 2. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan satu aje

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya beri kepada Kemasik dulu.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi saya mengucapkan tahniah dan syabas atas usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas secara total dengan izin. Memandangkan sudah ada dari segi prasarananya berkenaan dengan perkhidmatan kereta api daripada Kuantan – Kertih, saya ingin bertanya adakah Kerajaan setakat ini mengambil langkah bagi menghidupkan balik servis ataupun perkhidmatan kereta api Kuantan – Kertih dan mungkin selain daripada menyediakan sebagai laluan untuk pengangkutan kargo ataupun barang-barangan mungkin juga boleh dilihat sebagai pengangkutan alternatif untuk menyediakan perkhidmatan bagi penumpang-penumpang memandangkan di Negeri Terengganu ini kita tidak ada perkhidmatan kereta api selain daripada kawasan di sini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu kajian bagi landasan kereta api bagi Pantai Timur telahpun disiapkan oleh ECER dan memang diharapkan selepas kajian ini beberapa pendekatan dibuat supaya hasil daripada kajian ini akan terbina landasan kereta api Pantai Timur yang akhirnya akan memberi *alternative transportation* ke Pantai Timur dan Terengganu khususnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Dato' Yang Dipertua

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kemasik ada lagi?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ada satu lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi kepada Wakaf Mempelam dululah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, terima kasihlah Dato' Yang Dipertua. Saya ekoran daripada persoalan ini sayapun tertanya-tanya dan saya tak tahulah kot Kerajaan sini ada jawapan atau tidak?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tanyalah dulu Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apa sebab dia belanja RM800 juta, bina landasan kereta api 86 kilometer untuk nak elak daripada kesesakan jalan raya, untuk nak angkut kargo-kargo dan juga hasil-hasil hiliran Petronas ini daripada Kerteh – Kuantan tapi dia *stop* operasi tengah jalan. Jadi saya teringat pasal dulu kes kereta api Bukit Besi dulu, bina zaman Pas tutup zaman BN (Umno), hak nipun bina zaman Pas tutup zaman BN (Umno), lepas itu ECER buat kajian pulak nak buat laluan kereta api. Jadi rasional dia, alasan dia sebab dia tutup tu ada jawapan ke tidak, orang ramai duk tanya, saya nak jawab tak reti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam ni (dalam gelak) Sila duduklah Yang Berhormat. Jawablah Rantau Abang jika perlu.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, landasan kereta api yang ada itu daripada Kertih – Gebeng saya rasa dan memangpun dari segi kemudahan muatan kargo digunakan sepenuhnya oleh Petronas, jadi saya tidak ada jawapan yang tepatlah kenapa tertutupnya laluan itu buat sementara ataupun seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, Rantau Abang bagi pihak Kerajaan dah jawab tu, Wakaf Mempelam. Wakaf Mempelam ni tahu dah tapi saja dia nak pusing. Saya beri peluang sikit kalau perlu kepada Wakil Kemasik, kita dah lewat ni Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak Dato' Yang Dipertua. Jadi saya balik kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Exco berkenaan dengan langkah-langkah yang bakal dan akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini secara menyeluruh. Di antaranya adalah melebarkan jalan daripada sebahagian-sebahagian yang telah

disebutkan tadi. Jadi soalan saya bagi mengatasi sesetengah masalah khususnya jalan-jalan yang berbahaya yang mana kebelakangan ini kerap berlaku kemalangan contohnya di sekitar kawasan berhampiran IKBN Kemasik yang mana kerap berlaku kemalangan dan juga di sekitar kawasan berhampiran dengan simpang empat *traffic light* kawasan Rantau Petronas di mana seringkali berlaku kemalangan. Jadi dalam usaha Kerajaan untuk mengatasi selain daripada masalah kesesakan lalulintas, apakah pandangan Kerajaan tentang menyelesaikan masalah selain daripada kesesakan lalulintas jugak masalah jajaran jalan yang berbahaya dalam erti katanya menyelesaikan dua masalah dalam satu tindakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, ini soalan rakyat, yang tadi soalan politik. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI ZA'ABAR BIN MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun saya sebut tadi keseluruhan jajaran itu ialah di bawah Jalan Persekutuan tetapi dari masa ke semasa peruntukan juga disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi sebahagian mungkin dari kesesakan yang berlaku dan juga ke atas kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan. Sebagai contohnya kalau kata hari ini dengan pembangunan Mesra Mall, jalan itu telahpun dilihat sempit dan kita telahpun menyiapkan pembesaran jalan itu melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Tentunya Kerajaan Negeri akan bersedia dari masa ke semasa untuk memperbaiki dan menambah kebaikan jalan-jalan yang disebut tadi walaupun secara tanggungjawabnya keseluruhan jalan-jalan itu ialah Jalan Persekutuan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat Rantau Abang. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah tamat Soalan Lisan lebih daripada waktunya dan kita teruskan kepada agenda seterusnya.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) (NO. 1) 2011

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan **Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360**, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG
MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9(iii) Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu [En.Tr.17/1360] supaya PENGURUSAN ASET AIR BERHAD menjadi badan yang kepadanya tanah orang-orang Melayu boleh dipindahmilik, digadai atau dipajak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali

Yang Kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan jika ada. Ya, Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Saya ucap terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya mengambil masa sedikit untuk membahaskan Enakmen yang dikemukakan bagi membolehkan Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan)(No.1) 2011 dipinda dengan memasukkan selepas perenggan dan subperenggan berikut iaitu kepada Pengurusan Aset Air Berhad. Saya terpanggil untuk nak bahas sikit oleh kerana soalan saya semalam, saya tanya bilakah migrasi Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam usaha penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara telah ditolak. Dan hari ini dikemukakan Rang Undang-Undang sepertimana yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak ambil sejarah sikitlah bila kita nak bahas tentang nak pinda Enakmen Tanah Simpan Orang-orang Melayu ini kerana dalam perlembagaan negara kita, tanah dan air adalah termasuk dalam Senarai Negeri (*State List*) dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan sebelum pada ini negeri-negeri melalui Jabatan Bekalan Air mengawal keseluruhan industri perkhidmatan air. Lepas itu atas dasar pengkorporatan untuk nak meningkatkan servis maka dikorporatkan, ditubuhkan SATU kalau di Terengganu dan syarikat-syarikat lain di negeri-negeri lain. SATU ini ditubuhkan untuk mengurus, mengoperasi, menyelenggara bekalan air kepada pengguna di Negeri Terengganu ini. Dan SATU ini sepertimana yang kita semua tahu ialah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, bila diambil tugas ini daripada Jabatan Bekalan Air, maka tugasnya ialah antaranya perawatan dan pengagihan air yang melibatkan loji rawatan, tangkiimbangan, tangki agihan serta paip utama dan paip agihan. Aset-aset ini hak negeri asalnya, bila SATU ambil maka sebagai balasan SATU bayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu dalam konteks kita di Terengganu kalau tak silap saya lebih kurang RM30 juta setahun. Tetapi pada akhir tahun 2006, Perlembagaan Persekutuan telah dipinda untuk membenarkan Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif ke atas perawatan dan bekalan air dan akhirnya Parlimen meluluskan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (*Water Services Industry Act 2006 – WASIA*) dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Melalui WASIA ini pula wujud SPAN (Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara) yang akan mengawal selia operator air yang dilesenkan dari segi perkhidmatan teknikal dan jugak keuntungan.

Pengurusan Aset Air Berhad yang kita nak luluskan Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu di Negeri Terengganu yang enakmen dikemukakan ini, PAAB (Pengurusan Aset Air Berhad) ialah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Malaysia dan syarikat ini lesenkan oleh SPAN untuk pengurusan aset air. Jadi pengstruktur semula industri perkhidmatan air ini dikatakan bertujuan supaya operator air memberi keutamaan kepada kualiti air dan kualiti perkhidmatan dan tidak lagi memikirkan beban modal, hutang, liabiliti dan projek-projek pembangunan infrastruktur yang baru, tidak akan dipertanggungjawabkan kepada operator. Dan Kerajaan Pusat kita dah tahu dan saya jugak difahamkan sudah menghentikan pinjaman untuk projek bekalan air ke negeri-negeri kerana alasan negeri-negeri tidak membayar balik pinjaman. Saya tidak tahulah berapa baki pinjaman untuk projek bekalan air di Terengganu yang masih belum dibayar oleh Negeri Terengganu kepada Pusat. Ada beberapa negeri yang telahpun migrate kepada SPAN dan inilah soalan saya tanya, adakah kita juga melalui enakmen ini kerana enakmen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 16hb Mac 2011 maknanya *backdated* dah. Jadi rakyat perlu tahu adakah kita telahpun migrate dan ikut negeri-negeri lain. Macam baru-baru ini Pulau Pinang antara negeri yang terakhir telahpun buat perjanjian. Jadi itulah sebabnya kita nak supaya kita teliti perkara-perkara ini. Yang pertama, bila berlaku pemindahan ataupun migrasi ini adakah kadar air akan naik, saya yakin begitu kerana kalau tidak tak cukup untuk bayar balik kos pinjaman untuk pembinaan loji-loji baru oleh PAAB yang kita nak luluskan enakmen pada pagi ini, Pengurusan Aset Air Berhad kerana ada beberapa jenis aset yang disebut iaitu antaranya ialah aset dengan liabiliti ataupun hutang, aset yang masih mempunyai hutang yang belum selesai dan aset-aset ini sepatutnya ditebus melalui tarif air, dia kodkan begitu. Maknanya bila serah ke dia, dia ambil tanggungjawab untuk memberikan modal untuk projek-projek baru tetapi tarif air yang ada sekarang ini, Terengganu antara yang agak murah tak mampu dengan kadar tarif yang ada itu untuk membayar balik. Jadi adakah dengan migrasi ini yang akan kita luluskan enakmen pada pagi ini akhirnya kadar air di Terengganu akan dinaikkan dan rakyat sekali lagi akhirnya akan terbeban. Jadi saya mintak penjelasan-penjelasan ini kerana soalan saya ditolak tak apalah tetapi sekurang-kurangnya ada kesempatan bila kita kemukakan enakmen ini tentang permasalahan dan jugak persoalan-persoalan yang saya timbulkan tadi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap? Tidak ada. Saya jemput pihak Kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sila.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, dia sentiasa nak bermain dengan politik seolah-olah menggambarkan

bahawa bila perkara ini berlaku tarif air akan naik dan rakyat akan susah, rakyat miskin bertambah miskin. *The word is unpleasant*, Dato' Yang Dipertua. Pertamanya, enakmen ini dipinda untuk membolehkan pindahmilik, gadaian, pajakan dibuat kepada Pengurusan Aset ini kerana untuk memenuhi tuntutan yang telah dibuat oleh semua negeri-negeri sebab itu tarikhnya sebagaimana yang telah ditetapkan iaitu berkuatkuasa pada 16 Mac 2011. Kedua, soal migrasi, dua soal yang berbeza, tiada kena mengena dengan enakmen ini yang membolehkan badan ini menerima gadaian dan pindahmilik tetapi soal migrasinya sebagaimana disebutkan tadi, saya nak betulkan balik oleh Wakaf Mempelam yang disebut tadi yang mana Pulau Pinang merupakan negeri terakhir menandatangani perjanjian untuk migrasi ini. Tak betul, kita Negeri Terengganu tidak pernah buatpun lagi migrasi ini, perjanjian dengan Kerajaan Pusat dalam soal migrasi ini dan kalau kata Penang terakhir maknanya Terengganu dah lepas dahlah, itu maknanya tapi tak kena.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan saya maksud begitu, Penang sudah buat dah negeri yang paling akhir yang saya tahunya telah buat, Terengganu tak lagi Yang Amat Berhormat tapi Penang telahpun bersetuju, dalam beberapa negeri yang telah bersetuju dan yang terakhirnya Penang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Betullah yang disebut yang terakhirnya Penang maknanya Terengganu telah bersetuju awal dahlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Aah terakhir setakat ni, payah faham sungguh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Pusing sokmo Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): La-ilaha-ilallah. Hak mana pusing, siapa dia pusing tak tahu ni.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak pusing mana ni, jawapan tepat. Sebab itu saya katakan tadi kita tidak pernah berunding setakat ini dari segi imigrasi ini kerana kita masih lagi berpegang kepada prinsip asal kita apabila kita *corporatisedkan* iaitu SATU suatu ketika dulu. Dan tidak ada rundingan-rundingan yang dibuat oleh saya dengan Kerajaan Pusat setakat ini. Sebab itu saya nak sebut pembetulan dan jangan cuba kelirukan kepada rakyat. Yang Berhormat telah membuat andaian bahawa akan berlaku harga naik dan Yang Berhormat sendiri akui bahawa Terengganu salah sebuah negeri yang termurah tarif airnya

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kualitinya

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kualitinya baik. Walaupun kita buat dalam keadaan rugi, kita NRW yang salah satu di antara negeri yang tertinggi 38 sebab itu tahun ini kita targetkan 35 dan sampai ke satu peringkat sampai 30. Ini yang kita lakukan dan kita buat pembaikan dari masa ke semasa, sama ada pinjaman Kerajaan Pusat yang kita masih lagi menerimanya dan kita juga menggunakan peruntukan kita sendiri untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang kritikal yang telahpun kita luluskan baru-baru ini peruntukannya. Dan kita arahkan Jurutera Daerah SATU untuk mengenal pasti laluan-laluan yang paling kritikal yang perlu diperbaiki segera untuk mengurangkan NRW ini. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat Wakaf Mempelam jangan membuat andaian yang akhirnya akan menyusahkan rakyat kerana sebenarnya tidak ada isu kenaikan harga air tetapi sengaja diada-adakan untuk pancing masyarakat kerana sudah tahu pilihan raya mungkin tidak lama lagi. Justeru itu, sekali lagi saya nyatakan bahawa ianya tidak berbangkit sama sekali.

Dato' Yang Dipertua saya pohon izin kebetulan saya membuat jawapan tadi dan saya nak sambung sedikit lagi mengenai perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Ladang sebentar tadi mengenai tanah yang dikatakan rezab surau, saya pohon izin Dato' Yang Dipertua kalau diizinkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Semakan sekali lagi telah dibuat dan saya telah mendapat pengesahan daripada Ketua Penolong Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu bahawa dinyatakan Penolong Pegawai Tanah, Kuala Terengganu telah membuat siasatan dan didapati bangunan rumah tambahan yang dibina sebagaimana dakwaan Wakil Ladang adalah tidak benar sama sekali kerana yang terkena ialah rezab jalan iaitu tidak kena rezab surau sebagaimana yang dimaksudkan. Malahan telah ditunjukkan kepada saya Dato' Yang Dipertua, dari segi pelan-pelannya iaitu surau kemudian ada jalan dari Gelong Bilal ke Gong Tok Nasek, kemudian ada tempat letak kereta, ini merupakan kawasan yang direzabkan untuk surau. Ada satu lagi jalan selepas jalan itu barulah ada rumah yang berkenaan dan dihujung itu ada tambahan di belakang jalan itu, jadi tak kena sama sekali. Saya ingin membuat pembetulan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia ambil kesempatan, kita bincang enakmen ni, jadi dia pusing jugak tapi Dato' Yang Dipertua beri tak apalah.

Saya nak balik kepada ini Saya masih pertikaikan dan persoalkan, kalau Kerajaan Negeri tidak berhasrat, tidak ada niat untuk migrasi apa perlunya enakmen ini dikemukakan? Untuk apa kita nak sibuk nak luluskan supaya tanah-tanah orang Melayu di Terengganu boleh dipindahmilik, digadai, dipajak kepada PAAB ni, apa tujuan kalau kita tak ada niat, berhasrat untuk migrasi? Sekadar penjelasan, saya mintak Yang Amat Berhormat tolong.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sebutkan sekali lagi. Enakmen ini dibuat untuk diselaraskan dengan negeri-negeri yang lain dan setakat ini kita belum buat apa-apa perundingan lagi untuk migrasi dan sebagainya. Dan saya telahpun mintak izin daripada Yang Dipertua tadi, kenapa nak dibangkitkan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, memang saya benarkan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Untuk mengelakkan kekeliruan. Saya kata tak kena tadi, bila ADUN Ladang kata kena seolah mencabar saya, untuk memperbetulkan keadaan saya sahut cabaran saya kata kalau pegawai kita buat tindakan tak betul kita akan ambil tindakan ke atas pegawai berkenaan. Bila saya kemukakan perkara ini kepada pihak berkenaan, jawapan yang diberikan tepat termasuk dengan pelan-pelannya sekali, tak kena. Ini merupakan *hear-say*, pergi tengok, pergi hendap-hendap aje, ooh ini kena tanah orang tetapi ini adalah jawapan dengan pelannya sekali sebab itu saya perlu pembedaan Dato' Yang Dipertua kalau tidak perkara ini akan keluar cerita macam-macam di luar sana Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau terbabit dengan soalan awal saya, boleh saya lanjutkan perbincangan ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan perbincangan, kalau nak penjelasan saya benarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak jelaskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila. Eer Yang Berhormat nak jelaskan tak boleh, nak penjelasan daripada Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak mintak penjelasan. Dia ada dua isu, satunya tambahan bangunan itu katanya terletak di atas akses jalan. Yang keduanya, tambahan itu

terletak atas rezab Surau Gelong Bilal. Saya juga telah buat semakan di Pejabat Tanah mungkin salah saya, wallahuwa'alam tapi itulah yang diberitahu bahawa memang bangunan itu terkena dua, satu, akses jalan, satu lagi tanah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, cukup tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Dokdang* habis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah kalau Yang Berhormat nak penjelasan yang itu, saya nak jemput Yang Amat Berhormat jawab, tak payahlah buat penjelasan. Yang Berhormat tanya tadi telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat. Yang Berhormat tanya bagi Dewan jawapan Yang Amat Berhormat lebih afdal, dia bagi pihak Kerajaan. Yang Berhormat mungkin pergi tanya-tanya begitu saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa, kalau begitu kita akan buat semakan bersama semula, insyaAllah, untuk betulkan keadaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya perlukan pihak *authority* yang menjawabnya bagi pihak Wakil Ladang, boleh Wakil Ladang sebut pegawai mana yang beritahu ke Yang Berhormat bahawa itu terkena rezab surau?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya akan tunjukkan kemudianlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya perlukan jawapan sekarang, Dewan nak tahu ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya akan beritahu kemudian di mana saya buat semakan itu

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): dan saya tunjukkan pelannya sekali.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak boleh, sebab Yang Berhormat dah dapat dokumen itu mengatakan ia termasuk dalam rezab surau dan diberitahu oleh seorang pegawai di Pejabat Tanah. Jadi saya mintak kebenaran

Dewan ini supaya diberitahu siapakah pegawai berkenaan sebab saya beritahu, saya mendapat jawapan daripada Ketua Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu, Encik Omar bin Mat, ada authority kalau nak bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Izinkan saya untuk buat semakan kemudian.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takkan nak beri semakan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dalam ni tak bawa rasanya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takkan namapun tak ingat Yang Berhormat. Jangan gok bulan-bulan puasa nak pelawok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan soal pelawok

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya nak buat keputusan, duduk sekejap Ladang. Demi kemuliaan Dewan kita ini Ahli-ahli Yang Berhormat, kadang-kadang kita kaitkan dengan mereka yang tidak boleh bersuara di dalam Dewan. Jadi etika kita sebagai Yang Berhormat kita kena inilah Jadi saya jemput, dah ditanya oleh pihak Kerajaan tadi untuk memperjelaskan sebelum kita bersurai atas isu ini Yang Berhormat Ladang beritahu nama pegawai berkenaan yang Yang Berhormat rujuk itu, maknanya Yang Berhormat masih lagi bertelagah dengan pihak Kerajaan, sila beritahu Dewanlah nama pegawai berkenaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Itulah maknanya saya perlu buat semakan semula dengan pegawai itu, dia tunjuk pelan, dia deraf pelan dan itulah yang ditunjukkan kepada saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, dia tak putus Yang Berhormat, Yang Berhormat semak semula jadi pihak Kerajaan tak tahu yang mana dia nak semak, takut Pejabat lain Yang Berhormat pergi ni, Mahkamah Syariah ke, apa ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya akan pergi jumpa dia Yang Berhormat. Okeylah, ada dua isu, satunya kalau akses jalan itu maknanya bangunan itu dibenarkan buat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Takkanlah bekas Pengarah PTG, Pegawai Tanah Kerajaan tidak tahu kalau buat atas tanah Kerajaan, sama ada rezab jalan, rezab apapun tak boleh, kenapa tanya boleh tak boleh pulak? Salahlah tu, sebab itu saya sebut dah tadi notis telah dikeluarkan, jawapan awal saya tadi, notis telah dikeluarkan untuk perobohan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cuma Yang Berhormat ingin bermain kata-kata, takkanlah nama orangpun tak ingat, pada hal beriya-iyah kata ada pelan, apa-apa, terkena rezab surau. Apabila kita mintak, tanya nama pegawai nak *check* balik pulak. Kita bercakap dalam Dewan yang mulia ni, dalam bulan puasa pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya tidak berniat untuk berbohong. Saya beritahu apa yang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Ladang

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya mintaklah, tak pohon tak apa, saya mintak biar ikhlas nama pegawai itu, ada authority ke tidak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nanti saya jumpa Yang Amat Berhormat

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, apa perlu untuk dia beritahu pegawai sedangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam kes TOP IT bila saya maklumkan tentang penyelewengan dalam TOP IT

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): berlaku ugutan kepada pegawai-pegawai di TOP IT. Jadi apa perlu untuk Yang Berhormat Ladang untuk memberitahu nama

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok duduk!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): tak perlu sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Siapa yang ugut?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): melakukan pentadbiran cara mengugut pegawai-pegawai Kerajaan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Siapa ugut? Buktikan saya ugut.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Banyak ugutan yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar lakukan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok jangan emosi.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Memang, memang Yang Amat Berhormat Menteri Besar banyak mengugut Pegawai-pegawai Kerajaan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: You bohong! Batu Burok bohong!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ke atas pentadbiran yang beliau lakukan, penyelewengan yang ada, salah guna kuasa yang ada, dia ugut Pegawai-pegawai Kerajaan. Apa perlu Yang Berhormat daripada Ladang untuk menyebut nama Pegawai Kerajaan untuk memberi maklumat kepada dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, ADUN Batu Burok adalah merupakan '*Desprados*'

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Amat Berhormat

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: kerana banyak pembohongan, penipuan, penyelewengan (tepuan sokongan oleh Penyokong Kerajaan) dan juga apa yang dilakukan

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kalau Yang Amat Berhormat kata saya pembohong, sayapun boleh kata Yang Amat Berhormat pembohong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Buktikanlah! Saya dah buktikan

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Kalau pembohong, penipu boleh digunakan di Dewan ini, saya jugak akan gunakan bahasa itu di Dewan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat adalah pembohong bersiri, saya dah sebut dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk sekejap.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya mintak ruling daripada Speaker dari segi boleh guna ke tidak

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): dari segi pembohong digunakan di Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, saya mintak Yang Berhormat Batu Burok duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi peluang itu tadi dalam agenda yang lain supaya kita keluar daripada Dewan yang mulia ini tidak berlaku penjelasan yang keliru. Jelas tadi soalan-soalapun keliru, saya tahu soalnya lain, yang dia nak itu lain dan saya memberi keputusan untuk membenarkan Yang Amat Berhormat mencelah dalam jawapan Kerajaan agenda yang lain kerana mempertahankan integriti Kerajaan Negeri yakni pegawai-pegawai yang bertugas dengan baik, cemerlang, tidak diselewengkan oleh fakta orang politik yang sengaja untuk mencari publisiti. Yang Berhormat harus faham, jangan melenting. Jadi saya putuskan di sini oleh kerana Ladang tidak dapat mengemukakan kehendak dan keikhlasan kepada pihak Kerajaan maka perkara ini selesai, tidak payah dibangkit-bangkitkan lagi. Kalau dibangkit keluar bermakna Wakil Ladang dan juga sekutu-sekutunya mengkhianati pegawai-pegawai dan juga Dewan yang mulia ini. Jadi saya menjemput Yang Amat Berhormat

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Speaker, apa jenis ruling macam ni, mengikut peraturan mana ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Peraturan apa ni, peraturan macam ni, apalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok ni saya ingat tak layaklah duduk di Dewan ini kalau tak faham apa yang saya cakap. Saya mintaklah para Pemerhati dan sidang Dewan sekalian menilai apa yang berlaku dalam sidang sekarang. Saya jemput Yang Amat Berhormat

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua membenarkan Yang Amat Berhormat menggunakan bahasa 'tipu', 'bohong' dan sebagainya tanpa memberi sebarang ruling kepada Peraturan Dewan menggunakan bahasa-bahasa yang sedemikian. Saya minta ruling dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau saya nak ruling, nak ruling Yang Berhormat tu dulu. Batu Burok memulakan dengan perkataan yang sayapun kurang enak mendengarnya, bulan puasa ni Yang Berhormat. Yang Berhormat lagi banyak saya nak hukum. Jadi sekarang ini saya putuskan Yang Amat Berhormat, Ketua Kerajaan jika ada penggulungan lagi atas enakmen ini saya persilakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tidak ada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah mendengar tadi atas perkara enakmen ini, perbincangan kemudian pengguguran dari pihak Kerajaan. Cuma saya mencelah tadi atas kemuliaan Dewan maka sekarang saya buka atas agenda enakmen ini untuk undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No.1) 2011.**

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama yang diberikan kepada saya sepanjang kita mengendalikan sidang Dewan kita pada kali ini. Sebelum kita bersurai saya ingin mengambil kesempatan, pertamanya, saya nak memperbetulkan pengumuman saya lebih awal, pelajar-pelajar sebagai Pemerhati pada pagi ini bukan dari UniSZA tetapi daripada UMT (Universiti Malaysia Terengganu). Yang kedua, kepada seluruh anggota Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati sekalian, saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengucapkan 'Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri' dan mudah-mudahan insyaAllah, kita dapat menyempurnakan ibadat puasa sepanjang Ramadan ini dan menyambut hari raya dengan penuh kejayaan dunia dan akhirat, insyaAllah.

Jadi sekarang sebelum kita tangguh, kita bersurai marilah kita sama-sama membaca Surah Al-Asr' mudah-mudahan penyuraian kita mendapat berkat sepanjang waktu yang kita hadapi. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.40 PAGI.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGKAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Berapakah jumlah kekosongan penghulu mukim di seluruh Negeri Terengganu sepanjang Januari sehingga Julai 2011. Apakah langkah kerajaan untuk mengatasinya?

JAWAPAN : Jumlah kekosongan Penghulu Mukim diseluruh Negeri Terengganu adalah seramai 22 orang.

Untuk mengatasi kekosongan ini, Pentadbiran Negeri telah melaksanakan tanggung kerja disamping mengemukakan maklumat kekosongan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri untuk dibuat pengisian. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Sektor Awam (JKK-MPGSA) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Mei 2011 telah bersetuju supaya semua jawatan kosong dimansuhkan berkuat kuasa 1 Jun 2011 dan pengambilan baru dibekukan sehingga 31 Ogos 2011.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Nyatakan perkembangan terkini kawasan bebas cukai di Kenyir. Apakah langkah-langkah awal yang telah diluluskan oleh kerajaan untuk menjayakan kawasan bebas cukai tersebut dan terangkan pintu-pintu masuk barang-barang yang akan dipasarkan di kawasan bebas cukai tersebut.

JAWAPAN : a) Perkembangan terkini zon bebas cukai di Tasik Kenyir:-

- Kerja-kerja penyaluran sumber tenaga elektrik dari Kuala Ping, Hulu Terengganu ke Pulau Bayas sedang giat dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad dengan kapasiti 33KVA.
- Pembangunan di Pengkalan Gawi iaitu :

Pakej	Keterangan Pembangunan	Status
1	Bangunan Terminal Utama dan Jeti	Proses rekabentuk akhir
2	Kompleks dan kuarters Kastam	Proses rekabentuk akhir

- Pembangunan di Pulau Bayas iaitu :

Pakej	Keterangan Pembangunan	Status
1	Bangunan Terminal Utama dan Jeti	Penyediaan Tender Terpilih
2	Bangunan Kompleks Membeli Belah	Penyediaan Tender Terpilih
3	Bangunan Pencawang Elektrik dan Sistem Agihan Bekalan Voltan Tinggi dan Rendah.	Penilaian Tender
4	Jalan Buggy, Stesen Buggy, Jalan Servis, Jeti Pendaratan, Wakaf, Sistem Paip Air Retikulasi, Sistem Paip Air Kumbahan	Penilaian Tender
5	Sistem Rawatan Air dan Sistem Rawatan Kumbahan	Penilaian Tender

- :
- b) Langkah-langkah awal untuk menjayakan kawasan bebas cukai ialah:-
 - Melaksanakan Kajian Pembangunan Bebas Cukai, Kajian Environment Impact Assesment (EIA) dan Kajian Environment Management Plan (EMP) oleh Universiti Teknologi Mara.
 - Mengenalpasti 2 lokasi utama untuk pusat pengoperasian zon bebas cukai iaitu Pengkalan Gawi dan Pulau Bayas.
 - Mengenalpasti komponen-komponen yang perlu dibangunkan di kedua-dua lokasi utama iaitu :-

Pengkalan Gawi - Terminal utama dan jeti.
Kompleks dan kuarters
Kastam.

Pulau Bayas - Terminal dan jeti.
Kompleks Membeli Belah
Pencawang Elektrik dan
Sistem Agihan Bekalan.

Kemudahan infrastruktur.

Sistem Rawatan Air dan
Sistem Rawatan
Kumbahan.

- Menubuhkan Unit Pembangunan Tasik Kenyir dan diletakkan di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi mengawal dan memantau perancangan serta pelaksanaan projek-projek pembangunan Tasik Kenyir agar mencapai objektif Kerajaan Negeri.

c) Pintu masuk bagi zon bebas cukai Tasik Kenyir ialah Pengkalan Gawi.

SOALAN 2 : Di bawah **Syarikat Terengganu Agriculture Development Corporation (TADC)**, berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan apakah projek yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 hingga 2011

JAWAPAN : Peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada Terengganu Agrotech Development Corp Sdn. Bhd. (TADC) adalah sebanyak RM24,224,460.00 sejak tahun 2006.

Projek yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 hingga 2011 adalah seperti berikut :-

- i. Projek Penanaman Jagung Hidbrid di Kampung Nibong

- ii. Penambahbaikan Pusat Pengagihan Buah-buahan di Telaga Papan Setiu.
- iii. Penambahbaikan Projek Agrobiotech di Ajil (Hulu Terengganu)
- iv. Program membeli dan memasarkan hasil-hasil pertanian bagi mengurangkan lambakan dan menstabilkan harga buah-buahan tempatan pada tahun 2010.

SOALAN 3 : Di bawah **Syarikat Terengganu Tech**, sejauh manakah kerajaan memantau harga dan mutu benih padi yang dibekalkan kepada petani. Sejak diswastakan harga benih padi telah meningkat daripada RM1.00 kepada RM1.80 sekilogram, adakah kerajaan sedar tentang kenaikan harga yang tinggi dan membebankan petani.

JAWAPAN : Tidak Berkaitan.

SOALAN 4 : Dalam usaha membantu para petani meningkatkan pengeluaran hasil padi, berapakah jentera membajak yang dimiliki oleh Jabatan Pertanian Terengganu mengikut pecahan daerah dan daripada jumlah tersebut berapakah jentera yang masih berfungsi mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : Terdapat 53 buah jentera pembajak di Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 buah masih berfungsi dan boleh digunakan. Manakala sebanyak 24 buah mengalami kerosakan dan dalam proses pembaikan.

Kedudukan status terkini jentera pembajak di Jabatan Pertanian Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah adalah seperti jadual di bawah :-

Bil.	Daerah	Jumlah Jentera	Bil. Boleh Digunakan	Bil. Rosak
1	Besut	6	3	3
2	Setiu	5	4	1
3	Hulu Terengganu	8	6	2
4	Kuala Terengganu	7	3	4
5	Marang	7	6	1
6	Dungun	6	2	4
7	Kemaman	4	3	1
8	Bhg. Kejenteraan Bt. Payung	10	2	8
	JUMLAH	53	29	24

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Setakat manakah bantuan atau kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan terhadap para peserta yang terlibat di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Serating dari segi:

- a) Pembinaan jalan bertar
- b) Kepastian untuk mendapatkan pampasan/gantirugi sekiranya tanaman rosak atau kena penyakit

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26 (6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Apakah status terkini pembinaan Klinik Kesihatan Marang dan Hospital Daerah Marang sebagaimana yang telah dirancangan.

JAWAPAN : Sebagai makluman, kedua-dua projek ini sememangnya berada dalam perancangan pihak Jabatan Negeri Terengganu untuk dilaksanakan di masa akan datang. Untuk projek klinik Kesihatan Jenis 3 Marang, pihak jabatan telah memohon untuk melaksanakan projek ini dalam RMK 10 First Rolling Plan (2011-2012) yang lalu namun ianya tidak diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Walau bagaimanapun, pihak jabatan sekali lagi telah menyenaraikannya dalam senarai permohonan projek RMK 10 Second Rolling Plan (2012-2013) sebagai salah satu projek yang diberi keutamaan tinggi oleh pihak jabatan. Sehingga kini ianya masih lagi menunggu kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi. Menurut maklumat yang diperolehi daripada pihak KMM, jangkaan status kelulusan projek-projek yang dipohon dalam RMK 10 Second Rolling Plan paling awal dapat diketahui dalam bulan Ogos ini. Pihak jabatan berharap agar projek ini dapat diluluskan dalam RMK Second Rolling Plan nanti agar sedikit sebanyak ianya dapat menampung keperluan kesihatan penduduk di Daerah Marang sebelum sebuah Hospital Daerah Marang dapat dibina kelak sebagaimana yang dirancangkan.

Untuk projek Hospital Daerah Marang pula, pihak jabatan telah turut menyenaraikan projek ini ketika permohonan projek RMK 10 First Rolling Plan (2011 – 2012) lagi, namun ini tidak diluluskan kerana belum selesai urusan perolehan tanahnya. Sebagai makluman, permohonan perolehan tanah untuk tapak pembinaan Hospital Daerah Marang telah diangkat ke pihak Kementerian pada 26 Disember 2007 dan sehingga kini masih menunggu lawatan tapak daripada pihak kementerian.

SOALAN 3 : Sila nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap keputusan untuk memindahkan tempat pembuangan sampah di Kg.Gong Tepah, Jalan Batangan ke tapak pelupusan baru di Kg. Tertak Batu.

JAWAPAN : Tapak pelupusan sampah di Kg. Gong Tepah, Jalan Batangan, Marang akan dipindahkan sekiranya Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari baru di Kg. Tertak Batu siap dibina.

Maklumbalas terakhir yang diperolehi daripada Jabatan Pengurusan sisa Pepejal Negara iaitu agensi yang bertanggungjawab membina tapak Pelupusan Sisa Pepejal baru memaklumkan tapak pelupusan baru di Kg. Tertak Batu masih dalam pertimbangan kelulusan Kajian Environmental Impact Assessment adalah dijangka proses penyerahan kerja kepada kontraktor pembinaan dan tempoh penyiapan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Baru akan mengambil masa selama (2) dua tahun.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah pengundi dalam senarai daftar pemilih yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Terengganu yang namanya sama, No. Kad Pengenalan lama sama, tetapi satu hingga tiga digit angka terakhir di Kad Pengenalan baru (MY Kad) yang berbeza dan didaftar lebih dari satu daerah mengundi yang berlainan.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah pemilih yang asalnya rakyat negara asing yang telah diberi taraf kerakyatan, kod 02 (kelahiran negeri Kedah) tetapi telah didaftar sebagai pengundi di seluruh negeri Terengganu mengikut pecahan daerah.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Sila senaraikan projek-projek perumahan yang terbengkalai dan gagal disiapkan mengikut jadual di seluruh negeri ini mengikut pecahan daerah dan sila nyatakan nama-nama pemaju dan kontraktor yang terlibat.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah Penghulu Mukim di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah, dan sila nyatakan berapa ramaikan di antara mereka yang tiada kemudahan penempatan (Balai penghulu) dalam menjalankan urusan harian. Sehubungan dengan itu sila nyatakan jumlah Balai Penghulu yang ada tetapi tidak digunakan.

JAWAPAN : Jumlah Penghulu Mukim di Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Daerah	Bil Penghulu
1.	Kuala Terengganu	17
2.	Kemaman	9
3.	Dungun	8
4.	Besut	12
5.	Hulu Terengganu	6
6.	Marang	8
7.	Setiu	6
	JUMLAH	66

Bilangan Penghulu yang tiada Balai Penghulu dan bilangan Balai Penghulu yang tidak digunakan adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Daerah	Tiada Balai Penghulu	Balai Penghulu Tidak Digunakan
1.	Kuala Terengganu	9	2 (1 rosak)
2.	Kemaman	1	1 (Tiada penyandang)
3.	Dungun	2	1 (Kerana penggabungan 2 mukim)
4.	Besut	-	2 (rosak)
5.	Hulu Terengganu	-	3 (rosak)
6.	Marang	2	2 (rosak)
7.	Setiu	1	3 (Tiada penyandang)
		15	16

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR
WAKIL LADANG

- SOALAN 1** : Apakah benar Kerajaan Negeri pernah membeli pokok kurma dari luar negara. Bilakah pembelian ini dibuat. Berapakah kos yang terlibat dan siapakah pembekalnya. Apa terjadi dengan pokok-pokok ini. Di manakah pokok-pokok ini ditanam.
- JAWAPAN** : **DITOLAK menurut perkara 26 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MUHAMMAD PEHIMI BIN JUSOH
WAKIL KOTA PUTERA

SOALAN 1 : Apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi menjamin sumber ekonomi atlet anak negeri dimasa akan datang selain daripada dengan pemberian imbuhan jangka pendek?

JAWAPAN : i) 'Smart Partnership'

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu telah menjalin persefahaman dengan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS) Negeri Terengganu di bawah Program Kecemerlangan Akademik dalam membantu para atlet mendapat tempat di IPT walaupun dengan kelayakan paling minima. Tindakan ini bertujuan bagi memastikan aspek akademik mereka juga diberi perhatian di samping mereka menjadi atlet cemerlang. Dengan ini selepas atlet bersara dari sukan dan dengan kelulusan akademik yang mereka ada, mereka akan dapat membina kerjaya sendiri dengan lebih terjamin.

ii) Bantuan Biasiswa

Kerajaan Negeri juga telah memberikan biasiswa pengajian, bayaran asrama dan bantuan tuisyen bagi atlet-atlet SUKMA dan atlet Sekolah Sukan Terengganu Bukit Nenas dalam memberi rangsangan agar para atlet pelajar ini bukan sahaja bermotivasi untuk bersukan tetapi juga untuk mempertingkatkan akademik masing-masing supaya masa depan mereka lebih terjamin.

iii) Insentif Kemenangan

Kerajaan untuk melaksanakan pemberian insentif kemenangan kepada para atlet yang berjaya dalam bentuk pelaburan seperti ASN, Insuran Pendidikan, Simpanan Tetap yang tidak boleh dikeluarkan dalam tempoh masa pendek atau deposit ke Tabung Haji dan sebagainya dan bukan lagi dalam bentuk tunai. Perkara yang sama telah dilakukan oleh Majlis Sukan Negara pada suatu ketika dahulu di mana insentif kemenangan atlet Negara diberi dalam bentuk pelaburan ASN dan ASB.

SOALAN 2 : Berapakah bilangan atlet dikalangan anak negeri Terengganu yang dianugerahkan biasiswa Kerajaan Negeri Terengganu bagi menyambung pelajaran di Pusat Pengajian Tinggi?

JAWAPAN : Daripada maklumat yang ada di Majlis Sukan Negeri Terengganu, seramai 77 orang atlet anak Negeri Terengganu melanjutkan pengajian di Pusat Pengajian Tinggi.

Daripada bilangan tersebut seramai 23 orang berada di Pusat Pengajian Tinggi di luar Terengganu, manakala bilangan yang terlibat dengan pengajian di Pusat Pengajian Tinggi dalam Terengganu adalah seramai 54 orang.

Terdapat tiga (3) jenis biasiswa pengajian terlibat dengan atlet-atlet pelajar ini iaitu Biasiswa Sukan Kementerian Belia dan Sukan, Biasiswa PTPTN dan Biasiswa Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu.

Sebahagian besar daripada atlet pelajar iaitu 49 orang menerima biasiswa PTPTN, 15 orang menerima Biasiswa Sukan Kementerian Belia dan Sukan selebihnya iaitu 13 orang penerima biasiswa Kerajaan Negeri iaitu Yayasan Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan bilangan hidupan liar di Negeri Terengganu sentiasa terpelihara?

JAWAPAN

: Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah membuat beberapa perancangan untuk memastikan hidupan liar di Negeri Terengganu dapat dipelihara dan diurus dengan sebaik mungkin. Antara perancangan yang telah dan sedang dilaksanakan:-

i) Penubuhan Taman Negara / Taman Pemuliharaan / Santuari Hidupan Liar

Selain Taman Negara Terengganu, Taman Pemuliharaan Hidupan Liar seluas 15,000 ha. yang telah ditubuhkan pada awal tahun 2008 di Hutan Simpan Tembat di dalam Daerah Hulu Terengganu telah digazetkan bawah Akta Perhutanan. Tujuan untuk memastikan hidupan liar yang agresif ditempatkan atau dipindahkan ke kawasan ini. Sehingga sekarang Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN telah berjaya memindahkan sebanyak 17 ekor gajah liar yang bermasalah di seluruh negeri Terengganu ke kawasan ini.

Selain penubuhan taman pemuliharaan, Kerajaan Negeri telah mengazetkan dua lagi tebing pasir untuk pendaratan tuntung iaitu di Pasir Lubuk Besi dan Pasir Percung di Besut. Sebelum ini empat (4) pasir telah diwartakan sebagai pasir pendaratan tuntung iaitu Pasir Kumpul, Pasir Tok Chu di Dungun manakala Pasir Lubuk Kawah dan Pasir Temir di Hulu Terengganu. Keenam-enam tempat ini digazetkan bagi memastikan usaha Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk memastikan spesis tuntung di Negeri Terengganu diurus dan dipelihara dengan baik agar khazanah ini tidak pupus di bumi Terengganu.

ii) Penguatkuasaan

Untuk memastikan hidupan liar ini dapat diurus dan sentiasa terpelihara, program penguatkuasaan sentiasa dijalankan di seluruh Negeri Terengganu. Ini bertujuan memastikan hidupan liar tidak mudah diburu

dan dibunuh secara berleluasa. Dengan ini spesies hidupan liar dapat dilindungi daripada ancaman kepupusan. Jabatan PERHILITAN juga giat menjalankan aktiviti siaraya bagi mengingatkan orang awam khususnya rakyat negeri Terengganu agar tidak terlibat dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan hidupan liar. Program yang dijalankan termasuk mengedarkan risalah, ceramah, edaran poster dan meminta pihak masjid membuat pengumuman kepada para jemaah.

Aktiviti rondaan dan penguatkuasaan dijalankan dalam pelbagai program antaranya ops- pemburuan haram iaitu bagi mencegah aktiviti pemburuan haram, ops- jerat bagi memusnahkan jerat-jerat, ops-jaring bagi mencegah aktiviti menangkap burung.

Selain itu program rondaan sepenuh masa turut dijalankan khususnya ketika cuti-cuti umum yang panjang seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina dan sebagainya. Memandangkan pada cuti agak panjang, ramai pemburu-pemburu mengambil peluang untuk melakukan aktiviti memburu tanpa kebenaran.

iii) Program Kesedaran

Menjalankan program pendidikan pemuliharaan secara aktif dan terancang melalui latihan dan pendidikan pemuliharaan. Penumpuan adalah kepada golongan pelajar dan generasi muda. Program seumpama ini juga disasarkan kepada penduduk sekitar kawasan perlindungan bagi memastikan usaha kerajaan mendapat sokongan yang padu daripada penduduk setempat. Pusat Pendidikan Konservasi Biodiversiti yang terletak di Bukit Marak, Besut menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan kepada orang ramai khususnya pelajar. Semenjak tahun 2003 hingga Jun 2011 seramai 16,805 orang yang sebahagian besarnya warga Terengganu telah berkursus disini.

iv) Program Penyelidikan dan Inventori Hidupan Liar

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti UiTM, UMT, UKM dan Universiti Singapura saling bekerjasama secara intensif untuk menjalankan kajian secara berterusan. Kajian ini memantu dalam mencari kaedah terbaik untuk konservasi pengurusan hidupan liar yang lebih mampan. Sebagai contoh, pengurusan 'animal viaduct' yang pertama di Malaysia telah diperkenalkan yang terletak di Lebuhraya Kuala Berang – Aring dimana mengurangkan kadar hidupan liar dilanggar oleh kenderaan ketika melintas jalan.

Program-program inventori turut giat dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN Negeri Terengganu dengan kerjasama Ibu Pejabat PERHILITAN dan lain-lain agensi seperti FRIM, UKM dan UNISAINS. Misalnya pada bulan November 2010 program inventori telah dijalankan di Hutan Simpan Tembat, Hulu Terengganu.

Untuk Taman Negara Terengganu program inventori turut dijalankan pada setiap empat (4) tahun bagi mengetahui status kehadiran dan populasi semasa hidupan liar yang ada.

v) Program In-situ dan Ex-situ

Bagi memastikan kehadiran fauna dapat diterima masyarakat, populasi hidupan liar turut perlu dikawal agar habitat yang ada dapat menampung bilangan hidupan liar berkenaan. Untuk itu jabatan PERHILITAN mengklasifikasikan pengurusan hidupan liar pada lokaliti asal dalam bentuk pengurusan In-situ. Tindakan bersesuaian akan diambil bagi memastikan hidupan liar terus kekal dan dalam masa yang sama tidak menyebabkan masalah besar kepada masyarakat.

Bagi hidupan liar yang hampir pupus, program ex-situ dilakukan, contohnya program pembiakan semula burung Merak Hijau di Bukit Marak, Besut.

Kerajaan Negeri dan Jabatan PERHILITAN amat serius dalam usaha memulihara khazanah fauna dan hidupan liar yang ada. Bagaimanapun kerjasama semua pihak adalah penting bagi memastikan khazanah ini dapat diwarisi generasi hadapan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Nyatakan kekerapan lawatan Y.A.B. Menteri Besar Terengganu ke Luar Negara dari tahun 2008 hingga 2010 dan nyatakan berapakah jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke Terengganu dan jenis pelaburan.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah kes jenayah syariah dan apakah langkah kerajaan menanganinya.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 3 : Nyatakan jumlah pembinaan jalan di Daerah Dungun dan berapakah kos yang terlibat dan nyatakan berapakah jumlah yang masih terbengkalai serta sebab-sebabnya.

JAWAPAN : **DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Senaraikan nama pelajar yang mendapat biasiswa tajaan Yayasan Terengganu untuk mengikuti latihan penerbangan sejak Januari 2008 hingga April 2011 dan apakah syarat-syaratnya.

JAWAPAN : Senarai nama pelajar dan syarat-syaratnya sebagaimana berikut :-

Syarat-syarat Untuk Memohon Kursus Lesen Juruterbang Kapal Terbang Komersial

1. Pemohon mestilah terdiri daripada anak-anak Negeri Terengganu berdasarkan kepada salah seorang ibu atau bapa pelajar berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
2. Pemohon atau ibu/bapa yang bukan rakyat Negeri Terengganu tetapi telah bermastautin selama tidak kurang dari 10 tahun juga boleh memohon dengan menyertakan surat akuan bermastautin dan bukti-bukti lain yang meyakinkan.
3. Berumur antara 18 hingga 26 tahun.
4. Tinggi Calon-calon – 163 cm.
5. Lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya B dalam Matematik Moden, Matematik Tambahan, Fizik, Bahasa Inggeris dan kepujian dalam Bahasa Melayu.
6. Telah mendapat tawaran/tawaran dari mana-mana Akademi Penerbangan yang diiktiraf oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA).
7. Lulus peperiksaan perubatan Class 1. Peperiksaan ini hendaklah disempurnakan oleh calon-calon yang berjaya dalam ujian pemilihan dan temuduga yang akan dikendalikan oleh Yayasan Terengganu dan Akademi Penerbangan.

**SENARAI NAMA PELAJAR KURSUS LESEN JURUTERBANG
DARI TAHUN 2008 HINGGA 2011**

BIL	TAHUN KEMASUKAN PENGAJIAN	NAMA & NO K.P.	TEMPAT BELAJAR	JUMLAH PINJAMAN
1.	2008	AMIR RASHID BIN ABDUL RAHMAN (881116-56-6595)	HM AEROSPACE LANGKAWI	RM270,000.00
2.	2009	MUHAMMAD NAZIRUL BIN ABD HAMID @KHAM SUL (870125-11-5485)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM225,000.00
3.	2009	AMERUL HELQAL BIN YAHAYA (910802-14-5889)	HM AEROSPACE LANGKAWI	RM270,000.00
4.	2009	MOHD KHAIROL BIN MAJID (910317-11-5491)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
5.	2009	MOHD HISHAM BIN MOHD NAZIR (910520-11-5243)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
6.	2009	AMEERUL ATTRIA BIN ISMADI (910112-11-5439)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
7.	2009	MUHAMMAD HARITH BIN ZULKIFLI (911122-14-5847)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
8.	2009	MOHD FAISAL BIN MOHD ALI (910120-14-5937)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
9.	2009	MUHAMMAD KHAIRUL AFIF BIN MUHAMAD (910921-03-6183)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
10.	2009	MUHAMMAD HAZWAN BIN JUFRI (911116-11-5123)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
11.	2009	MUHAMMAD AZMIERUL BIN CHE MAT (910617-06-5051)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
12.	2009	WAN AHMAD NASHIRIEN BIN WAN ZULKIFLI (910402-11-5285)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
13.	2009	MOHAMAD HELMI BIN RASLI (910412-11-5473)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
14.	2009	MOHD AMIRUL FAIZ BIN ABDUL AZIZ (910329-11-5333)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
15.	2009	RAJA MUHAMMAD ILHAM BIN RAJA ARIF (910707-10-5707)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
16.	2009	AHMAD ADAM BIN AHMAD MOKHTAR (910421-14-5367)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00

BIL	TAHUN KEMASUKAN PENGAJIAN	NAMA & NO K.P.	TEMPAT BELAJAR	JUMLAH PINJAMAN
17.	2009	MOHD SYAZWAN BIN CHE DERAMAN (910317-11-5221)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
18.	2009	ABDUL HAZIM BIN MOHD NADZERI (870802-43-5735)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
19.	2009	AHMAD AFIFI BIN ROSDI (901180-11-5603)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
20.	2009	ABDUL ARIF HAKIMI BIN ABDUL RAHIM (850516-11-5185)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
21.	2009	EZZAT AMIR BIN AHMAD FAUZI (901224-10-5003)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
22.	2009	MUHAMMAD FAIZAL BIN NAZIM (910919-11-5595)	HM AEROSPACE LANGKAWI	RM270,000.00
23.	2009	MOHD RAHIMI BIN MAMAT (870523-30-5129)	MALAYSIA FLYING ACADEMY, MELAKA	RM234,155.00
24.	2009	MOHD NAJMI AIMIN BIN RAHMAT (900511-30-5023)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
25.	2009	AHMAD FIKRI BIN AHMAD ZAMBRI (890310-14-5799)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
26.	2009	LUKMAN HAKIM BIN MOHD ZAKI (820825-11-5667)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
27.	2009	WAN MOHD FADZILNUR BIN WAN ZAKI (870302-11-5399)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
28.	2010	NURUL AINASYHIKIN BINTI GHAZALI (880411-11-5266)	MALAYSIAN FLYING ACADEMY, MELAKA	RM247,475.00
29.	2010	MUHAMMAD SHAHID ANGULLIA BIN TAWFEIK ANGULLIA (920628-11-5455)	KIST AVIATION ACADEMY, K.TRG.	RM235,500.00
30.	2010	MOHAMMAD QAIS BIN KAMARUDDIN (920107-08-6273)	KIST AVIATION ACADEMY, K.TRG.	RM235,500.00
31.	2010	MOHAMAD MUZAMIL BIN SHAFEE (900109-06-5849)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, K.BHARU	RM230,000.00
32.	2010	MD RAMZANI ASRAF BIN BAHARUDIN (850111-11-5347)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, K.BHARU	RM230,000.00
33.	2010	AZUAN BIN MOHD GHANI (920229-11-5095)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, K.BHARU	RM230,000.00
34.	2010	WAN AHMAD KHAIRUDIN BIN WAN KAMARUDIN (920731-11-5461)	KIST AVIATION ACADEMY, K.TRG.	RM235,500.00

BIL	TAHUN KEMASUKAN PENGAJIAN	NAMA & NO K.P.	TEMPAT BELAJAR	JUMLAH PINJAMAN
35.	2010	TAN WENG JU (920802-11-5419)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
36.	2010	MUHAMMAD NUR RAHIZAT BIN YAHAYA (910725-11-5271)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
37.	2010	MOHD AZIE HANIF BIN MOHD ZAHARI (890810-11-5035)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
38.	2010	MUHAMMAD RADZUAN ISKANDAR BIN MAZEUKI (920124-11-5523)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
39.	2010	AMIRUL FAIZ BIN MOHAMMAD (920625-11-5599)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
40.	2010	MUHAMMAD SHAHRIEZHAR IQHRAM BIN NOR AZAHAR (920730-11-5603)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
41.	2010	MUHAMMAD HASIF BIN AZMI (900419-06-5457)	KIST AVIATION ACADEMY, K.TRG.	RM235,500.00
42.	2010	NOR AKMAL AMIRA BINTI JAMAL (920531-11-5694)	KIST AVIATION ACADEMY, K.TRG.	RM235,500.00
43.	2010	SYEIKH AIZZUDDIN BIN SHEIKH HARUN (900426-11-5213)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
44.	2010	AHMAD FATHUDDIN BIN MOHAMAD (911126-11-5151)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
45.	2010	MUHAMMAD AIMAN FAHMI BIN RUSLLIN (920309-13-6179)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
46.	2010	WAN MUHAMMAD HAFIZI BIN WAN MUSTAFFA (921113-11-5733)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
47.	2010	MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN RIDZUAN (890831-06-5313)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00
48.	2010	AHMAD SYAKIRIN ZAKI BIN AHMAD ZAKI (920316-11-5659)	ASIA PACIFIC FLIGHT TRAINING, KOTA BHARU	RM230,000.00

Catatan: Belum ada lagi pengambilan untuk sesi 2011/2012.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Berapakah hasil tuaian ternakan ikan dalam sangkar di Sg. Como, Tasik Kenyir, purata sebulan sehingga kini ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Berapakah kos pembinaan litar motorcross dan keuntungan yang diperolehi dari penganjuran peringkat Asia baru-baru ini ?.

JAWAPAN : Kos pembinaan litar tersebut adalah sebanyak RM300,000.00 dan pembinaan ini diuruskan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu.

Keuntungan yang diperolehi daripada penganjuran ini ialah sebagaimana berikut :-

i. Dari Sudut Pelancongan

Daripada kajian yang dijalankan penonton siri perlumbaan ini dianggarkan sebanyak 4.9 juta buah rumah di seluruh dunia. Rakaman siri perlumbaan ini akan ditayangkan ke seluruh dunia melalui saluran sukan sebagai contoh Speed (Kanada/Amerika Syarikat), Dubai Sport Channel (UAE), YLE2 (Finland), Channel 5/Bt Broadband (United Kindgom) dan ESPN.

ii. Dapat menempatkan Terengganu sebagai salah sebuah negeri yang mempunyai litar perlumbaan terbaik di Malaysia malahan Asia Tenggara yang diiktiraf oleh Pegawai daripada AAM.

iii. Dengan harapan dapat mengurangkan masalah samseng jalan dengan terbinanya litar ini. Dapat menarik minat muda-mudi tempatan untuk mencuba sukan lasak bermotor ini.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDUA BELAS
PADA 22 DAN 23 OGOS 2011

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Berapakah kos pemasangan pokok hiasan berlampu di Pulau Warisan, Pulau Duyung ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila nyatakan perkembangan terkini projek pasar borong kekal yang telah diwar-warkan akan dibina di Bukit Payong, Marang, Terengganu. Bilakah projek ini dijadualkan dapat beroperasi.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan dalam mengawal kenaikan harga barangan pengguna, termasuk barang kawalan seperti ayam, tepung dan barangan dapur yang lain, adakah kerajaan negeri bersedia untuk memberikan subsidi sendiri khas untuk rakyat Terengganu, bagi meringankan keperitan bebanan kewangan golongan yang berpendapatan rendah, ini memandangkan negeri ini mendapat hasil royalti yang lumayan dari Kerajaan Pusat.

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Sila nyatakan berapa jumlah lot perniagaan mengikut jenis/bidang, dan nyatakan berapakah penjual asal di pasar lama yang telah mendapat tawaran tapak, dan berapakah peniaga lama yang menolak (jika ada).

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.